

UNSUR KESOPANAN DALAM NOVEL *MAGHFIRAH*
KARYA REHAN MAKHTAR

NUR SUHADA BINTI SAHARI

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

KELANTAN

2024



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

UNSUR KESOPANAN DALAM NOVEL *MAGHFIRAH*
KARYA REHAN MAKHTAR

NUR SUHADA BINTI SAHARI

TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA
PENGAJIAN WARISAN

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2024

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

- TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah
- Dari tarikh.....sehingga.....
- SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)
- TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

Tandatangan Penyelia

Nur Suhada Binti Sahari
C20A1276
Tarikh: / / 2023

Dr. Mohd Firdaus Che Yaacob
Tarikh: / / 2023

PENGHARGAAN

Pertama sekali, syukur ke hadrat illahi kerana dengan berkat izin dan limpah kurniaan-Nya, diharapkan penulisan projek penyelidikan ini dapat dilakukan dengan sehabis baik yang mungkin dan dengan jayanya. Kejayaan penulisan projek penyelidikan ini bukan hanya pengorbanan daripada diri sendiri tetapi turut melibatkan beberapa pihak yang sudi membantu memberikan tunjuk ajar, bantuan, pandangan dan dorongan untuk menyiapkan projek penyelidikan ini.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan sejuta penghargaan ditujukan kepada Dr. Mohd Firdaus Bin Che Yaacob yang merupakan penyelia dan pensyarah yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan yang tidak terhingga sepanjang melaksanakan projek penyelidikan ini. Beliau juga telah banyak memberi sokongan, dorongan dan kata-kata semangat untuk menyiapkan penulisan ini tanpa jemu. Beliau juga seorang yang tidak mengenal erti penat lelah untuk memberikan tunjuk ajar, teguran dan nasihat serta bimbingan supaya dapat menghasilkan penulisan dengan baik.

Di samping itu, tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada kedua-dua ibu dan bapa saya yang sering memberi dorongan dan semangat disepanjang saya menyiapkan tesis ini. Dengan doa serta dorongan yang diberikan ini dapat menjadikan saya seorang yang cekal dan sabar untuk menghasilkan sebuah tesis yang baik dan dapat memberi manfaat kepada orang lain. Selain itu, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada sahabat-sahabat seperjuangan yang sentiasa ada dan sering membantu sekiranya menghadapi masalah dalam menghasilkan penulisan ini. Segala jasa yang dicurahkan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Nur Suhada Binti Sahari
Kampung To Dap To Uban,
17050, Pasir Mas,
Kelantan.
01140226948
Emel: c20a1276@siswa.umk.edu.my

JADUAL KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
PENGESAHAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	v
SENARAI RAJAH	vi
ABSTRAK	vii
ABSTRACK	viii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	4
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Batasan Kajian	8
1.6 Kepentingan Kajian	10
1.7 Definisi Operasional	12
1.7.1 Novel	
1.7.2 Unsur Kesopanan	
1.7.3 Teori Pengkaedahan Melayu	
1.8 Organisasi Kajian	16
1.9 Penutup	18
BAB 2 SOROTAN KAJIAN LEPAS	
2.1 Pengenalan	19
2.2 Pengkajian Novel di Malaysia	20
2.3 Pengkajian Unsur Kesopanan dalam Novel	33
2.4 Pengkajian Teori Pengkaedahan Melayu	40
2.5 Penutup	56
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	57
3.2 Reka Bentuk Kajian	58
3.3.1 Kajian Kepustakaan	
3.3.2 Analisis Teks	59
3.4 Unsur Kesopanan	
3.5 Teori Pengkaedahan Melayu	60
3.5.1 Pengkaedahan Keagamaan	61
3.5.1.1 Pendekatan Dakwah	62
3.6 Kerangka Konseptual	64
3.7 Penutup	65

BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	
4.1 Pengenalan	66
4.2 Unsur Kesopanan yang terdapat dalam Novel Maghfirah	67
4.2.1 Tutar kata	
4.2.2 Penggunaan Bahasa	72
4.2.3 Keperibadian	75
4.2.4 Komunikasi secara lisan (verbal)	80
4.2.5 Komunikasi secara bukan lisan (nonverbal)	84
4.3 Penutup	89
BAB 5	
5.1 Pengenalan	90
5.2 Rumusan	91
5.3 Cadangan	94
5.4 Penutup	97
BIBLIOGRAFI	98
BIODATA PENULIS	104



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN


SENARAI JADUAL	HALAMAN
Jadual 1.5: Senarai Unsur Kesopanan	9



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

SENARAI RAJAH	HALAMAN
Rajah 3.5: Pendekatan dalam Teori Pengkaedahan Melayu	61
Rajah 3.6: Kerangka Konseptual	64



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRAK

Novel merupakan sebuah karya fiksi yang ditulis panjang oleh pengarang dan juga sebuah karangan yang berbentuk fiksi atau cereka iaitu dikenali sebagai cerita rekaan. Karya sastra yang berkaitan dengan novel sangat memberi kesan yang positif kepada masyarakat untuk mendidik diri lebih berakhlak dan bermoral. Unsur kesopanan yang diterapkan dalam novel ini dapat dijadikan sebagai panduan atau rujukan yang utama untuk dijadikan sebagai pengajaran. Unsur kesopanan merupakan satu perkara yang penting dalam penulisan kerana ia menunjukkan kepada penggunaan bahasa yang sopan dan beradab. Kajian ini dilakukan bertujuan mengenal pasti unsur kesopanan yang terkandung dalam novel *Maghfirah* karya Rehan Makhtar, menganalisis unsur kesopanan yang terkandung dalam novel *Maghfirah* karya Rehan Makhtar dan merumuskan pengaplikasian unsur kesopanan yang terkandung dalam novel *Maghfirah* karya Rehan Makhtar melalui Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini hanya menggunakan satu teks novel sahaja iaitu novel *Maghfirah* yang ditulis oleh Rehan Makhtar. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan analisis teks. Pendekatan teori yang diterapkan dalam kajian ini ialah dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu melalui Pendekatan Keagamaan bagi mengukuhkan analisis dan hujahan kajian. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa menerusi teks novel *Maghfirah* karya Rehan Makhtar sememangnya mempunyai unsur kesopanan dan unsur ini dapat memberikan kesan yang baik kepada kalangan Masyarakat kerana meliputi dari segi tutur kata dan perilaku yang baik. Maka dengan ini ia dapat menimbulkan kesan yang positif dalam kalangan Masyarakat.

Kata Kunci: Novel, Unsur Kesopanan, Teori Pengkaedahan Melayu

ABSTRACT

A novel is a work of fiction written at length by the author and an essay in the form of fiction or fiction which is known as a fictional story. Literary works related to novels have a very positive effect on society to educate themselves more morally and ethically. The element of politeness that is applied in this novel can be used as a guide or the main reference to be used as a lesson. The element of politeness is an important thing in writing because it shows the use of polite and civilized language. This study aims to identify the elements of politeness contained in the novel *Maghfirah* by Rehan Makhtar, analyze the elements of politeness contained in the novel *Maghfirah* by Rehan Makhtar and formulate the application of the elements of politeness contained in the Novel *Maghfirah* by Rehan Makhtar through the Malay Methodology Theory. This study only uses one novel text which is *Maghfirah* novel written by Rehan Makhtar. This study uses qualitative methods, which are bibliographic methods and text analysis. The theoretical approach applied in this study is to use the Malay Methodology Theory through the Religious Approach to strengthen the analysis and argument of the study. The results of the study found that through the text of the novel *Maghfirah* by Rehan Makhtar indeed has an element of politeness and this element can give a good effect to the community because it covers in terms of speech and good behavior. So, with this it can create a positive effect on the community.

Keywords: Novel, Elements of Politeness, Theory of Malay methods

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sastera didefinisikan sebagai satu karya seni yang memakai kata-kata dari segi bertulis atau secara lisan dalam menghasilkan sesuatu karya sastera, Danziger dan Jahson (1983). Menurut Ismail Hussein (1998), menyatakan sastera juga dimaksudkan dengan pengucapan yang indah-indah. Setiap karya yang dihasilkan oleh setiap penulis sememangnya mempunyai teknik penulisan, jalan cerita dan pemikiran yang disampaikan berbeza untuk menghasilkan satu karya yang mempunyai keunik kan yang tersendiri. Sastera juga merangkumi kesemua aspek iaitu dari segi penggunaan bahasa yang kreatif dan indah. Setiap hasil karya yang ditulis oleh pengarang adalah merupakan satu cerminan gagasannya dan daya fikir beliau untuk dikongsikan kepada para pembaca. Penghasilan setiap karya adalah tercetus dari beberapa gabungan daya rasa, kepekaan dan keprihatinan pengarang untuk menyampaikan melalui hasil penulisan. Menurut Syed Ali Asyraf (1989), menyatakan sastera terdiri daripada satu bentuk ilmu berseni namun ia berkait rapat dengan kesemua aktiviti yang dilakukan oleh manusia secara kreatif untuk menghasilkan sebuah karya yang mampu menarik pembaca.

Menurut Rahman Shaari (2001), novel dikatakan sebuah karya sastera yang merangkumi karya masyarakat Melayu yang digunakan sebagai alat penyampaian dan hiburan dalam kalangan masyarakat bagi menghiburkan mereka. Kini telah muncul banyak karya-karya berkaitan novel dan semakin meningkat penulisan novel dan ini menunjukkan bahawa masyarakat atau golongan Melayu sangat bijak dalam menghasilkan sesebuah cerita yang dapat memberikan atau menyampaikan teladan

kepada setiap lapisan masyarakat. Namun, setiap karya sastra yang dihasilkan oleh penulis semestinya mempunyai pandangan dan pemikiran yang utama untuk disampaikan kepada pembaca dengan menyelitkan pengajaran dan teladan dengan menggunakan penggunaan kata yang sopan atau ayat yang gramatis untuk menyampaikan sesuatu perkara yang diterapkan dalam penghasilan karyanya kepada setiap lapisan masyarakat. Walaubagaimanapun, dalam penulisan novel sememangnya mempunyai idea yang berlainan kerana setiap pemikiran pengarang yang menjadi tunjang utama untuk menghasilkan sesebuah karya yang penuh dengan makna yang tersurat dan tersirat.

Setiap penulisan novel sememangnya dikaitkan dengan konflik, penyelesaian konflik, kemuncak dan teknik peleraian untuk menghasilkan sebuah penceritaan yang menarik. Beliau juga mengatakan bahawa novel juga merupakan sebuah karangan yang berbentuk fiksi atau cereka yang dikenali sebagai cerita rekaan. Novel yang dihasilkan oleh pengarang mempunyai jalan cerita yang tersendiri untuk disampaikan kepada pembaca. Setiap plot penceritaan yang ada dalam novel tersebut adalah berdasarkan idea utama daripada pemikiran pengarang itu sendiri untuk menjadikan sesebuah jalan cerita yang boleh diterima baik dan menarik perhatian pembaca.

Selain itu, novel menurut pandangan Shahnnon Ahmad (1999), menyatakan bahawa novel terhasil daripada rekaan dan pengalaman kehidupan masyarakat yang dikatakan terbina daripada satu bentuk sastra cereka. Terdapat beberapa faktor dikatakan mempengaruhi satu antara yang lain iaitu pengalaman peribadi, realiti kehidupan dan imaginasi. Novel juga dikatakan sebagai cerita kesusasteraan yang dihasil oleh seorang pengarang yang berpengalaman. Novel dikenali juga sebagai 'cerpan' iaitu cerita yang ditulis panjang. Penghasilan sesebuah karya novel perlulah mempunyai plot yang terdiri daripada permulaan, pertengahan, konflik dan peleraian untuk menghasilkan sebuah karya yang menarik. Kebiasaannya, novel akan menerapkan watak utama, watak sampingan dan watak-watak yang berkaitan dengan

bentuk yang panjang sesuai dengan jalan cerita yang dihasilkan oleh penulis. Penulisan novel sememangnya mempunyai jumlah perkataan yang tersendiri untuk menjadikannya sebuah novel.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) unsur kesopanan ialah kepada satu bentuk penggunaan bahasa yang baik, bersopan santun, berakhlak, mempunyai adab yang tinggi dan tingkah laku yang baik semasa berkomunikasi atau dari segi penulisan dengan individu. Kesopanan terdiri daripada dua verbal dan bukan verbal. Kesopanan secara verbal lebih menunjukkan orang mempunyai kebijaksanaan untuk mengatur penggunaan kata dengan baik seperti berlapis secara komunikasi mahupun secara penulisan agar tidak menyinggung perasaan seseorang individu tersebut manakala kesopanan bukan verbal dikaitkan dari segi tingkah laku yang ditunjukkan oleh bahasa badan.

1.2 Penyataan Masalah

Penyelidikan yang dijalankan sememangnya mempunyai penyataan masalah yang tersendiri. Penghasilan sesebuah penyelidikan semestinya mempunyai permasalahan kajian yang akan diperolehi.

Permasalahan dalam kajian dapat dilihat daripada sorotan-sorotan kajian lepas bahawa terdapat ramai pengkaji telah menghasilkan sesebuah kajian tentang pemikiran pengarang dalam novel. Namun untuk kajian yang berkait rapat dengan kajian unsur kesopanan dalam novel agak kurang dan terhad kerana tidak ramai pengkaji yang mengkaji pemikiran pengarang dalam unsur ini. Kajian berdasarkan dengan unsur kesopanan ini telah lengkap tetapi pengkaji ingin lebih mendalami apa itu konsep unsur kesopanan dalam pemikiran pengarang dan bagaimana pemikiran tersebut boleh dikaitkan melalui kesopanan. Proses pengamatan ini, banyak sorotan kajian lepas dijumpai berkenaan dengan pemikiran pengarang dalam karya novel. Antara kajiannya ialah *Pemikiran dalam Novel Sebalik Yamashita dan Percival* karya Shaari Isa oleh Marzalina Mansor (2016), *Pemikiran dalam Novel Semanis Khuyo* karya Ghazali Lateh oleh Nurhamizah Hashim (2020), *Pemikiran dalam Novel Badai Semalam* karya Khadijah Hashim oleh Siti Khariah (2015), *Pemikiran dalam Novel Pelangi Jingga* karya Hartini Hamzah oleh Nurathirah (2015), *Pemikiran dan Gaya naratif dalam Novel Penyeberang Sempadan* karya Anwar Ridhwan oleh S.M Zakir (2014), *Pemikiran Faisal Tehrani berdasarkan Novel-novel pilihan* oleh Fauzi Hasan (2019) dan *Pemikiran dalam Novel Siber Kasih Darmia* oleh Noor Hazwany Haji Arifin (2019). Disebabkan itulah, pengkaji kajian ini ingin melakukan kajian terhadap pemikiran pengarang melalui unsur kesopanan kerana ingin menambah pengetahuan lebih lanjut.

Seterusnya, pengkaji telah melihat sorotan-sorotan kajian lepas yang berkaitan dan mendapati bahawa kajian-kajian yang sebelum ini kurang dikaji oleh para pengkaji dan begitu terhad untuk dijadikan sebagai sumber rujukan utama dalam menghasilkan

kajian. Antaranya, *Unsur Eufemisme dalam Novel Ranggau*. oleh Balakrishnan A/L Arumugam, Mashetoh Abd. Mutalib dan Melor Fauzita Md Yusoff (2020), *Analisis Kesopanan Bahasa Leech (1983) & Grice (1975): Manifestasi Pola & Struktur Kesopanan Bahasa Dalam Novel Melunas Rindu* oleh Sara Beden dan Indirawati Zahid (2015), *Kesantunan Berbahasa dalam Novel Julia: Satu Analisis Lakuan Bahasa Maaf Berdasarkan Prinsip Kesantunan Leech (1983)* oleh Nurul Jamilah Rosly (2010), *Kajian Teknik Retorik dalam Novel Salina karya A. Samad Said* oleh Asrul Azuan Mat Dehan & Hajah Nor Azuwan Yaakob (2015), *Kajian Fenomena Kesantunan bahasa dalam Novel Lentera Mustika* oleh Mohd Haniff Mohammad Yusoff, Siti Hamira Hamzani & Rohaya Md. Ali (2018) dan *Kajian berkaitan Keluhuran Bahasa dan Makna dalam Novel Hatimu Aisyah* karya Zurinah Hassan oleh Ramlee Wahab (2016). Disini dapat dilihat bahawa kajian berkaitan dengan unsur kesopanan yang diterapkan oleh pemikiran pengarang dalam novel kurang dikaji oleh para sarjana. Disebabkan itulah, pengkaji ingin melakukan kajian terhadap unsur kesopanan yang terdapat dalam novel kerana ingin mengukuhkan, memantapkan lagi analisis kajian dan dapat menghasilkan rujukan kepada orang lain.

Berdasarkan daripada keseluruhan daripada hasil penelitian yang telah dilakukan, dapat menemui banyak kajian lepas yang berkaitan dijalankan oleh para sarjana. Namun, terdapat beberapa kajian yang agak terhad untuk dijadikan sebagai rujukan bagi membantu menghasilkan kajian. Disebabkan inilah, pengkaji ingin mengkaji unsur kesopanan yang diterapkan oleh pengarang dalam novel Maghfirah. Kajian ini agak kurang dihasilkan oleh para sarjana menyebabkan saya tertarik untuk menghasilkan kajian ini dan dapat menambahkan pengetahuan dengan lebih lanjut berkaitan dengan unsur kesopanan dan dapat menghasilkan sebuah kajian yang dapat dijadikan sumber rujukan dan membantu orang lain dalam menghasilkan sesebuah kajian yang berkaitan.

1.3 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang timbul dalam kajian:

- 1.3.1 Apakah unsur kesopanan yang terdapat dalam novel *Maghfirah* karya Rehan Makhtar?
- 1.3.2 Bagaimana unsur kesopanan boleh dikaitkan dengan Teori Pengkaedahan Melayu?
- 1.3.3 Sejauh manakah unsur kesopanan yang terkandung dalam novel *Maghfirah* karya Rehan Makhtar dapat diaplikasikan dengan Teori Pengkaedahan Melayu?

1.4 Objektif Kajian

Kajian dihasilkan untuk memenuhi objektif utama yang telah ditetapkan iaitu:

- 1.4.1 Mengenal pasti unsur kesopanan dalam novel *Maghfirah* karya Rehan Makhtar.
- 1.4.2 Menganalisis unsur kesopanan boleh dikaitkan dengan Teori Pengkaedahan Melayu.
- 1.4.3 Merumuskan pengaplikasian unsur kesopanan yang terkandung dalam Novel *Maghfirah* karya Rehan Makhtar melalui Teori Pengkaedahan Melayu.



1.5 Batasan Kajian

Kajian ini keseluruhannya hanya memfokuskan kepada satu novel sahaja iaitu novel yang bertajuk *Maghfirah*. Novel ini merupakan hasil karya dari Rehan Makhtar. Novel ini diterbitkan dan diedarkan oleh Bloghijau Enterprise dan dicetak oleh Precious Print Sdn.Bhd. Jumlah keseluruhan muka surat novel ini sebanyak 450 dan terkandung sebanyak 57 bab. Novel yang digunakan ini merupakan edisi ketiga yang diulang cetak pada September 2022.

Pemilihan novel ini adalah berdasarkan daripada penyusunan jalan cerita yang disampaikan secara teratur susunan kedudukannya dan dari bab awal sehingga bab akhir. Novel ini dipilih untuk dijadikan sebagai bahan rujukan yang utama dalam menghasilkan tesis kerana susunan yang rapi dan kemas bab demi bab.

Selain itu, penggunaan bahasa yang ditulis dan digunakan dalam penghasilan novel ini sangat sesuai untuk dipilih sebagai bahan rujukan utama kerana penggunaan bahasa yang digunakan mudah difahami. Penggunaan bahasa ditulis pada novel *Maghfirah* sesuai bagi semua lapisan kerana tiada had umur. Bahasa yang diterapkan dalam novel tersebut mengekalkan penggunaan ayat gramatis, ringkas dan padat walaupun terdapat ayat yang panjang dan pendek tetapi sampai dengan apa yang dimaksudkan maka dengan ini dapat memudahkan pembaca untuk mengenal pasti apa yang ingin disampaikan dalam novel tersebut walaupun jalan penceritaan yang agak panjang tetapi boleh menanggapi apa yang akan terjadi seterusnya.

Berdasarkan novel *Maghfirah* ini, terdapat beberapa unsur kesopanan yang diterapkan dalam pemikiran novel ini yang boleh digunakan untuk menganalisis unsur kesopanan. Beberapa unsur kesopanan yang terdapat dalam novel ini boleh dijadikan sebagai sumber kajian. Berikut adalah jadual menunjukkan beberapa unsur kesopanan yang terdapat dalam novel *Maghfirah*.

Bil	Unsur Kesopanan	Halaman
1	Tutur kata	67
2	Penggunaan Bahasa	72
3	Keperibadian	75
4	Komunikasi secara lisan (Verbal)	80
5	Komunikasi secara bukan lisan (nonverbal)	84

Jadual 1.5: Senarai Unsur Kesopanan

Di samping itu, kajian ini akan diaplikasikan dengan satu teori tempatan yang dikenali sebagai Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang. Teori Pengkaedahan Melayu ini terdiri daripada dua bahagian iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Pengkaedahan Alamiah membawa maksud kepada cara hidup masyarakat, sikap dalam kalangan masyarakat yang menjadikan alam sebagai satu bahagian dalam kehidupan mereka manakala dalam pengkaedahan alamiah ini terdiri daripada tiga bahagian iaitu terdiri daripada pendekatan moral, pendekatan gunaan dan pendekatan firasat.

Pengkaedahan keagamaan merujuk kepada tahap keimanan seseorang insan yang sentiasa mengutamakan akidah islam yang berteraskan Al-Quran dan al-Hadis. Pengkaedahan keagamaan ini mempunyai tiga pendekatan juga iaitu terdiri daripada pendekatan dakwah, pendekatan masyarakat dan pendekatan seni tetapi daripada kedua-dua pengkaedahan ini, pengkaji hanya menggunakan satu pengkaedahan sahaja iaitu pengkaedahan keagamaan melalui pendekatan dakwah. Pengkaedahan ini sesuai digunakan untuk menganalisis unsur-unsur kesopanan yang terdapat dalam novel.

1.6 Kepentingan Kajian

Setiap penyelidikan yang dilakukan sememangnya terdapat kepentingan. Kepentingan kajian ini untuk memantapkan kajian-kajian yang sebelum ini dengan melakukan sedikit penambahan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji dengan merujuk kajian-kajian yang lepas. Penelitian secara terperinci akan dilakukan untuk mengenal pasti apa yang perlu penambahan atau penambahbaikan untuk menjadikan kajian yang dihasilkan lebih padat dan dapat dihuraikan dengan lebih terperinci.

Kajian ini dihasilkan adalah untuk memberi impak dan manfaat yang positif dan boleh dijadikan sebagai rujukan kepada pihak yang memerlukan dan tidak hanya untuk pihak pengkaji sahaja dan golongan masyarakat walaupun terlibat langsung atau tidak.

Menerusi daripada sorotan kajian lepas, mendapati bahawa timbulnya isu yang berkaitan dengan unsur kesopanan kurang diambil perhatian oleh para pengkaji lepas dan jarang pengkaji melakukan kajian terhadap unsur kesopanan kerana kurang sambutan. Hal ini menyebabkan, rujukan terhadap kajian unsur kesopanan ini agak terhad. Tujuan utama kepentingan kajian ini dilakukan bagi memajukan beberapa pemikiran yang diterapkan oleh pengarang berdasarkan unsur kesopanan terkandung dalam karya novel *Maghfirah* hasil penulisan Rehan Makhtar.

Selain itu, berdasarkan daripada kajian yang dihasilkan ini dalam penulisan novel telah menimbulkan kesan yang positif dan sangat besar terhadap seseorang pengkaji berdasarkan unsur-unsur kesopanan yang boleh mempengaruhi dari segi tutur kata, perlakuan, keperibadian dan cara komunikasi melalui secara lisan atau bukan secara lisan, ini membolehkan pengkaji membentuk diri kearah kebaikan dan juga sentiasa memperbaiki segala kelemahan dalam diri seseorang dalam mencari keredhaan Allah SWT. Kajian yang dihasilkan berdasarkan teks novel *Maghfirah* karya Rehan Makhtar ini sedikit sebanyak dapat membantu pengkaji untuk mengetahui dengan lebih terperinci dengan unsur kesopanan yang diterapkan dalam teks novel tersebut. Kajian ini akan

membincangkan dengan lebih lanjut berkaitan dengan unsur-unsur kesopanan yang terdapat dalam kehidupan dan dapat melahirkan masyarakat dengan penuh kesopanan dalam kehidupan seharian.

Di samping itu, pengaplikasian teori dalam kajian ini dapat memberikan kelebihan dalam penghasilan kajian. Teori Pengkaedahan Melayu akan digunakan dalam kajian ini bagi membantu mengukuhkan dan memantapkan lagi hasil dapatan kajian yang diperolehi iaitu memfokuskan kepada unsur kesopanan yang terkandung dalam teks novel Maghfirah. Teori Pengkaedahan Melayu ini digagaskan oleh Hashim Awang (1987). Penghasilan sesebuah kajian perlu mengaplikasikan satu teori yang sesuai bagi memastikan dapatan kajian tersusun dan bertepatan dengan kajian yang ingin dijalankan. Diharapkan dengan menggunakan teori ini secara tidak langsung dapat memartabatkan lagi teori tempatan agar dapat mengangkat teori-teori tempatan ini setanding dengan teori barat. Hal ini dikatakan demikian kerana, kebanyakan pengkaji-pengkaji lebih suka menggunakan teori barat. Penghasilan kajian ini dengan mengaplikasikan teori tempatan ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada pengkaji lain untuk dijadikan sebagai sumber rujukan dalam membantu menghasilkan sesebuah kajian yang berkaitan.

Akhir sekali, diharapkan bahawa dengan adanya kepentingan kajian ini dapat membantu sedikit sebanyak para pengkaji yang lain untuk menghasilkan penyelidikan mereka dengan lebih terperinci dan jelas agar setiap kajian yang dihasilkan mudah difahami dan kukuh untuk dijadikan sebagai rujukan. Dengan ini, dapat membuka peluang kepada mereka untuk menjadi pengkaji yang mempunyai pengalaman, memberi kebaikan kepada mereka dan dapat memperkembangkan lagi penggunaan Teori Pengkaedahan Melayu dalam menghasilkan sesebuah kajian dalam konteks kesusasteraan Melayu.

1.7 Definisi Operasional

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji yang bertajuk Unsur kesopanan dalam novel *Maghfirah* karya Rehan Makhtar. Terdapat beberapa kata kunci yang penting dan perlu ditekankan di dalam kajian ini seperti maksud novel, unsur kesopanan dan Teori Pengkaedahan Melayu.

1.7.1 Novel

Rahman Shaari (2001), Novel didefinisikan sebagai sebuah karya fiksi kerana dalam penulisan novel ia mempunyai beberapa aspek yang terdiri daripada watak yang sesuai, latar belakang yang digunakan, plot penceritaan yang menarik dan mengaplikasikan beberapa unsur fiksi. Setiap penulisan novel mempunyai teknik penceritaan yang pelbagai iaitu konflik, penyelesaian konflik, kemuncak dan peleraian. Dengan adanya, teknik seperti ini, ia dapat menjadikan penulisan novel tersebut menarik kerana jalan penceritaan tersusun dan teratur rapi bagi memudahkan pembaca faham dengan jalan cerita yang ingin disampaikan. Novel juga dikenali sebagai berbentuk karangan fiksi atau cereka iaitu cerita rekaan. Penulisan novel ini merupakan cerita rekaan semata-mata tetapi boleh diterima kerana plot penceritaan yang digunakan dapat menarik minat pembaca untuk membaca. Setiap teknik penceritaan dalam setiap novel sememangnya mempunyai perbezaan yang tersendiri kerana idea yang digunakan oleh setiap penulis novel berbeza dan mempunyai kelebihan yang tersendiri.

Menurut Siti Hajar Abdul Aziz (2011) menyatakan novel ialah prosa rekaan yang Panjang dalamnya termuat sebahagian daripada kehidupan. Novel juga boleh dikatakan sebagai sebuah cerita atau prosa yang biasanya ditulis dengan jumlah perkataan yang panjang iaitu sebanyak 20 000 hingga 50 000 patah perkataan atau lebih. Jumlah perkataan yang ditulis merupakan satu tingkatan yang diukur bagi memastikan pengelasan prosa naratif. Contohnya, cerita yang dihasilkan tersebut mencukupi jumlah yang ditetapkan

tersebut boleh dikategorikan sebagai 'novella' manakala sekiranya melebihi jumlah 50 000 patah perkataan dikategorikan sebagai novel.

Selain itu, menurut kamus dewan (2017) novel merupakan satu bentuk sastera yang terdiri daripada karangan prosa panjang yang ditulis oleh seseorang pengarang atau penulis yang dikenali sebagai novelis mengandungi rangkaian cerita kehidupan seseorang watak dengan orang sekelilingnya dengan menonjolkan perwatakan dan sifat setiap watak yang ada dalam penghasilan sesebuah novel berdasarkan kisah yang ingin diceritakan secara bahagian tertentu dalam bab demi bab yang mengisahkan permulaan, konflik dan peleraian. Tebal sesebuah novel ini diambil kira yang membezakan penulisan ini dengan cerita pendek. Jumlah perkataan dalam novel dikatakan sebagai penentu atau kriteria penilaian untuk menerima anugerah. Novel akan menerapkan satu watak utama untuk memfokuskan pembaca terhadap watak tersebut kerana ia, memainkan peranan yang utama.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa banyak karya sastera yang terdiri daripada novel yang dihasilkan oleh sasterawan negara, para sarjana, pengarang dan sebagainya, ini menunjukkan bahawa para pengarang sangat aktif dan dapat mengembangkan lagi dalam bidang penulisan sastera melayu. Hal ini menunjukkan kesan yang positif kepada bidang penulisan karya kerana ramai yang mengambil peluang menghasilkan karya-karya sastera mengikut kitaran zaman sehingga ke hari ini masih berkembang dalam penulisan dan penerbitan novel. Setiap dalam penulisan novel ia ada menyelitkan berkaitan nasihat, pengajaran dan sebagainya untuk melahirkan seseorang individu dengan kehidupan yang aman dan damai dalam kalangan masyarakat dan negara. Maka dengan ini jelaslah apa yang dimaksudkan dengan novel.

1.7.2 Unsur Kesopanan

Awang Sariyan (2007) mendefinisikan bahawa unsur kesopanan membawa maksud kepada penggunaan bahasa yang sopan, beradab, tingkah laku yang baik dan mulia semasa berhubung dengan orang lain. Kesopanan juga memancarkan sikap dan tingkah laku seseorang itu melalui daripada pertuturan ataupun dari segi penulisan. Penulisan juga dapat menunjukkan bahawa seseorang itu kaya dengan bahasa ataupun tidak kerana dengan penulisan yang dihasilkan adalah merupakan sebuah gambaran dalam diri penulis untuk menghasilkan sesebuah karya untuk memberikan hiburan ataupun pesanan yang tersirat melalui pemikiran-pemikirannya. Setiap pemikiran yang terdapat dalam sesebuah karya sememangnya merupakan idea utama dan tunjang dalam karya tersebut. Pemikiran pengarang memainkan peranan yang utama dalam sesebuah karya yang bermutu dan mempunyai nilai yang tersendiri kerana pemikiran adalah tunjang utama dalam penceritaan tersebut.

Menurut Asmah Haji Omar (1996) menyatakan berkaitan dengan maksud unsur kesopanan yang dikaitkan dengan penggunaan bahasa bukan semata-mata untuk menyatakan fikiran dan perasaan tetapi bahasa dikatakan mempunyai hubungan yang erat dengan aspek kesopanan. Aspek kesopanan dikatakan mempunyai peraturan-peraturan kesopanan dalam hubungan antara sesama manusia kerana berkait rapat dengan tingkah laku bukan bahasa daripada gerak geri dan bahasa tutur kata. Hal ini dikatakan demikian kerana, dalam peristiwa bahasa ini melibatkan pertemuan bersemuka iaitu seperti perbincangan, kesopanan dalam tutur kata dan juga tingkah laku yang ditunjukkan di antara satu sama lain dapat dilihat dengan jelas.

Selain itu, menurut Teo Kok Seong (2003) menyatakan kesantunan dalam berbahasa berkait rapat dengan sifat kerendahan hati yang terdapat dalam diri masing-masing. Hal ini menunjukkan bahawa kesopanan merujuk kepada sifat seseorang individu. Sekiranya seseorang itu mempunyai sifat yang baik ia, akan melambangkan cerminan

diri kerana dapat menerapkan unsur kesopanan dalam tutur kata, keperibadian dan berkomunikasi antara satu sama lain dalam kalangan Masyarakat. Penggunaan bahasa yang digunakan dalam komunikasi mempunyai beberapa bentuk bahasa tertentu yang digunakan.

Namun dapat dilihat bahawa unsur kesopanan sering diguna pakai dalam menghasilkan pemikiran-pemikiran dalam sesebuah karya kerana unsur ini sangat memainkan peranan kepada pembaca untuk menilai penyampaian yang ditulis oleh pengarang kerana ia suka menerapkan penggunaan kata yang sopan dan mempunyai makna yang tersirat untuk memberi pesanan kepada pembaca.

1.7.3 Teori Pengkaedahan Melayu

Teori Pengkaedahan Melayu merupakan teori tempatan digagaskan mengikut kesesuaian untuk digunakan dalam membantu menghasilkan karya sastera Melayu yang lebih bermutu oleh Hashim Awang (1997). Penggagasan teori ini adalah untuk membantu menganalisis karya Melayu dengan baik. Beliau berpandangan teori barat banyak kelemahan untuk menganalisis karya Melayu. Disebabkan inilah, beliau mengagaskan teori ini kepada dua perkara iaitu pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Setiap bahagian tersebut terdapat kelebihan masing-masing dalam menganalisis sesebuah karya Melayu. Dengan adanya, gagasan teori ini dapat membantu meningkatkan karya Melayu sehingga kini. Teori ini sering diguna pakai dalam karya Melayu supaya dapat memantapkan lagi karya yang dihasilkan. Teori Pengkaedahan Melayu ini banyak diguna oleh tokoh-tokoh, penulis karya dan sebagai untuk menjadikan sebagai panduan atau rujukan yang utama dalam menghasilkan sesebuah karya dan menganalisis karya-karya yang lain untuk menjadikan karya tersebut lebih kukuh.

1.8 Organisasi Kajian

Organisasi ini dikatakan sebagai satu singkatan kajian berkaitan dengan kajian yang dihasilkan berdasarkan setiap bab. Rangkuman dalam kesemua bab yang mempunyai lima bab sahaja. Tujuan utama menghasilkan organisasi kajian adalah supaya dapat memastikan penulisan yang dilakukan lebih tersusun.

Bab Satu

Bab pertama ini, akan menceritakan berkaitan dengan pengenalan, pernyataan masalah yang terdapat semasa menjalankan kajian ini. Selain itu, dalam bab ini juga akan menjelaskan tentang objektif dan persoalan yang telah digunakan oleh pengkaji untuk menghasilkan sebuah kajian yang lengkap dan juga padat. Batasan kajian dan juga definisi operasional juga digunakan dalam kajian bagi memastikan apa dilakukan mudah difahami oleh pembaca. Seterusnya, kepentingan kajian merupakan sesuatu yang penting dan patut ada di dalam setiap kajian bagi membuktikan kepentingan pengkaji amat penting untuk memastikan kesahihan sesuatu kajian. Akhir sekali, bab ini juga mempunyai penutup bagi menyimpulkan setiap perkara yang dibincangkan di dalam bab ini dengan lebih terperinci lagi.

Bab Dua

Bab ini membincangkan berkaitan dengan sorotan lepas yang dikaji oleh para pengkaji lepas. Pengkaji perlu meneliti dan perlu melakukan proses pembacaan terhadap sorotan kajian lepas yang dihasilkan oleh para pengkaji yang lepas berkaitan dengan tajuk yang dipilih sendiri oleh pengkaji bagi mendapatkan sedikit sebanyak maklumat yang boleh dikaitkan dengan kajian yang dilakukan. Setiap sorotan kajian yang ditemui ini akan digunakan sebagai bahan rujukan dan panduan dalam menghasilkan kajian ini. Berdasarkan kajian lepas yang ada ini membolehkan pengkaji melakukan penyelidikan

dengan lebih mudah kerana sumber rujukan itu adalah tepat. Melalui sorotan ini, pengkaji dapat mengetahui berkenaan unsur kesopanan dengan lebih jelas dan tepat.

Bab Tiga

Bab ini akan membincangkan tentang metodologi kajian. Setiap prosedur yang digunakan dalam kajian telah dikupas secara lebih terperinci. Metodologi kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini terdiri daripada reka bentuk kajian, pengumpulan data serta menganalisis data secara lebih mendalam bagi memantapkan hasil kajian agar kajian ini berkualiti dan bermutu.

Bab Empat

Bab ini akan membincangkan dan menjelaskan tentang hasil dapatan kajian dan analisis yang dilakukan oleh pengkaji. Pengkaji menganalisis hasil dapatan kajian yang diperolehi melalui kajian terhadap unsur kesopanan dalam novel Maghfirah karya Rehan Makhtar. Pengkaji telah mendapati terdapat unsur kesopanan dalam teks novel tersebut dan akan diaplikasikan dengan Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang (1987). Unsur kesopanan merupakan sesuatu unsur yang boleh memberikan kesan positif kepada pembaca dan kalangan masyarakat.

Bab Lima

Bab ini merupakan bab akhir yang akan menyimpulkan berkaitan dengan kajian yang dihasilkan atau dijalankan. Bahagian ini pengkaji akan merumuskan keseluruhan kajian yang diperolehi melalui dari hasil analisis dan dapatan kajian yang berdasarkan daripada objektif kajian yang ditetapkan oleh pengkaji pada peringkat awal kajian. Bahagian ini juga akan disertakan dengan rumusan dan cadangan yang berkaitan dengan kajian ini.

1.9 Penutup

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan berkaitan dengan unsur kesopanan yang diterapkan dalam novel ini mengikut kesesuaian. Kajian ini menekankan kepada unsur kesopanan dalam novel sahaja. Selain itu, setiap unsur kesopanan yang terdapat dalam novel ini boleh dijadikan sebagai iktibar atau pembelajaran dalam kehidupan. Hal ini dikatakan demikian kerana, unsur kesopanan dapat menyelitkan pengajaran dan dapat memberi pandangan yang baru untuk berfikir. Pada bahagian bab ini, akan menyatakan aspek-aspek yang mempunyai kaitan untuk dijadikan sebagai satu landasan perbincangan untuk dirujuk untuk bab seterusnya. Dengan ini diharapkan agar kajian ini dapat dihasilkan sehabis baik yang mungkin dan dapat memenuhi keperluan objektif kajian agar tidak menimbulkan sebarang masalah.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Pada bahagian ini, pengkaji akan menggariskan kepada tiga sub topik penting sahaja iaitu Pengkajian novel di Malaysia, Pengkajian unsur kesopanan dalam novel dan Pengkajian Teori Pengkaedahan Melayu.



2.2 Pengkajian Novel di Malaysia

Pengkajian terhadap *Pemikiran dalam novel Sebalik Yamashita dan Percival* oleh Marzalina Mansor (2016). Pemikiran pengarang merupakan salah satu buah fikiran atau idea utama yang merupakan satu aspek penting dalam sastera. Kajian ini dihasilkan adalah untuk melihat pemikiran-pemikiran yang diterapkan dalam novel tersebut berbanding dengan novel-novel yang lain kerana setiap novel yang dihasilkan mempunyai pemikiran yang berlainan maka dengan ini dapat mengambil sedikit sebanyak ilham untuk diolah dan ditambah baik. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis beberapa pemikiran yang diselitkan novel ini. Kajian ini hanya membataskan kepada sebuah novel sahaja yang bertajuk *Sebalik Yamashita dan Percival* karya Shaari Isa yang diterbitkan pada tahun 2015. Kaedah kajian ini berdasarkan kaedah kualitatif. Kajian ini dihasilkan adalah untuk menambahkan ilmu pengetahuan berkaitan dengan penerapan pemikiran-pemikiran yang terdapat dalam sesebuah karya dan diharapkan juga boleh dijadikan sebagai sumber rujukan pada kajian yang akan datang. Hasil dapatan kajian ini dapat dilihat bahawa ia, cuba menonjolkan berkaitan pemikiran yang disampaikan oleh penulis iaitu dari segi kolonialisme dan imperialisme. Hal ini dikatakan demikian kerana penulis ingin menunjukkan kisah kehidupan masyarakat yang timbul dapat memberikan kesan yang positif kepada pembaca.

Selanjutnya, kajian *Pemikiran dalam novel Semanis Khuyo* oleh Nurhamizah Hashim (2020). Kajian ini membincangkan secara lebih terperinci berkaitan pemikiran diterapkan pengarang terhadap novel. Kajian ini dihasilkan adalah untuk melihat pemikiran yang terkandung dalam novel dan bagaimana pengarang menerapkan pemikiran tersebut. Objektif kajian untuk mengenal pasti dan menganalisis serta merumuskan setiap aspek pemikiran ditemui dalam novel. Kajian ini hanya membataskan kepada novel *Semanis Khuyo* yang ditulis oleh Ghazali Latih pada tahun 2016. Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini iaitu kaedah kepustakaan dan analisis teks. Pendekatan yang

digunakan dalam kajian ini ialah Pendekatan konsep pemikiran melalui pandangan daripada beberapa tokoh dari barat iaitu Dewey (1910) dan tokoh dari tempatan dikenali sebagai Mohd Yusof Othman (1998) digunakan bagi menjadikan sebagai panduan untuk mengukuhkan dan memantapkan lagi dapatan kajian ini. Hasil daripada kajian ini, dapat menyatakan bahawa kedua-dua aspek pemikiran yang terkandung dalam novel dari segi aspek sosioekonomi dan aspek sosio budaya.

S.M Zakir (2014) menghasilkan kajian terhadap *Karya dan Kekuasaan Pengarang: Pemikiran dan Gaya naratif Mutakhir Anwar Ridhwan dalam novel Penyeberang Sempadan*. Setiap pemikiran akan dirumuskan dengan pengaplikasian konsep panopticon yang merujuk kepada satu konsep yang digagaskan oleh Michel Foucault manakala panopticon oleh Bentham juga dikatakan sebagai penguasaan minda. Kajian berkaitan dengan pemikiran dan gaya naratif dalam novel agak kurang dan terhad kerana tidak ramai pengkaji yang mengkaji berkaitan dengan tajuk kajian ini. Objektif kajian untuk mengenal pasti kekuasaan pengarang dalam membangunkan matlamat penulisan dalam karya sastera. Kajian ini hanya membataskan kepada sebuah novel sahaja iaitu *Penyeberang Sempadan* karya Anwar Ridhwan yang dihasilkan pada tahun 2012. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Kajian ini dihasilkan adalah untuk membuka minda para pengkaji lain untuk menghasilkan kajian seperti ini dan dapat dijadikan sebagai bahan rujukan. Teori yang diaplikasikan dalam kajian ini berdasarkan konsep panopticon yang digagaskan oleh Michel Foucault. Hasil kajian ini, menyatakan tentang kebenaran falsafah yang dikatakan sering berubah tetapi dalam bagi kebenaran Islam ia merupakan satu sifat yang mutlak dan tidak akan berubah.

Fauzi Hasan, Tengku Intan Marliana Tengku Mohd Ali & Madiawati Mamat (2019). Kajian berkaitan *Pemikiran Faisal Tehrani berdasarkan Novel-novel Pilihan*. Aspek pemikiran menjadi topik yang utama kerana ia menjadi tunjang utama dan kelainan yang diterapkan dalam karyanya kerana setiap pandangan seseorang itu berbeza. Penghasilan kajian ini untuk menunjukkan bahawa kajian berkaitan dengan pemikiran

banyak dihasilkan tetapi sememangnya mempunyai kelompongan dan ini dapat membantu pengkaji-pengkaji untuk menambah baik berkaitan dengan kajian-kajian berdasarkan pemikiran. Kajian ini berobjektifkan untuk menganalisis aspek pemikiran untuk digarap daripada awal hingga akhir daripada novel terpilih tersebut. Kajian ini hanya menghadkan kepada 6 buah novel untuk mengangkat aspek pemikiran yang terdapat dalam novel. Antara novel yang digunakan ialah novel *Perempuan Politikus Melayu* (2000), *1511H[Kombat]* (2004), *Surat-surat Perempuan Johor* (2005), *Tunggu Teduh Dulu* (2010) dan tiga lagi. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Hasil daripada kajian ini, adalah untuk menjadikan setiap pemikiran dalam novel dijadikan sebagai falsafah kepengarangan Faisal Tehrani kerana sering diperkatakan dalam novel yang dihasilkan.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) menghasilkan kajian terhadap *Analisis aspek kemasyarakatan melalui pemikiran A. Samad Said dalam novel Daerah Zeni dan Hujan Pagi*. Pemikiran merupakan tunjang utama pengarang untuk menghasilkan sesebuah karya sastera. Setiap pemikiran yang diterapkan dalam sesebuah novel akan berlainan kerana idea pemikiran tidak akan sama. Kajian ini akan membincangkan berkaitan dari segi aspek kemasyarakatan dari sudut pandangan pemikiran A. Samad Said. Objektif kajian ini dihasilkan adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis aspek kemasyarakatan yang terdapat dalam novel ini melalui daripada pemikiran A. Samad Said. Kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan analisis teks kandungan. Bagi mengukuhkan lagi analisis, teori sosiologi diaplikasikan bagi analisis mantap. Hasil kajian, mengatakan bahawa pemikiran diterapkan pengarang novel ini boleh diterima akal, bijak dan terbuka kepada dalam kalangan masyarakat.

Rosmah Derak (2020) telah menjalankan kajian berkaitan dengan *Pemikiran dalam Novel-Drama Bila Tuhan Berbicara*. Perbincangan kajian ini berkaitan dengan pemikiran daripada dua genre yang berbeza tetapi membawa makna pemikiran sama. Kajian ini bertujuan menganalisis aspek pemikiran dalam novel-drama. Kaedah kualitatif iaitu

kaedah kepustakaan dan analisis kandungan. Hasil dapatan, menunjukkan bahawa Faisal Tehrani ingin memperlihatkan bidang sastera luas dan mempunyai daya saing yang baik dari segi pementasan drama atau teater Islam dan sebagainya.

Nurathirah (2014) telah membuat kajian berkaitan dengan *Pemikiran dalam Novel Pelangi Jingga*. Kajian ini, akan membincangkan tentang aspek nilai sosial yang boleh dikaitkan dengan pemikiran pengarang dengan menerapkan nilai-nilai sosial yang terdapat dalam novel ini berdasarkan daripada pemikiran-pemikiran yang terdapat dalam novel. Terdapat dua obektif kajian ini iaitu untuk menganalisis pemikiran pengarang dan mengenal pasti nilai-nilai yang terdapat dalam pemikiran pengarang tersebut. Kajian ini hanya membataskan novel *Pelangi Jingga* sahaja iaitu karya Hartini Hamzah dan kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif iaitu kepustakaan dan analisis teks. Kajian ini diharapkan dapat memberi kepentingan kepada pengkaji-pengkaji yang lain untuk dijadikan sebagai bahan rujukan untuk kajian-kajian yang akan datang. Hasil daripada kajian ini adalah untuk memberikan kesedaran kepada pembaca dan diharapkan agar dapat menerapkan dalam kehidupan seharian.

Kajian Pemikiran dalam Novel Siber Kasih Darmia dari Aspek Teori Estetika Bersepadu oleh Nor Hazwany dan Salmah Jan (2019). Kajian ini adalah untuk melihat mutu sesebuah karya sastera. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai estetika melalui pemikiran yang terdapat dalam novel siber Kasih Darmia karya Naniey TJ berdasarkan penerapan teori Estetika Bersepadu. Kajian ini hanya menggunakan sebuah novel sahaja iaitu novel Siber Kasih Darmia yang ditulis oleh Naniey TJ pada tahun 2011 dan menggunakan kaedah kualitatif. Kajian ini dihasilkan untuk memberi impak dan menambahkan pengetahuan. Pengaplikasian teori estetika bersepadu ini adalah untuk membantu mengukuhkan lagi hasil analisis dapatan kajian. Hasil analisis kajian ini, menyatakan bahawa setiap pemikiran yang terdapat dalam novel ini mempunyai keunikkan yang tersendiri dalam usaha menjawab persoalan yang dimajukan dalam karya sastera.

Arba'ie Sujud, Salihah Razak & Siti Rabiatul Adawiah Jaffar (2015) menghasilkan kajian berkaitan *Pemikiran Politik: Pemimpin dan Kepemimpinan dalam Novel Shahnnon Ahmad*. Pemikiran yang dikaitkan dalam novel ini, adalah untuk melihat sejauh mana masalah atau kepincangan politik yang sering menjadi topik perbincangan iaitu dari segi sikap seseorang pemimpin tersebut dalam menjalankan tanggungjawab yang digalasnya. Objektif kajian ini mengenal pasti dan menganalisis pemikiran politik pemimpin dan kepimpinan yang terdapat dalam novel novel Shahnnon Ahmad. Kajian ini hanya membataskan kepada novel karya Shahnnon Ahmad sahaja dan kaedah yang digunakan kaedah kualitatif iaitu terdiri daripada kaedah kepustakaan dan analisis kandungan teks. Hasil dapatan menjelaskan berkaitan dengan sikap kepimpinan seseorang agar menjalankan tugas dengan baik dan tanggungjawab dalam menjalankan amanah yang diberikan dengan baik.

Koh Young Hun (1993) telah membuat kajian dalam tesisnya peringkat Ijazah Doktor Falsafah yang bertajuk "*Pemikiran Pramoedya Ananta Toer dalam Novel-novel Mutakhirnya*". Kajian ini berkaitan dengan tanggapan Pramoedya terhadap dunia luar yang terpancar dalam karya-karya yang dihasilkan oleh beliau. Kajian ini dihasilkan kerana kurang mendapat tempat di kalangan pengkaji-pengkaji sebelum ini. Objektif kajian ini untuk menganalisis pemikiran Pramoedya dan Tetralogi Bumi Malaysia dan mengenal pasti bentuk novel sejarah untuk memaparkan pemikiran pengarang berdasarkan kepada faktor-faktor zaman lampau. Kajian ini pengkaji membataskan kepada novel *Pemikiran Pramoedya Ananta Toer dalam Novel-novel Mutakhirnya* karya Pramoedya Ananta Toer yang merupakan Sasterawan Indonesia. Kajian memilih kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kajian ini diharapkan dapat memberikan kesan yang positif kepada pengkaji yang akan datang untuk mengkaji lebih lanjut berkaitan dengan kajian ini. Kajian ini menerangkan berkaitan dengan pemikiran-pemikiran yang terdapat dalam novel ini dengan mengaplikasikan dengan teori yang

sesuai bagi mengukuhkan dapatan kajian. Hasil daripada kajian ini akan memberikan penjelasan yang lebih lanjut berkaitan dengan fakta sejarah agar tidak ditelan zaman.

Rashid Masrii (2020) kajian terhadap *Pemikiran dan Nilai Murni dalam karya Ranjau Sepanjang Jalan*. Pemikiran dan Nilai murni tidak boleh dipisahkan dalam sesebuah kajian kerana ia merupakan satu kajian yang sering dilakukan oleh para pengkaji. Pemikiran merupakan tunjang utama dalam sesebuah penghasilan karya iaitu idea utama pengarang untuk disampaikan kepada pembaca manakala nilai pula merupakan sesuatu perkara yang baik yang boleh dijadikan atau diterapkan dalam diri seseorang individu dan masyarakat untuk menjadikan seseorang individu itu lebih baik dan membentuk nilai dalam diri bagi mengharmonikan kehidupan. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis pemikiran yang terkandung dalam novel ini. Kajian ini hanya membataskan kepada sebuah novel sahaja iaitu novel Ranjau Sepanjang Jalan karya Shahnnon Ahmad dan kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang terdiri daripada kaedah kepustakaan dan analisis teks novel. Hasil kajian ini, dapat memberikan impak yang baik, nasihat, iktibar atau pengajaran kepada kehidupan masyarakat.

Zabidin Haji Ismail (2010) menjalankan kajian terhadap *Pemikiran Politik dalam Novel Ahmad Boestamam*. Kajian ini berkaitan dengan pemikiran-pemikiran politik yang diterapkan dalam novel tersebut bagi mempengaruhi pandangan kalangan individu dan masyarakat. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis, mengupas dan mencungkil pemikiran-pemikiran politik yang dianggap sebagai novelis-nosionalis berpengaruh. Bagi menghasilkan kajian ini, hanya menumpukan kepada 10 buah novel yang berkaitan dengan novel ini dan dirujuk untuk menjadikan sebagai rujukan yang utama dalam menghasilkan kajian ini. Kajian ini dihasilkan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Hasil daripada kajian ini, menyatakan bahawa kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan kepada mereka yang memerlukan untuk membantu menghasilkan kajian yang berkaitan dan kajian ini juga dapat menambah khazanah dalam penghasilan sesebuah kajian.

Khairi Asri (2023) telah menjalankan kajian yang bertajuk *Pemikiran Osman Ayub dalam Novel Warna Sebuah Lembah, Ombak Bukan Penghalang dan Dukhan Langit Akhir Zaman*. Kajian ini adalah untuk membincangkan berkaitan dengan pemikiran yang menjadi tema penting dalam novel Osman Ayub yang terdiri lebih kepada isu agama. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pemikiran dalam ketiga-tiga buah novel dan mengenal pasti isu pemikiran yang dikemukakan oleh Osman Ayub. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa pemikiran Osman Ayub lebih menyetengahkan kepada isu agama.

Shangkari A/P Rajan & Siti Khariah Zubir (2011) menjalankan kajian *Pemikiran Pengarang dalam novel Jeriji karya Ramlah Abdul Rashid*. Kajian ini berkait rapat dengan pemikiran yang terkandung dalam novel ini yang diterapkan oleh penulisnya dan disampaikan melalui daripada watak-watak dalam novel. Objektif kajian ini adalah menganalisis kesepaduan pemikiran yang disampaikan oleh pengarang dalam hasil karyanya dan menganalisis pemikiran dengan dari segi keseimbangan pemikiran daripada beberapa aspek iaitu antaranya pemikiran rohani, pemikiran kreatif dan dua lagi serta pemikiran pengarang dikaitkan dengan kehidupan masyarakat untuk menimbulkan kesan yang baik kepada pembaca. Bagi menghasilkan kajian ini, kaedah kualitatif digunakan. Hasil keseluruhan daripada kajian ini, diharapkan dapat membantu memahami apa yang ingin disampaikan oleh pengarang dan boleh menjadikan sebagai satu rujukan pada masa yang akan datang.

Noor Amira Samsudin (2001) kajian yang berjudul *Transkripsi Analisis Pemikiran Shahnnon Ahmad dalam novel Sampah dengan menggunakan Teori Pemikiran Bersepadu*. Kajian ini untuk melihat konsep nilai kekayaan yang sebenar dalam kehidupan manusia yang miskin dari segi zahirnya. Kajian ini bertujuan mengenal pasti corak pemikiran Shahnnon Ahmad dalam novel Sampah dan menganalisis pemikiran kerohanian yang menjadi tunjang dalam kehidupan manusia. Kaedah yang digunakan dalam menghasilkan kajian ini ialah kaedah kualitatif. Hasil dapatan kajian ini, mendapati

bahawa pemikiran kerohanian sangat memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia bagi melahirkan masyarakat yang kaya dengan nilai dan budi pekerti yang tinggi.

Armini Arbain (2017) telah melakukan kajian terhadap *Pemikiran Hamka dalam Novel-novelnya: Sebuah Kajian Sosiologi*. Kajian ini adalah untuk melihat pemikiran-pemikiran Hamka yang terkandung dalam novel tersebut. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pemikiran Hamka dalam beberapa novelnya dan menganalisis maksud pemikiran yang ingin disampaikan kepada para pembaca novelnya. Dalam menghasilkan kajian ini, kaedah yang digunakan adalah kaedah kualitatif. Hasil daripada dapatan kajian ini, menunjukkan bahawa pemikiran yang diterapkan dalam karyanya dapat memberikan kesan yang baik kepada pembaca.

Rohayati Junaidi (2022) menyalurkan kajian terhadap *Pemikiran dalam Novel Bimasakti Menari berdasarkan Teori Pemikiran Bersepadu (SPB4K)*. Kajian ini dihasilkan adalah untuk menanam pelbagai aspek pemikiran yang dapat memberikan faedah dan ilmu kepada pembaca. Tujuan kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti aspek pemikiran penulis dan menganalisis maksud pemikiran yang disampaikan dalam novel tersebut. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kualitatif iaitu menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks novel. Hasil daripada kajian ini, adalah untuk menerapkan aspek pemikiran ini dalam kalangan remaja atau masyarakat.

Noraini Ibrahim & Ani Omar (2017) telah menjalankan kajian berkaitan *Analisis pengarang dalam Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Bin Talib berdasarkan Teori Pemikiran Bersepadu (SPB4K)*. Kajian ini dihasilkan adalah untuk melihat peristiwa yang dilaluinya serta pengalaman individu lain yang diadaptasi dalam sesebuah karya. Tujuan kajian ini untuk mengenal pasti minda penulis dan mengkaji pemikiran-pemikiran yang terdapat dalam novel ini. Kajian ini dihasilkan menggunakan

kaedah kualitatif. Hasil daripada keseluruhan kajian ini dapat menunjukkan aspek-aspek pemikiran yang digunakan secara meluas dalam novel-novel ini.

Rosmah Derak (2020) kajian yang berjudul *Pemikiran Dalam Novel 1515 Karya Faisal Tehrani*. Kajian ini dilakukan disebabkan novel ini kerana cukup sukar untuk difahami secara bersahaja namun ia dapat menarik golongan yang meminati sejarah walaupun gaya penulisan dan plot penceritaan agak mengelirukan pembaca. Tujuan kajian ini ialah untuk menganalisis aspek pemikiran yang terdapat dalam novel ini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan analisis teks novel atau kandungan karya tersebut. Hasil kajian ini mendapati Faisal Tehrani telah menonjolkan pemikiran yang berkaitan dengan sejarah-sejarah agar dapat menerapkan dalam kalangan golongan remaja meminati kisah sejarah.

Masrizayu Mustafa (2006) telah menghasilkan sebuah kajian terhadap *Pemikiran pengarang dalam Novel Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid bersama Mohd Izhwan*. Kajian ini dilakukan adalah melihat aspek-aspek pemikiran yang diterapkan dalam novel ini. Tujuan kajian ini untuk mengenal pasti aspek pemikiran pengarang dan menganalisis aspek yang diguna pakai dalam pemikiran novel. Kaedah kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan analisis teks kandungan. Hasil keseluruhan daripada kajian ini dapat menunjukkan pemikiran-pemikiran yang terdapat dalam novel tersebut secara terperinci dan boleh dijadikan sebagai sumber rujukan pada pengkaji lain.

Md Noor & Asmah Bee (2005) telah membuat kajian yang berjudul *Citra Pemikiran Wanita melalui Novel Perempuan politikus Melayu*. Kajian ini dihasilkan untuk memberikan gambaran secara lebih terperinci lagi kepada kalangan remaja mahupun masyarakat. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji pola-pola pemikiran politik wanita melalui watak-watak wanita seperti mana yang digambarkan melalui novel ini. Kaedah kualitatif digunakan dalam penghasilan kajian ini iaitu kaedah kepustakaan

dan analisis teks. Keseluruhan daripada hasil kajian ini mendapati bahawa gambaran pemikiran wanita dipengaruhi daripada latar dan hubungan sosial yang mereka lalui.

Eizah Mat Hussain (2021) telah menjalankan kajian berkaitan dengan *Analisis Pemikiran dan Nilai dalam Novel Seindah Mawar Berduri*. Kajian ini dihasilkan untuk melihat dan mengangkat unsur keagamaan dalam kalangan masyarakat yang terdapat dalam novel ini. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pemikiran yang terdapat dalam novel ini dan menganalisis pemikiran melalui unsur keagamaan. Kaedah kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan analisis teks. Hasil keseluruhan daripada kajian ini dapat memberikan penerangan secara lebih terperinci berkaitan pemikiran-pemikiran berdasarkan unsur keagamaan yang terdapat dalam novel ini.

Mohd Faradi Mohamed Ghazali & Nur Aina Syahirah Binti Azmi (2018) telah menghasilkan sebuah kajian dalam *Novel Mencari Cahaya: Penelitian Pemikiran Islam Dalam Lensa Teori Takmilah*. Kajian dihasilkan adalah untuk melihat pemikiran-pemikiran yang terdapat dalam novel ini. Pemikiran yang terdapat dalam novel ini boleh dikatakan lebih kepada naratif kemelut kehidupan dalam rangka startifikasi sosial masyarakat. Tujuan kajian ini untuk mengenal pasti pemikiran-pemikiran yang terdapat dalam novel dan menganalisis pemikiran tersebut berdasarkan Teori Takmilah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan analisis teks. Hasil keseluruhan daripada kajian ini dapat memperlihatkan peri pentingnya hubungan tiga dimensi antara karya, pengkarya dan khalayak dalam menyampaikan perutusan yang bermanfaat demi kebaikan khalayak sastera Melayu-Islam.

Neeshanti A/P Rhamaroo (2018) telah menghasilkan kajian berkaitan *Novel Sungai Mengalir Lesu: Satu Kajian Strukturalisme Genetik*. Kajian ini dihasilkan untuk membuktikan kepentingan unsur-unsur luaran yang terdapat dalam sesebuah novel iaitu dari segi latar belakang pengarang dan pemikiran pengarang iaitu berkaitan dengan pandangan dunia pengarang dalam menghasilkan sesebuah karya yang lebih bermutu

mengikut pengalamannya. Kajian ini bertujuan mengenal pasti unsur pemikiran yang terdapat dalam novel ini dan menganalisis pemikiran pengarang melalui unsur strukturalisme genetik untuk melihat bagaimana unsur ini memainkan peranan utama dalam sesebuah karya. Kajian ini dihasilkan menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks. Keseluruhan daripada hasil kajian, ia menunjukkan bahawa penerapan unsur strukturalisme genetik dalam sesebuah karya membuktikan bukan hanya unsur dalaman sahaja yang memainkan peranan yang penting tetapi unsur-unsur luaran juga perlu dijadikan keutamaan.

Mohd Daud Ibrahim & Rohaidah Kamruddin (2015) satu kajian berkaitan *Mesej Pengarang: Satu Penelitian Terhadap Novel Anak Titiwangsa Karya Sasterawan Negara Keris Mas*. Kajian ini adalah untuk melihat buah fikiran pengarang yang merupakan mesej atau buah fikiran yang diolah dalam karya secara kreatif merupakan sesuatu yang lahir dari sifat pengarang itu sendiri untuk disampaikan kepada pembaca bagi dijadikan sebagai amalan dalam kehidupan. Objektif kajian ialah mengenal pasti mesej pengarang yang disampaikan dalam novel ini dan menganalisis maksud pemikiran yang disampaikan secara lebih mendalam dan terperinci. Kaedah kualitatif digunakan dalam menghasilkan kajian ini dan diaplikasikan dengan Teori Konseptual untuk membantu meneliti pemikiran novel ini dan juga membantu mengukuhkan dan memantapkan lagi hasil kajian ini. Hasil keseluruhan daripada kajian ini dapat melihat bahawa mesej yang diterapkan dalam novel ini oleh pengarang sangat cukup memberi kesan yang baik dan sempurna untuk dijadikan sebagai teras kepada pembangunan akal minda masyarakat pada masa yang akan datang.

Sahlan Mohd Saman (2005) telah melakukan satu kajian terhadap *Pemikiran Shahnnon Ahmad Mengenai Sastera sebagai Seismograf Kehidupan dalam Novel Tivi*. Kajian ini membentuk satu garis panduan untuk membantu menyatupadukan sesebuah komuniti ataupun kumpulan dalam sistem sosial untuk menjadi sebagai satu keluarga tanpa mengira kedudukan. Tujuan utama kajian ini ialah mengenal pasti pemikiran yang

berkaitan kehidupan masyarakat dan menganalisis pemikiran sastera dalam novel berdasarkan seismograf dalam kehidupan. Kaedah yang digunakan ialah kaedah kualitatif. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa sastera itu suatu bentuk kesenian yang indah, namun keindahan ini bukanlah semata-mata bersifat sendiri-sendiri dan jumud bergaul dengan golongan orang sastera sahaja. Penulisan yang baik sudah tentu perlu keseimbangan dari sudut estetika dan perihal manusia.

Ahmad Zaidi Baharuddin & Ani Omar (2018) kajian berjudul *Pemikiran Mana Sikana dalam Drama*. Kajian ini dihasilkan untuk mengupas pemikiran Mana Sikana dalam teks-teks drama yang dihasilkannya terhadap sembilan buah drama karya beliau iaitu drama *Ihsan, Tanah di Hujung Bendang, Pengadilan, Hikmah, Mustaqima, Apa-apa, Di Hujung Taming Sari, Pasir-Pasir di Pasir Salak* dan *Air Mala Naning*. Tujuan kajian ini dihasilkan adalah untuk mengenal pasti pemikiran-pemikiran yang terdapat dalam hasil karya ini dan menganalisis pemikiran-pemikiran tersebut dengan mengaplikasikan Teori Teksdealisme. Kajian mendapati drama-drama beliau mempunyai pelbagai tingkat pengalaman. Kaedah kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Keseluruhan daripada kajian ini, adalah untuk mengangkat martabat kesusasteraan tanah air demi melahirkan generasi yang unggul dan berwawasan khususnya genre drama.

Mohd Faradi Mohamed Ghazali & Nur Aina Syahirah Azmi (2018) telah menghasilkan kajian yang bertajuk *Novel Mencari Cahaya: Penelitian Pemikiran Islam dalam Lensa Teori Takmilah*. Kajian ini dihasilkan untuk melihat unsur-unsur kemanusiaan yang bukan hanya berimej sebagai sebuah karya hiburan semata-mata, namun bertindak sebagai elemen dalam membuai nilai kejiwaan akhlak terhadap pembaca. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti konsep pemikiran Islam yang dilihat dari sisi kemanusiaan melalui watak dan menganalisis pemikiran-pemikiran tersebut mengikut lensa Teori Takmilah. Kajian ini dijalankan dengan kaedah kualitatif dan menggunakan Teori Takmilah sebagai tunjang utama dalam penganalisan. Hasil keseluruhan daripada

kajian ini, mendapati bahawa Novel Mencari Cahaya ini banyak menampilkan ilmu ketauhidan dalam laras penulisan kreatif.

Hashim Ismail (2003) menghasil sebuah kajian bertajuk *Pemikiran Kaum Muda dalam Novel-novel sebelum Perang Dunia Kedua*. Kajian ini untuk memperkatakan tentang pemikiran kaum muda yang didukung oleh Syed Sheikh Al-Hadi. Tujuan kajian ini, untuk mengkaji aspek pemikiran yang cuba diketengahkan oleh pengarang dalam karya. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Hasil daripada kajian dikatakan mempunyai pengaruh yang besar dalam dunia penulisan novel Melayu sekitar zaman Perang Dunia Kedua dan dapat menambahkan pengetahuan kepada pembaca.

Kartini Anwar (2017) telah menghasilkan buku berkaitan dengan *Pemikiran dan Gaya Mengarang Raja Ali Haji*. Dalam buku ini ia menerapkan elemen-elemen yang penting iaitu pengarang, teks dan khalayak tetap menjadi unsur penting dalam menelusuri pemikiran seseorang pengarang. Dalam menghasilkan kajian ini, pengarang menggunakan Haluan yang selari agar jalur pemikiran serta kepengarangan Raja Ali Haji dapat dianalisis dan dikupas dengan lebih lanjut. Hasil daripada kajian pemikiran dan gaya mengarang ini dapat membantu golongan masyarakat yang ingin menghasilkan sesebuah karya dapat menjadikan sebagai buku ini sumber rujukan yang utama kerana buku ini telah lengkap berkaitan pemikiran-pemikiran Raja Ali Haji.

Jyh Wee Sew (2016) menjalankan kajian *Analisis Kajian Sastera: Semiotik dalam Novel Anwar Ridhwan*. Semiotik merupakan kajian yang berkaitan dengan pemaknaan kata dan membincangkan berkaitan tentang penilaian kualiti yang terbahagi kepada dua iaitu penampilan luaran dan struktur dalaman. Objektif kajian mengenal pasti kualiti teks novel tersebut dengan menggunakan pengaplikasian teori semiotik. Kaedah kualitatif yang terdiri daripada kepustakaan dan analisis teks digunakan bagi menghasilkan kajian ini. Pengaplikasian teori semiotic digunakan untuk menghasilkan analisis yang kukuh dan jelas kerana setiap dapatan yang ditulis berasaskan daripada rujukan teori semiotik.

Hasil keseluruhan daripada kajian ini, mendapati bahawa kajian terhadap novel ini hanya menjelaskan berkaitan dengan istilah sahaja dan katalog untuk membantu penganalisisan dalam novel Melayu.

Hamzah Hamdani (1993) menghasilkan sebuah kajian "*Pemikiran Dalam Novel Juara*" dalam kertas kerja yang dimuatkan dalam buku *Novel-Novel Malaysia dalam Kritikan*. Pemikiran dalam sesebuah karya sememangnya memainkan peranan yang utama kerana pemikiran penulis merupakan nyawa untuk sesebuah karya untuk menyatakan apa yang ingin disampaikan kepada pembaca. Tujuan utama kajian dilakukan adalah untuk mengkaji pemikiran yang diterapkan oleh Shahnom Ahmad dalam novel tersebut. Setiap pemikiran yang diperkatakan oleh beliau sangat mempengaruhi kalangan masyarakat. Kaedah kualitatif digunakan bagi menghasilkan kajian ini. Hasil daripada kajian ini menunjukkan kepada perkara yang negatif kerana ia memperlihatkan kelemahan seseorang individu yang sanggup menggadai maruahnyanya dan mengabaikan keluarga semata-mata untuk mendapatkan kemenangan dalam sesuatu perkara yang tidak mendatangkan sebarang faedah. Diharapkan agar kajian ini dapat memberikan iktibar kepada individu dan masyarakat.

2.3 Pengkajian Unsur kesopanan dalam Novel

Balakrishnan A/L Arumugam, Mashetoh Abd. Mutalib dan Melor Fauzita Md Yusoff (2020) telah menjalankan kajian yang berjudul *Unsur Eufemisme dalam Novel Ranggau*.

Unsur eufemisme adalah medium yang sangat memainkan peranan dalam mengesahkan atau melihat kesopanan dalam berbahasa supaya dapat menjaga percakapan dengan ini dapat membantu mengurangkan isu yang boleh menyentuh, menimbulkan atau mengaibkan dan meningkatkan kemarahan dalam kalangan masyarakat dengan bahan-bahan yang bercetak seperti novel atau sebagainya. Tujuan kajian ini mengenal pasti jenis-jenis eufemisme yang terkandung dalam novel. Kaedah kualitatif digunakan iaitu kaedah kepustakaan dan menggunakan pendekatan Allan dan

Burridge (1991). Hasil keseluruhan dapatan ini dapat menyatakan bahawa unsur eufisme yang jenis konotasi negatif sering digunakan tetapi unsur ini dapat memperkembangkan lagi idea-idea eufisme untuk menghasilkan sesebuah karya dan boleh dijadikan sebagai panduan atau rujukan supaya dapat memahami dan mendalami secara terperinci.

Sara Beden dan Indirawati Zahid (2015) *Analisis Kesopanan Bahasa Leech (1983) & Grice (1975): Manifestasi Pola & Struktur Kesopanan Bahasa Dalam Novel Melunas Rindu*. Analisis kesopanan dalam sesebuah novel memaparkan struktur atau susunan peristiwa yang berlaku dan akan diaplikasikan untuk menghasilkan sesebuah kajian yang kukuh dan mantap. Tujuan kajian ini mengenal pasti dan mengkaji struktur pola kesopanan bahasa dalam novel Melunas Rindu, iaitu Komponen Sastera (Komsas). Kaedah kualitatif digunakan, terdiri daripada kaedah kepustakaan dan analisis teks. Hasil daripada kajian ini dapat menyatakan bahawa kesopanan berbahasa dan struktur pola kesopanan ini merupakan satu elemen yang penting kerana berlaku berdasarkan daripada sesuatu peristiwa yang betul-betul terjadi yang diterapkan dalam novel dan tidak sewenang-wenangnya berlaku.

Nurul Jamilah Rosly (2010) menghasilkan sebuah tesis sarjananya yang berkaitan dengan kesopanan berbahasa. Tesis yang dihasilkan berjudul *Kesantunan Berbahasa dalam Novel Julia: Satu Analisis Lakuan Bahasa Maaf Berdasarkan Prinsip Kesantunan Leech (1983)*. Kajian berkaitan dengan kesopanan berbahasa dalam sesebuah karya yang dihasilkan sememangnya memainkan peranan yang penting kerana ia menunjukkan bahasa yang digunakan oleh penulis baik mahupun tidak. Namun, dapat dilihat dalam setiap hasil penulisan oleh penulis menggunakan bahasa yang sopan dan indah untuk menimbulkan keharmonian berbahasa dalam kalangan pembaca dan boleh diterapkan dalam kehidupan kalangan masyarakat. Objektif bagi kajian ini mengenal pasti penggunaan bahasa yang digunakan dalam novel dan menganalisis prinsip kesantunan yang terkandung dalam novel ini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif

iaitu kaedah kepustakaan dan analisis teks. Hasil daripada kajian ini, menyatakan bahawa prinsip yang diaplikasikan dalam kajian ini iaitu prinsip kesopanan leech ini sememangnya mempunyai kekuatan dan kelebihan yang tersendiri untuk membantu mengukur unsur kesopanan dalam sesebuah penyampaian.

Balakrishnan A/L Arumugam, Mashetoh Abd Mutalib & Melor Fauzita Md. Yusof (2021) telah membuat satu kajian terhadap *Unsur Eufemisme Dalam Novel Satu Janji*. Kajian ini dilakukan adalah untuk melihat nilai kesantunan berbahasa kerana ia akan mencerminkan sikap seseorang individu dari sudut berbahasa. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji unsur eufemisme yang terdapat dalam novel satu janji ini karya Ramlee Awang Murshid dan menganalisis penggunaan kata kiasan yang digunakan dalam karya ini. Kajian ini diterapkan dengan penggunaan pendekatan Keith Allan dan Burridge (1991). Hasil daripada kajian ini, diharapkan dapat memberikan kefahaman dan idea-idea yang dapat membantu menghasilkan kajian yang berkaitan dengan unsur eufemisme.

Asrul Azuan Mat Dehan & Hajah Nor Azuwan Yaakob (2015) telah melakukan kajian *Teknik Retorik dalam Novel Salina karya A. Samad Said*. Kajian ini dihasilkan bagi membuktikan keberkesanan penggunaan retorik yang menekankan aspek kesantunan dalam penulisan kreatif yang berfungsi sebagai komunikasi antara pengarang dengan pembaca secara langsung dan tidak langsung. Tujuan kajian ini mengenal pasti teknik retorik teknik retorik dan menganalisis kekerapan teknik retorik yang digunakan dalam novel Salina karya A. Samad Said. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah analisis kandungan untuk memerikan teks secara tekstual dan kontekstual. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa retorik merupakan satu elemen yang paling membantu dan berfungsi kepada pengarang untuk menggunakan bahasa secara berkesan bagi mempengaruhi fikiran, sikap dan pendirian pembaca terhadap karya yang dihasilkan.

Mohd Haniff Mohammad Yusoff, Siti Hamira Hamzani & Rohaya Md. Ali (2018) telah menghasilkan kajian *Fenomena Kesantunan bahasa dalam Novel Lentera Mustika*. Aspek kesantunan berbahasa dalam penghasilan sesebuah karya seperti novel yang merupakan genre sastera sedang meningkat naik dan mendapat permintaan yang tinggi daripada golongan pembaca di Malaysia. Tujuan kajian mengenal pasti dan menjelaskan maksim kesantunan yang digunakan oleh penulis dalam novel Lentera Mustika. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan analisis teks novel bagi memperoleh maklumat yang berkaitan dengan lengkap. Hasil keseluruhan daripada kajian ini dapat menyimpulkan bahawa novel ini memenuhi maksim kesopanan seperti yang dianjurkan oleh Leech. Penggunaan bahasa yang baik dalam penghasilan sesebuah karya dapat memberi kesan yang positif kepada pembaca untuk menggunakan bahasa yang sopan apabila berbahasa atau berkomunikasi antara satu sama lain. Dengan ini, secara tidak langsung dapat mendidik pembaca.

Mohd Khalidi, Siti Norashikin, Atan & Ernawita (2017) telah melakukan kajian berkaitan *Unsur eufemisme dalam novel Jalan Retak karya A. Samad Said*. Kajian ini dihasilkan untuk melihat satu bentuk bahasa yang digunakan bagi menggantikan perkara-perkara yang dianggap kasar, tidak sopan, menghina atau menyinggung perasaan supaya bahasa yang digunakan lebih lembut, lebih baik dan sopan. Kajian ini bertujuan mengenal pasti unsur-unsur eufemisme, menganalisis maknanya dan membincangkan faktor-faktor unsur eufemisme yang digunakan dalam novel. Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks. Hasil keseluruhan daripada analisis ini, dapat disimpulkan bahawa terdapat 35 unsur eufemisme yang dijumpai dalam novel Jalan Retak.

Nur Azimah Abdul Aziz, Halis Azhan Mohd Hanafiah & Roslina Abu Bakar (2018) telah melakukan kajian dalam *Unsur Eufemisme Dalam Dialog Novel Songket Berbenang Emas*. Kajian ini dihasilkan adalah untuk melihat unsur kesopanan dalam pertuturan ataupun dari segi penulisan. Unsur kesopanan dalam novel ini sangat menekankan tingkah laku dan persoalan beradab yang menghubungkan dua pihak iaitu antara diri

sendiri yakni penutur, pengarang dan pembaca. Tujuan kajian ini dihasilkan adalah untuk mengenal pasti unsur kesopanan yang terdapat dalam novel ini dan menganalisis unsur kesopanan berdasarkan prinsip eufemisme untuk memantapkan lagi dapatan kajian. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Secara keseluruhan kajian ini, memperlihatkan bahawa proses komunikasi atau dari proses penulisan yang menjaga santun bahasa akan memberikan impak secara emosi kepada pendengar dan juga penutur itu sendiri, disebabkan itulah unsur kesopanan memainkan peranan yang penting dalam sesebuah karya.

Nurulain Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh (2016) telah menjalankan kajian *Retorik Naratif dalam Novel Orang Kota Bharu*. Kajian ini dihasilkan untuk meneliti secara tekstual dan kontekstual terhadap novel *Orang Kota Bharu* karya Sasterawan Negara S. Othman Kelantan. Kajian ini bertujuan mengenal pasti jenis retorik yang terdapat dalam novel dan menganalisis elemen-elemen retorik yang digunakan dalam novel tersebut. Kajian ini menggunakan kualitatif iaitu analisis teks novel. Hasil keseluruhan kajian, mendapati elemen ini sangat memberi manfaat terhadap penghasilan sesebuah novel kerana ia menggunakan bahasa yang baik, halus, sopan dan mendalam tetapi ia memerlukan seseorang yang mempunyai daya fikir yang tinggi untuk memahami apa yang dimaksudkan oleh pengarang untuk disampaikan kepada pembaca.

Mumtaz Farhani, Anis Nazurah, Nurul Shazana, Wan Nur Akmal & Siti Nur Anis (2022) telah menjalankan kajian *Unsur Estetika Bahasa yang terdapat dalam Novel Magis karya Ramlee Awang Murshid*. Kajian ini dihasilkan untuk melihat unsur estetika yang dalam novel yang mengisahkan berkaitan fenomena halo yang telah mengheret lima manusia ke tempat yang lain iaitu dunia magis. Tujuan kajian ini ialah mengenal pasti dan menganalisis unsur-unsur estetika bahasa yang terdapat dalam novel *Magis* karya Ramlee Awang Murshid. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan teks bagi mendapatkan data yang diperoleh tepat dan sistematik. Hasil daripada kajian ini dapat membuktikan bahawa unsur estetika bahasa merupakan satu

unsur yang sangat penting dalam penulisan kerana ia mempengaruhi emosi khalayak dan dengan ini dapat mendidik khalayak ke arah yang lebih baik.

NorFaiszah Binti Arbain & Sa'adiyah Ma'alip (2017) telah melakukan kajian terhadap *Fenomena Berbahasa Generasi Y: Satu Kajian dalam Novel Awek Chuck Taylor*. Kajian ini membincangkan berkaitan dengan satu kajian terhadap bahasa slanga dari segi bentuk tulisan iaitu dalam novel Melayu remaja kerana ketika itu bahasa slanga menjadi satu fenomena yang luar biasa dalam kalangan masyarakat iaitu dari segi bentuk lisan ataupun lisan. Kajian ini berobjektifkan untuk mengenal pasti jenis-jenis kata yang digunakan atau istilah slanga dan menganalisis kekerapan penggunaan kata yang digunakan dalam penulisan novel tersebut serta kesan-kesan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif seperti kajian kepustakaan, kaedah analisis kandungan dan perbincangan bagi mendapatkan maklumat atau data yang diperlukan. Hasil keseluruhan kajian ini, memperlihatkan penulis novel ini banyak menerapkan istilah bahasa slanga dalam novel ini. Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini ia perlu mempunyai langkah-langkah yang berkesan untuk menangani gejala penggunaan bahasa slanga seperti yang dinyatakan dalam novel ini.

Ramlee Wahab (2016) telah menghasilkan satu kajian berkaitan *Keluhuran Bahasa dan Makna dalam Novel Hatimu Aisyah karya Zurinah Hassan*. Kajian ini membincangkan tentang penggunaan bahasa yang digunakan dan mempunyai makna yang begitu indah dalam menyampaikan sesuatu dalam sesuatu karya penulisan. Penggunaan bahasa yang sopan, indah dan juga tersusun dapat memberikan kesan emosi kepada pembaca. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan bahasa yang digunakan dan menganalisis makna yang disampaikan oleh pengarang. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis teks novel. Hasil daripada kajian ini, dapat menyatakan bahawa penggunaan bahasa dalam menghasilkan sesuatu karya sangat memainkan peranan yang penting untuk menimbulkan kesan emosi kepada pembaca supaya sampai penyampaiaannya.

Asrul Azuan Mat Dehan & Hajah Nor Azuwan Yaakob (2017) telah menghasilkan kajian *Keanekaragaman Retorik Gaya Trope dalam Penulisan Novel Salina*. Penghasilan kajian ini untuk membahaskan tentang keberkesanan penggunaan retorik dalam penulisan kreatif kerana ia dikatakan berfungsi dalam komunikasi antara pengarang dan pembaca kerana setiap penggunaan ayat yang digunakan memberi kesan secara langsung atau tidak langsung kepada pembaca. Retorik dikenali sebagai satu bahasa estetik atau menarik kerana ia boleh menekankan beberapa aspek yang terdiri daripada kesantunan, keterampilan, pengaplikasian bahasa yang baik dan beberapa lagi yang mempengaruhi aspek berkomunikasi secara lisan dan tulisan. Objektif utama kajian ini ialah mengenal pasti dan menghuraikan penggunaan retorik gaya trope yang terdapat dalam novel *Salina* karya A. Samad Said. Penganalisan data kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Hasil keseluruhan daripada kajian ini memperlihatkan bahawa retorik ini mampu memberi pemahaman antara pengucap dan penulis mengenai maksud dan kepentingan yang terkandung pada retorik. Penggunaan retorik ini juga dapat membantu seseorang itu untuk menghasilkan sesebuah ucapan dan penulisan yang baik dan mampu memberi kesan yang positif dalam penulisan.

Nur Farhana (2018) telah menghasilkan sebuah kajian *Gaya Retorik Skema Dalam Novel Gantung Karya Nadia Khan*. Kajian ini membincangkan berkaitan unsur retorik yang terdapat dalam novel *Gantung* dan melihat penggunaan kata atau bahasa dalam penulisan skema novel tersebut. Kajian ini berpandukan daripada kerangka retorik. Kajian ini bertujuan mengkaji unsur retorik skema yang digunakan oleh Nadia Khan dalam novel *Gantung*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan analisis teks novel. Keseluruhan daripada kajian ini dapat disimpulkan bahawa gaya pengulangan adalah gaya yang paling kerap digunakan.

Sara Beden & Indirawati Zahid (2018) telah melakukan kajian *Analisis Kesopanan Bahasa dalam Novel Melunas Rindu: Aplikasi Maksim Leech dan Grice*. Kajian ini

dihasilkan untuk membincangkan kesopanan bahasa yang dipaparkan dalam novel ini. Kajian ini lebih tertumpukan kepada dialog watak utama dan watak sampingan yang terdapat dalam novel iaitu pada bahagian bab 5. Dialog yang terdapat dalam penulisan novel tersebut akan menjadi data kajian dianalisis dengan mengaplikasikan model kesopanan Leech dan model kesopanan Grice. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif terdiri daripada kepustakaan dan analisis teks dan kuantitatif. Hasil keseluruhan daripada kajian ini menunjukkan beberapa kesopanan bahasa yang terdapat dalam novel ini berdasarkan daripada pengaplikasian kesopanan maksim Leech dan Grice dan memperlihatkan gambaran sosiobudaya Melayu.

2.4 Pengkajian Teori Pengkaedahan Melayu

Jumali Hj Selamat (2009) telah menjalankan kajian yang berjudul *Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu dalam Novel Menjaras Ribut menerusi Pendekatan Dakwah*. Kajian ini lebih memfokuskan kepada analisis karya remaja bagi melihat lingkungan sosial kehidupan manusia dan ketakwaan mereka kepada Allah SWT. Tujuan kajian menganalisis pendekatan dakwah yang terkandung dalam novel. Pendekatan ini digunakan adalah untuk dijadikan sebagai rujukan bagi melihat perkembangan islam bagi mempertingkatkan lagi nilai ketakwaan dan ketaatan kepada Allah SWT dan mengenal pasti persoalan yang timbul dalam novel berdasarkan pendekatan dakwah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Hasil daripada kajian ini, menjawab persoalan agama yang berkaitan dengan kebebasan beragama, penerapan nilai islam dalam diri insan, berdakwah dan kebenaran islam jelas diperkatakan dalam novel ini. Penghasilan novel ini boleh dikatakan dapat mengembangkan nilai-nilai yang diterapkan dalam novel adalah berlandaskan daripada al-Quran dan al-Hadis yang membolehkan membawa seribu kebaikan kepada pembangunan insan.

Sara Beden & Radna Wismawati (2022) telah membuat kajian berjudul *Novel Arus Benua: Perspektif Pengkaedahan Melayu*. Tujuan utama kajian ini menganalisis mesej

keagamaan yang terdapat dalam novel *Arus Benua* karya Noor Ariff Yusoff dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Kaedah kualitatif digunakan iaitu kaedah analisis teks sepenuhnya dengan memperincikan aspek tekstual dan kontekstual bagi mengukuhkan lagi hasil dapatan kajian. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan dalam kajian ini dapat memastikan bahawa terdapat enam pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu yang diaplikasikan dalam novel ini oleh pengarang untuk menjelaskan pembentukan buah fikiran dan jiwa watak dalam novel ini dikatakan dipengaruhi beberapa aspek nilai iaitu nilai-nilai spiritual, persekitaran, dan kemasyarakatan.

Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019) telah menjalan kajian terhadap *Aspek dakwah dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini adalah untuk menyebarkan ajaran Islam dan meningkatkan keimanan manusia kepada Allah SWT. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti aspek dakwah yang terdapat dalam novel ini dan menganalisis cara untuk menangani konflik yang terkandung dalam novel *suriati* dengan menggunakan pendekatan dakwah untuk menjadikan mantap lagi penyampaian. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Hasil keseluruhan daripada dapatan kajian ini, dapat mendedahkan bahawa unsur dakwah mampu menimbulkan minat terhadap Islam dan boleh digunakan sebagai saranan untuk menyebarkan syiar Islam.

Norazilah Buhari, Nor Azlili Hassan, Nik Norazira Abd Aziz & Mohd Syuja Saedin (2022) telah membuat kajian berkaitan dengan *Manifestasi Budaya Peradaban Melayu Dalam Novel Kasyaf Ain: Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*. kajian ini adalah untuk melihat bagaimana faktor persekitaran dapat mempengaruhi kepada persolan kepercayaan dan nilai-nilai tradisi berdasarkan daripada pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. Teori ini menjadi sebagai panduan utama untuk kajian ini bagi mengesahkan manifestasi budaya dalam peradaban masyarakat Melayu yang terkandung dalam novel ini. Tujuan kajian menganalisis dan mengenal pasti Budaya peradaban Melayu dalam novel ini menerusi pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan

keagamaan menerusi Teori Pengkaedahan Melayu. Kaedah yang digunakan dalam menghasilkan kajian ini ialah kaedah kualitatif iaitu analisis kandungan teks bab demi bab novel tersebut. Hasil kajian ini, menunjukkan bahawa faktor persekitaran mempengaruhi dalam proses pembentukan cara hidup dan budaya dalam peradaban masyarakat.

Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019) telah menjalankan kajian terhadap *Aspek dakwah dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini adalah untuk menyebarkan ajaran Islam dan meningkatkan keimanan manusia kepada Allah SWT. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti aspek dakwah yang terdapat dalam novel ini dan menganalisis cara untuk menangani konflik yang terkandung dalam novel suriati dengan menggunakan pendekatan dakwah untuk menjadikan mantap lagi penyampaian. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Hasil keseluruhan daripada dapatan kajian ini, dapat mendedahkan bahawa unsur dakwah mampu menimbulkan minat terhadap Islam dan boleh digunakan sebagai saranan untuk menyebarkan syiar Islam.

Che Wan Muhammad Othman bin Che Wan Md Azam, Nur Ameliya Binti Roslan, Nur Hanis Athirah Binti Rosazlan, Nur Hanis Binti Mohd Ramlee, Nurul Syazwani Farhana Binti Mohd Isa & Siti Nur Anis Binti Muhammad Apandi (2022) telah melakukan kajian terhadap *Aspek Moral dalam Novel Di Sebalik Dinara berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini menumpukan kepada aspek moral berlandaskan Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti aspek moral secara tersirat dan tersurat serta mengkaji aspek moral secara lebih mendalam. Kaedah kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif iaitu melalui kaedah kepustakaan, melayari internet dan analisis teks. Hasil daripada kajian ini menyatakan bahawa aspek moral mempunyai kemampuan dan keistimewaan yang tersendiri dalam sesebuah novel kerana ia dapat menonjolkan novel tersebut sebagai novel fiksyen sains yang boleh dikatakan kaya dengan nilai dan iktibar yang boleh diambil.

Mastura Othman (2018) telah menghasilkan sebuah kajian berkaitan dengan *Nilai Kemanusiaan Dalam Novel Srengenge Karya Shahnnon Ahmad: Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini dihasilkan adalah untuk melihat nilai yang terdapat dalam novel kerana novel ini sangat kaya dengan nilai-nilai yang positif dan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini berobjektifkan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai yang terdapat dalam novel ini berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dipilih sebagai panduan utama dan rujukan bagi menghasilkan kajian ini. Hasil daripada kajian ini, mendapati bahawa novel ini mempunyai banyak nilai yang berkaitan dengan kemanusiaan sekaligus dapat memberikan pemahaman kepada pembaca mengenai nilai-nilai ini.

Che Abdullah Che Ya (2018) telah melakukan kajian terhadap *Novel Bedar Sukma Bisu dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini dihasilkan adalah untuk melihat dan mengupas lebih lanjut dan secara terperinci kandungan yang terdapat dalam novel ini. Kajian ini mempunyai dua objektif utama iaitu mengkaji persoalan-persoalan yang timbul dalam novel dan menganalisis tema yang terdapat dalam karya ini. Kajian ini dihasilkan menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan analisis teks novel. Hasil keseluruhan daripada kajian ini, dapat menerangkan secara lebih lanjut dan terperinci maksud yang ingin disampaikan oleh pengarang dari segi tersurat dan tersirat.

Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019) telah menjalankan satu kajian terhadap *Novel Ayahanda karya Azizi Haji Abdullah: Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu melalui Pendekatan Kemasyarakatan*. Kajian ini dilakukan adalah untuk menunjukkan proses pembentukan dan perkembangan sahsiah dalam kalangan remaja atau golongan kanak-kanak yang bermula dari rumah. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji proses Pendidikan untuk melahirkan insan yang cemerlang mengikut Al-Quran dan Hadis. Kaedah kualitatif

digunakan iaitu kaedah kepustakaan, analisis teks novel dan mengaplikasikan pendekatan kemasyarakatan dalam membentuk sahsiah seseorang individu. Hasil daripada kajian ini, menyatakan berkaitan dengan pendekatan kemasyarakatan yang sesuai untuk digarapkan dalam sesebuah kajian iaitu dikatakan sebagai wadah bagi memberi penerangan lebih lanjut kepada permasalahan yang timbul dalam dalam kalangan bermasyarakat demi menjaga keamanan, kebaikan dan keadilan seperti yang dituntut Islam.

Noorhazwany Haji Ariffin & Noryamisma Ismail (2014) bertajuk *Pemikiran Marzuki Ali dalam Khazanah Segala Rimbun dari Aspek Teori Pengkaedahan Melayu*. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis pemikiran yang terdapat dalam Khazanah Segala Rimbun karya Marzuki Ali. Kajian kaedah kualitatif digunakan dan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu untuk menganalisis data agar mendapatkan data yang jelas dan kukuh. Hasil keseluruhan daripada kajian ini, menyatakan mesej-mesej yang terkandung dalam novel sangat positif dan boleh diambil sebagai panduan untuk menjadikan diri kearah kebaikan dan menepati garis panduan dalam Teori Pengkaedahan Melayu.

Jumali Selamat (2001) telah melakukan kajian terhadap *Cerminan Sosial dan Nilai Murni Dalam Novel-Novel Remaja dengan menggunakan Teori Pencermian dan Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini dihasilkan untuk mendapatkan maklumat serta rumusan berkaitan dengan cerminan sosial terhadap novel remaja dengan penerapan nilai murni yang terkandung dalam novel. Objektif kajian untuk mengenal pasti gagasan pemikiran tentang sastera sebagai cerminan sosial dan kaitannya dengan kelompok di luarnya dan menganalisis nilai murni yang terdapat dalam novel. Seperti berbudi pekerti, bersopan santun dan berakhlak mulia. Kaedah kajian digunakan kaedah kualitatif. Hasil daripada keseluruhan kajian ini, diharapkan dapat memberikan manfaat kepada orang lain kerana aspek nilai yang terdapat dalam novel ini dapat memberikan kesan yang baik kepada diri untuk menjadikan insan yang lebih dan mampu melahirkan generasi berilmu,

berpengetahuan, berakhlak, penuh tanggungjawab dan syumul pada masa yang akan datang dan ini dapat menyumbangkan kepada agama dan negara.

Nur Haifa Rosle (2021) telah membuat kajian *Penenun cinta: Analisis sisi Pengkaedahan melayu*. Kajian ini dihasilkan untuk melihat mesej-mesej keagamaan, moral dan estetika dalam novel ini. Kajian ini berobjektifkan mengenal pasti sisi pengkaedahan melayu yang digunakan dalam novel ini dan menganalisis mesej-mesej keagamaan yang terdapat dalam novel *Penenun Cinta* secara lebih terperinci menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu yang dikemukakan oleh Hashim Awang sebagai kerangka utama dalam menghasilkan kajian ini. Kaedah kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis teks. Hasil daripada keseluruhan kajian ini, dapat memperlihatkan kebolehan dan daya kreativiti dalam diri pengarang dalam membahaskan berkaitan dengan unsur keislaman dalam sesebuah karya.

Nur Aisyah Shahira (2021) telah melakukan kajian *Gapura Iman: Citra Keagamaan Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini dihasilkan untuk melihat mesej yang disampaikan dan nilai estetika yang ada dalam novel ini. Setiap mesej yang disampaikan dalam novel ini berasaskan keagamaan untuk memupuk dan mendidik kalangan masyarakat dengan mesej yang disampaikan secara halus, lembut dan sopan. Tujuan kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti nilai estetika dan menganalisis mesej keagamaan yang terdapat dalam novel *Gapura Iman* melalui Teori Pengkaedahan Melayu. Kaedah kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Hasil keseluruhan daripada kajian ini, menunjukkan setiap pemikiran yang terkandung dalam novel ini iaitu dari segi pemikiran keagamaan yang diterapkan melalui perwatakan atau watak untuk menyampaikan secara jelas apa yang ingin disampaikan dan peristiwa yang terjadi juga memainkan peranan penting dalam proses penyampaian mesej keagamaan. Setiap mesej yang diterapkan dalam novel sememangnya bertujuan untuk mempengaruhi golongan masyarakat untuk lebih patuh dan taat kepada perintah yang ditetapkan oleh Allah SWT.

Noor Hazwany Haji Arifin & Noryamisma Ismail (2014) telah melakukan kajian terhadap *Pemikiran Marzuki Ali dalam Khazanah Segala Rimbun dengan menggunakan Aspek Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini dihasilkan untuk memperlihatkan mengenai alam persekitaran yang membawa kepada seribu makna. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti pemikiran dan menganalisis pemikiran yang terdapat dalam karya ini. Kaedah yang digunakan dalam menghasilkan karya ini ialah kaedah kualitatif. Hasil keseluruhan daripada kajian ini, diharapkan dapat membantu mempengaruhi individu dan masyarakat sedar dengan pengajaran yang ditulis dalam penghasilan novel tersebut dan dapat menimbulkan nilai estetika kepada pembaca.

Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud (2017) kajian berkaitan *Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu*. Jati diri melayu merupakan elemen yang utama kerana dikatakan sebagai khazanah bangsa yang perlu dijaga dan dikukuhkan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Kajian ini bertujuan menganalisis jati diri Melayu yang terdapat dalam kumpulan puisi A. Aziz Deraman iaitu Suara Gunung Kehidupan dan Gelora Nurani dan mengenal pasti aspek utama iaitu jati diri dalam aspek bahasa Melayu, jati diri dari segi aspek agama dan aspek budaya. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis kandungan dan mengaplikasikan prinsip yang dikemukakan oleh Hashim Awang iaitu Teori Pengkaedahan Melayu. Hasil daripada kajian ini, menyatakan bahawa A. Aziz Deraman menerapkan ketulenan jati diri kemelayuan dalam penghasilan puisinya kerana puisinya berperanan sebagai alat untuk menyampaikan seperti iktibar, nasihat dan pesanan yang memberikan faedah kepada kita bagi menemukan kemuafakatan dalam kalangan masyarakat mengikut kepada ajaran dan etika yang dinyatakan dalam Islam.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) kajian berkaitan *Nilai-nilai murni dalam naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: satu penelitian pengkaedahan Melayu*. Kajian ini dijalankan kerana terdapat masyarakat yang menganggap bahawa naratif lisan ini tidak memberikan sebarang faedah kepada pembaca kerana mempunyai

kepincangan. Kajian ini untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni yang terkandung dalam *naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Seterusnya, analisis terhadap nilai-nilai murni ini turut diaplikasikan dengan pendekatan moral, dakwah dan kemasyarakatan yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu untuk mengukuhkan kajian ini supaya lebih mantap. Kajian ini menggunakan analisis kandungan kualitatif dipilih sebagai panduan utama bagi menyempurnakan kajian ini iaitu menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu. Hasil dapatan kajian ini membuktikan bahawa naratif lisan memiliki nilai-nilai murni yang boleh dijadikan sebagai alat pendidikan kepada masyarakat.

Naizalaila Mustapha (2019) kajian berkaitan dengan *Analisis Cerpen Terpilih karya Zurinah Hassan melalui Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini membahaskan berkaitan dengan nilai-nilai kemasyarakatan yang terkandung dalam cerpen terpilih. Nilai mempunyai dua iaitu positif dan negatif yang terdapat dalam kalangan masyarakat tetapi mempunyai kesan yang tersendiri. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti nilai kemasyarakatan yang terkandung dalam cerpen ini dan menganalisis cabaran yang dihadapi dalam cerpen terpilih ini bagi mendapatkan sebuah matlamat yang diinginkan. Kaedah kualitatif dan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu melalui Pendekatan Kemasyarakatan bagi menghasilkan sebuah analisis yang mantap. Hasil daripada dapatan kajian ini, menunjukkan bahawa terdapat nilai-nilai kemasyarakatan dalam cerpen terpilih ini dan dapat dijadikan sebagai teladan atau iktibar dalam melahirkan dan membentuk masyarakat yang boleh mendatangkan manfaat kepada orang lain mengikut syariat Islam.

Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017) *Panerapan Nilai Murni dalam Cerita Rakyat Melayu Satu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih sayang dan Nilai keadilan dalam masyarakat Melayu*. Cerita rakyat memainkan peranan kepada masyarakat melayu untuk dijadikan sebagai medium untuk penyampaian, pengalaman hidup, adat istiadat dan yang berkaitan dengannya. Kajian ini mempunyai dua objektif

iaitu mengenal pasti nilai kasih sayang dan kasih sayang yang terdapat dalam buku cerita rakyat Melayu ini dan menganalisis nilai kasih sayang dan keadilan dalam buku ini serta mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan daripada dokumen-dokumen dalam simpanan perpustakaan dan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu untuk mengukuhkan setiap analisis kajian. Hasil analisis kajian, memperlihatkan bahawa cerita rakyat sememangnya kaya dengan nilai murni kerana cerita rakyat merupakan sebuah medium untuk menyampaikan pengajaran dan pendidikan kepada kalangan masyarakat.

Siti Munirah binti Sayuti (2023) kajian *Unsur islam dalam cerpen Antologi Sejadah Ibadah Karya Radzemah Bolhassan satu pengaplikasian teori pengkaedahan melayu*. Kajian ini membahaskan berkenaan cerpen antologi yang mengisahkan tentang gambaran kehidupan masyarakat dalam usaha mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT. Tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti, unsur Islam yang terdapat dalam cerpen Antologi Sejadah Ibadah karya Radzemah Bolhassan dan untuk menganalisis masalah sosial yang dihadapi oleh rentetan kehidupan sehingga mewujudkan rasa kecintaan kepada Allah SWT. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kualitatif iaitu memaparkan kaedah kepustakaan, analisis tekstual dan sumber internet. Dalam pada itu, pengkaji menggunakan pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu berdasarkan pendekatan keagamaan. Hasil dapatan kajian yang diperolehi ialah sikap masyarakat itu sendiri dapat membentuk dirinya. Oleh itu, bagi mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT kita hendaklah sentiasa menyucikan diri dengan mengikut segala tuntutan yang diperintahkan dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Othman Nur Shahirah (2020) kajian *Akal Budi Orang Melayu Dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini dihasilkan untuk melihat nilai nilai murni orang Melayu melalui cerita rakyat yang dipilih. Cerita rakyat yang dipilih sudah semestinya mempunyai akal budi

orang Melayu yang dapat membentuk jati diri seseorang Melayu. Kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis akal budi orang Melayu di dalam cerita rakyat. Kajian ini dihasilkan menggunakan kaedah kualitatif dan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan untuk mengukuhkan lagi analisis dapatan kajian yang dihasilkan. Hasil dapatan kajian yang terdapat dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia karya Zainariah Abdul Wahab dapat membuktikan bahawa cerita rakyat mempunyai nilai akal budi yang murni dan wujudnya satu keadaan dimana cerita rakyat Malaysia penuh dengan warisan kebudayaan yang menjadi titik tolak kepada pembangunan dalam masyarakat orang Melayu serta menjadi medium untuk memberikan kesan yang positif terhadap kehidupan seharian orang Melayu.

Hadijah Johari, Nor Shahida Mohd Shaker & Farra Humairah Mohd (2020) kajian *Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah*. Setiap penghasilan sesebuah karya sememangnya akan mengetengahkan berkaitan dengan isu terkini berdasarkan daripada kehidupan individu dan masyarakat untuk menjadikan sebuah karya yang kena dengan pengalaman kehidupan kepada pembaca. Dengan ini, penulis dapat menunjukkan kebolehan yang ada pada dirinya untuk menghasilkan sebuah karya yang boleh diterima oleh kalangan masyarakat dan menerapkan penggunaan bahasa yang indah untuk menarik dan memperkaya minda pembaca. Kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis unsur dakwah yang terdapat dalam kumpulan cerpen Melamar Rindu. Kaedah kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis teks cerpen bagi menjawab segala persoalan dakwah yang terdapat dalam kumpulan cerpen Melamar Rindu ini dan menggunakan pendekatan dakwah yang terangkum dalam Teori Pengkaedahan Melayu untuk mendapat data yang lebih kukuh dan dapat dihuraikan secara lebih terperinci mengikut kesesuaian teori ini. Hasil daripada kajian ini, dapat menyatakan bahawa daripada ketiga-tiga buah cerpen yang terdapat dalam cerpen ini

memfokuskan kepada nilai keagamaan dan kaya dengan unsur dakwah Islamiah bagi meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.

Nur Hanis Athirah Rosazlan (2023) kajian *Sajak Sebagai Medium Mendidik Masyarakat: Satu Penelitian Terhadap Puisi Terpilih Zurinah Hassan Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian terhadap genre sajak masih memerlukan penelitian yang mendalam dalam usaha memahami aspek intelektualisme dan ilmu seperti medium mendidik masyarakat melalui sajak kerana lazimnya masyarakat menganggap sajak ini hanya sebagai sesi meluahkan perasaan melalui penghasilan sebuah sajak. Objektif kajian mengenal pasti nilai-nilai, menganalisis nilai-nilai yang terkandung dalam sajak terpilih Zurinah Hassan melalui pendekatan moral dalam Teori Pengkaedahan Melayu dan membincangkan kepentingan genre sajak sebagai medium dalam mendidik masyarakat Melayu masa kini. Kajian ini dihasilkan dengan menggunakan kaedah kualitatif dan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral bagi menyempurnakan lagi analisis kajian. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai-nilai yang terdapat dalam kumpulan teks sajak terpilih karya Zurinah Hassan ini mampu mendidik masyarakat dan juga telah dapat memberikan kepentingan terhadap nilai tersebut dalam kalangan masyarakat.

Wan Khairul Faiz & Wan Kamarull Ariffin (2019) *Analisis terhadap Cerpen-cerpen Terpilih di dalam Kumpulan Cerpen Bidadari Burung karya Syed Mohd Zakir melalui Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini adalah untuk mengupas lebih lanjut berkaitan dengan cerita-cerita yang terdapat dalam kedua-dua cerpen ini iaitu cerpen Moluska dan cerpen ini Bidadari Burung. Objektif kajian ini mengenal pasti tentang kepincangan yang terjadi dalam kalangan masyarakat berkaitan kehidupan masyarakat yang penuh perkara negatif dengan berlakunya kemungkaran, keganasan, salah guna kuasa dan yang diceritakan melalui cerpen ini dan menganalisis nilai-nilai yang berkaitan dengan keislaman daripada ajaran yang diterapkan kepada watak-watak terkandung dalam cerpen terpilih ini. Kajian ini dihasilkan menggunakan kaedah kualitatif untuk

menghasilkan satu analisis yang terperinci mengikut perspektif Islam berkaitan dengan masalah kepincangan yang timbul dalam cerpen ini. Kajian ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu iaitu Pengkaedahan Keagamaan melalui pendekatan masyarakat. Hasil kajian ini, dapat membantu memberi kefahaman berkaitan dengan masalah, faktor, akibat dan jalan penyelesaian daripada masalah kepincangan tersebut, yang berleluasa di dalam masyarakat khususnya.

Nur Safiah & Mohmad Zakir (2020) *Nilai-nilai Keislaman menerusi Cerpen-cerpen yang Terpilih dalam Seuntai Rindu Firdaus karya Ana Balqis: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Cerpen merupakan sastera moden yang terawal berbanding dengan genre-genre sastera lain seperti puisi, novel dan yang berkaitan dengannya. Kajian ini bertujuan mengenal pasti nilai-nilai keislaman yang terdapat dalam cerpen ini dan membincangkan nilai-nilai keislaman tersebut serta dirumuskan dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu. Kaedah kualitatif telah digunakan dalam menghasilkan kajian ini untuk dijadikan sebagai kerangka utama dan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu dalam kajian ini yang digagaskan oleh Hashim Awang bagi menjadikan analisis kajian lebih kukuh. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa terdapat banyak nilai-nilai yang berkaitan dengan keislaman dalam cerpen terpilih ini dan dapat memberikan pengajaran dan iktibar kepada pembaca untuk menjadi insan yang lebih baik, taat dan bertakwa kepada Allah SWT.

Sara Beden (2021) menghasilkan kajian *Pengkaedahan Melayu: Manifestasinya dalam Kumpulan Cerpen Perempuan Kerudung Hitam*. Cerpen ini menunjukkan naratif yang berkaitan dengan unsur-unsur keislaman dan menerapkan mesej-mesej yang mempunyai unsur keagamaan. Objektif utama kajian ini menganalisis pesanan-pesanan atau mesej-mesej yang keagamaan yang terdapat dalam cerpen ini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis teks secara tidak langsung. Hasil daripada dapatan kajian ini, menunjukkan secara terperinci bahawa terdapat 5 aspek yang berkaitan Teori Pengkaedahan Melayu terdapat dalam cerpen ini.

Nur Emy Amirah Zawawi (2022) telah menghasilkan kajian berkaitan dengan *Analisis Nilai dan Pengajaran dalam Buku 'Pantun Berkait: Peri Loka Tanah Melaka' yang merupakan karya Azimin Daud*. Kajian ini dihasilkan adalah untuk mengenal secara terperinci berkaitan dengan nilai dan pengajaran yang terdapat dalam buku ini. Objektif utama kajian ini untuk mengkaji nilai dan pengajaran yang terkandung dalam buku pantun berkait ini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang terbahagi kepada dua iaitu kaedah kepustakaan dan analisis teks untuk mendapatkan kesahihan berkaitan dengan tajuk kajian ini dan diterapkan juga dengan Teori Pengkaedahan Melayu iaitu menggunakan Pendekatan moral bagi memantapkan dan mengukuhkan lagi hasil analisis kajian. Hasil keseluruhan daripada dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai dan pengajaran yang terdapat dalam buku ini dapat memberikan impak atau pengajaran yang positif dan dapat memberi Pendidikan kepada golongan individu atau masyarakat.

Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud (2017) telah menghasilkan sebuah kajian berkaitan dengan *Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini adalah untuk menganalisis jati diri Melayu dalam kumpulan puisi A. Aziz Deraman iaitu Suara Gunung Kehidupan dan Gelora Nurani. Jati diri Melayu merupakan elemen yang terpenting kerana di dalamnya terkandung khazanah bangsa yang harus dipertahankan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Konteks ini membincangkan tentang pembangunan dan pemantapan jati diri Melayu, Kajian seperti ini wajar diberi perhatian terutama dalam menghadapi polemik semasa serta cabaran globalisasi yang dikatakan mampu mengubah jati diri sesuatu bangsa. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu secara analisis kandungan dan analisis kajian dengan mengaplikasikan prinsip yang digagaskan oleh Hashim Awang dalam Teori Pengkaedahan Melayu, Setiap aspek jati diri Melayu dalam puisi tersebut akan dianalisis melalui tiga aspek utama iaitu jati diri dalam aspek bahasa Melayu, aspek agama dan aspek budaya. Kajian mendapati bahawa ketulenan jati diri kemelayuan yang ditunjukkan oleh A. Aziz Deraman melalui puisinya berperanan sebagai iktibar,

peringatan, dan nasihat yang dapat membawa manfaat dan menemukan kemuafakatan kepada masyarakat. Ini kerana ianya berlandaskan kepada ajaran dan etika Islam yang menjadi jalinan prinsip penting dalam Teori Pengkaedahan Melayu.

Jumali Hj. Selamat (2012) menjalankan kajian yang bertajuk *Analisis Nilai Murni dalam Seteguh Karang*. Tujuan kajian dijalankan adalah mengkaji aspek nilai-nilai murni yang terdapat di dalam kehidupan para remaja berdasarkan teks Seteguh karang dan melihat nilai-nilai murni yang disemai di dalam karya bagi membentuk budi pekerti dan sikap remaja. Oleh itu, kajian ini menggariskan Teori Pengkaedahan Melayu dengan menggunakan pendekatan moral sebagai landasan untuk meneliti nilai murni yang ada dalam Seteguh Karang. Hasil dan pembahasan mendapati terdapat enam nilai murni di dalam teks Seteguh Karang ini iaitu nilai keberanian, kesyukuran, baik hati, rasional, kerjasama dan kasih sayang bagi melihat penyemaian nilai murni menerusi karya tersebut. Nilai murni yang secara berterusan dan tersusun di dalam teks ini telah memupuk budaya membina sahsiah serta dapat membentuk keperibadian para remaja.

Eizah Mat Hussain, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dan Zahir Ahmad (2021) menerusi *Analisis Nilai Murni dalam Manuskrip "Hikayat Saerah dengan Suami"* bertujuan untuk mengenal pasti serta mengkaji nilai murni yang wujud dalam sebuah kehidupan bagi seorang isteri. Ianya khusus untuk memperincikan beberapa nilai murni yang terkandung pada Manuskrip "Hikayat Saerah dengan Suami". Oleh itu, kajian yang dibuat ini menggunakan kaedah kualitatif dan kaedah transliterasi sebagai satu garis panduan untuk mengumpul maklumat berkaitan dengan nilai-nilai murni dalam manuskrip tersebut. Kajian ini juga telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan moral oleh Hashim Awang sebagai landasan untuk meneliti nilai murni yang ada dalam manuskrip ini seperti nilai murni yang menyentuh kepada wanita iaitu isteri terutama daripada aspek positif. Hasil kajian ini telah menemukan beberapa nilai murni iaitu adab ketika bercakap dengan suami, nilai amanah dalam melindungi harta

miliki suami, nilai kasih sayang, meminta izin kepada suami sebelum keluar dari rumah dan nilai ketaatan.

Kajian terhadap genre sastera hikayat menggunakan aplikasi pendekatan moral juga turut dilakukan oleh Nor Azlina (2011) menerusi kajian *Hikayat Bakhtiar: Kajian Teks Berdasarkan Pendekatan Moral*. Kajian ini membataskan kepada lima buah cerita yang terpilih dinilai daripada persepsi nilai moral sebagai medium didaktik kepada masyarakat. Perbincangan dan analisis kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah yang hampir sama dengan kajian sastera hikayat oleh Noor Nazihah (2011) kerana mengemukakan kedua-dua sisi moral dan tidak bermoral dalam setiap watak dalam teks kajian. Pendekatan moral menelusuri setiap watak serta perwatakan yang terkandung dalam teks untuk meneliti kesungguhan pengarang menerapkan aspek moral dalam novelnya.

Noor Nazihah (2011) pula telah memilih pendekatan moral sebagai wadah mengkaji sastera hikayat. Kajian beliau bertajuk *Hikayat Khalilah dan Daminah: Satu kajian dari Pendekatan Moral* mempunyai objektif untuk mengenal pasti aspek moral yang boleh dijadikan pengajaran kepada pembaca sebagai panduan hidup. Pengaplikasian pendekatan moral berperanan untuk mengetengahkan karya yang dihasilkan sebagai sebuah medium untuk meningkatkan kualiti kehidupan serta muhasabah diri dalam kalangan masyarakat untuk menjadi lebih baik. Hasil daripada perbincangan dan dapatan kajian menggariskan bahawa terdapat aspek moral yang positif dalam teks ini yang mampu menyumbangkan kepada pembinaan jati diri individu serta masyarakat berteraskan Islam.

Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) menerusi kajian beliau yang berfokuskan kepada *Pengurusan Konflik dalam Cerita Rakyat Nusantara Abad Ke19* menggunakan pelbagai pendekatan untuk menyelesaikan pergaduhan, pertelingkahan, masalah dalaman manusia dan sebagainya dapat dikesan dalam cerita-cerita rakyat Masyarakat

Melayu. Beberapa cerita rakyat dari perspektif kanak-kanak juga telah dipilih untuk meneliti pengurusan konflik yang terdapat dalam cerita rakyat. Hasil kajian menunjukkan terdapat kaedah tertentu yang digunakan oleh masyarakat Melayu tradisi dalam pengurusan konflik.

Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2017) yang berjudul *Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan melalui Cerita-cerita Rakyat Melayu: Kajian Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia diselenggarakan oleh Aripin Said dan Othman Puteh* bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis cerminan moral positif masyarakat Melayu yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat Melayu dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Beberapa cerita rakyat yang telah dipilih ialah Awang yang Lurus, Padi Berbuah Emas, Raja Kuyuk dan Seuncang Padian Penjual Api yang Lurus. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa elemen nilai murni kejujuran ternyata jelas terkandung dalam ceritacerita rakyat Melayu terpilih dan penemuan nilai murni seperti ini telah membuktikan bahawa sememangnya masyarakat Melayu pada masa lampau mengamalkan nilai murni dalam kehidupan untuk memastikan kehidupan yang sejahtera.

2.5 Penutup

Kesimpulannya, dalam bab ini ia membincangkan berkaitan dengan sorotan-sorotan kajian lepas melalui daripada proses pemerhatian terhadap beberapa artikel yang berkaitan untuk dijadikan sebagai bahan rujukan dan bagi menghasilkan penambahbaikan dalam analisis kajian bagi mengukuhkan lagi hasil dapatan kajian tersebut. Sorotan-sorotan kajian lepas yang ditemui sememangnya berkaitan dengan kajian terhadap novel yang terdapat di Malaysia yang membincangkan tentang kajian terhadap pemikiran, nilai dan sebagainya yang mendapat tempat kepada pengkaji untuk menghasilkan sesebuah kajian. Hal ini menunjukkan bahawa pengkaji amat suka menghasilkan sesebuah kajian terhadap karya sastera tempatan kerana pengkaji amat menghargai dan yakin bahawa setiap kajian yang dihasilkan dapat memberikan manfaat kepada orang lain untuk menjadikan sebagai sumber rujukan. Daripada keseluruhan sorotan kajian lepas yang ditemui, dapat membuktikan bahawa para pengkaji lebih berminat untuk mengkaji sesebuah karya melalui dari sudut pemikiran dan nilai murni kerana tidak dinafikan bahawa novel sastera tempatan mempunyai keunikan yang tersendiri dan kaya dengan perkara positif yang diterapkan oleh pengarang.

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Pada bahagian ini, pengkaji akan menggariskan beberapa perkara penting untuk melancarkan proses penyelidikan antaranya seperti reka bentuk kajian, kaedah kajian dan juga teori yang digunakan dalam penghasilan kajian ini.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian akan menjelaskan tentang bersifat kualitatif antaranya analisis teks dan kaedah kepustakaan.

3.3 Kaedah Kajian

Kaedah kajian ini menggunakan Pendekatan kualitatif. Pendekatan ini digunakan adalah bertujuan untuk memperolehi dan mengumpul maklumat-maklumat yang berkaitan dan bertepatan dengan tajuk kajian yang telah dipilih iaitu unsur kesopanan dalam novel *Maghfirah* karya Rehan Makhtar agar dapat menghasilkan satu kajian penyelidikan yang berilmiah dan baik. Kaedah kualitatif yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah perpustakaan dan analisis teks novel namun dikaitkan juga dengan unsur kesopanan dan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu untuk memantapkan dan mengukuhkan lagi analisis dan dapatan kajian dalam kajian ini.

3.3.1 Kaedah Kepustakaan

Kepustakaan merupakan satu kaedah yang sangat sesuai dan penting untuk mendapatkan maklumat yang relevan, terperinci dan bersesuaian dengan kajian yang akan dihasilkan. Kaedah ini meliputi beberapa jenis bahan bacaan seperti dokumen, jurnal, artikel, buku-buku yang berkaitan, sorotan kajian lepas, tesis yang dihasilkan oleh para sarjana dan sebagainya. Segala maklumat yang diperolehi menerusi kaedah ini akan ditapis terlebih dahulu bagi mendapatkan maklumat yang sahih dan diperlukan sahaja. Setiap maklumat yang diperolehi akan digunakan sebagai sumber rujukan yang utama untuk memantapkan lagi analisis dan dapatan kajian berkaitan pemikiran pengarang melalui unsur kesopanan. Pengkaji menjalankan kaedah ini di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) kerana ia menawarkan perkhidmatan ini kepada mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaysia Kelantan.

3.3.2 Analisis Teks

Kaedah rujukan teks ini sangat memainkan peranan dalam menghasilkan sesebuah kajian kerana ia menjadi penggerak kepada kajian ini. Bagi kaedah ini, ia memerlukan beberapa proses seperti membaca, meneliti dan menganalisis satu persatu dan baca bab demi bab dalam teks novel Maghfirah karya Rehan Makhtar untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan padat. Teks ini dijadikan sebagai sumber rujukan yang utama dan menganalisis teks tersebut bab demi bab untuk dijadikan sebagai rujukan dalam menghasilkan kajian. Teks ini penuh dengan kepelbagaian yang diterapkan oleh pengarang novel iaitu termasuklah dari segi aspek pemikiran, unsur kesopanan dan sebagainya. Setelah meneliti teks ini, ia amat sesuai untuk dijadikan sebagai rujukan utama dalam kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, teks ini memaparkan beberapa pemikiran pengarang yang boleh dikaitkan dengan unsur kesopanan. Setiap pemikiran pengarang yang terdapat dalam novel ini akan dikumpulkan dan dimasukkan pada bahagian analisis kajian iaitu bab empat. Bahagian ini akan menerangkan secara terperinci.

3.4 Unsur Kesopanan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), unsur kesopanan memberi maksud kepada sikap seseorang yang lemah lembut, berbudi bahasa, bersopan santun, kehalusan dalam kata-kata, pertuturan, penyampaian dan sebagainya. Dalam menghasilkan sesebuah karya, pengarang akan menyelitkan penggunaan unsur kesopanan dalam karyanya untuk menimbulkan kesan yang harmoni dalam kalangan pembaca. Unsur ini sememangnya sering digunakan kerana untuk memberikan pandangan, ujaran, pemikiran dan sebagainya dengan menggunakan penyusunan kata yang tersusun rapi, penggunaan kata yang indah dan banyak lagi. Setiap pertuturan yang ditulis akan memberikan kesan yang positif kepada pembaca kerana penggunaan kata yang sopan.

3.5 Teori Pengkaedahan Melayu

Teori Pengkaedahan Melayu telah dipelopori oleh Hashim Awang. Teori ini dibina berdasarkan daripada kehidupan dan kebudayaan melayu. Teori ini tercetus kerana beliau berpandangan bahawa terdapat beberapa kelemahan yang terdapat dalam Teori Barat untuk menganalisis karya Melayu. Disebabkan inilah, beliau sedar untuk menggagaskan teori ini agar tidak mempunyai kelemahan dalam menganalisis sesuatu karya Melayu dan dapat memantapkan lagi penganalisan tersebut.


Beliau juga menyatakan masyarakat melayu mempunyai daya cipta yang kreatif dalam menjalani kehidupan. Hal ini dikatakan demikian kerana, terbukti daripada kreativiti mereka dalam pelbagai bidang yang diceburi. Menurut Hashim Awang (1997), beliau berpandangan masyarakat melayu menjadikan alam sebagai sumber dan ilham mereka untuk menghasilkan sesuatu karya yang menarik dan dapat diterima dalam kalangan masyarakat. Beliau menegaskan Disebabkan itulah menyebabkan beliau membentuk dan membina satu pengkaedahan sastera yang mempunyai unsur alam dan masyarakat kita untuk melambangkan identiti jati diri bangsa melayu. Dengan ini, dapat mengekalkan warisan budaya bangsa melayu. Kedua-dua unsur yang terdapat dalam teori ini saling memainkan peranan yang utama kerana saling berkaitan.

Unsur ini sangat mempengaruhi sebahagian besar dalam bidang penulisan dan kritikan kesusasteraan melayu. Dalam setiap penulisan karya yang pelbagai genre akan diselitkan dengan budaya pemikiran dan budaya mereka untuk disampaikan kepada kalangan masyarakat. Setiap objek alam yang terdapat akan dijadikan sumber ilham untuk menghasilkan penulisan sesebuah karya.

Bagi menghasilkan gagasan ini, Hashim Awang (1997), beliau telah membina kerangka bagi teori ini untuk membahagikan Teori Pengkaedahan Melayu kepada dua bahagian iaitu melalui pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Kedua-dua bahagian iaitu bagi pengkaedahan alamiah ia berteraskan kepada cara hidup dan sikap

masyarakat melayu dalam kehidupan yang menjadikan alam sebagai perkara utama dalam kehidupannya. Bagi pengkaedahan alamiah ia terbahagi kepada tiga iaitu pendekatan moral, pendekatan gunaan dan pendekatan firasat manakala bagi pengkaedahan keagamaan pula terdiri daripada pendekatan dakwah, pendekatan masyarakat dan pendekatan seni.

Kajian ini, akan menggunakan pengkaedahan keagamaan iaitu melalui pendekatan dakwah.



Rajah 3.5: Pendekatan dalam Teori Pengkaedahan Melayu

3.5.1 Pengkaedahan Keagamaan

Pengkaedahan keagamaan ialah satu pendekatan yang mendasarkan kepada teras keimanan yang berprinsipkan akidah agama islam. Pengkaedahan ini mempunyai tiga pendekatan yang saling berhubung kait dalam menganalisis atau menghasilkan sesebuah karya. Antara pendekatannya ialah terdiri daripada pendekatan dakwah, pendekatan seni dan pendekatan masyarakat. Tujuan pengkaedahan ini diasaskan oleh Hashim Awang adalah untuk memperlihatkan atau menunjukkan kebesaran Allah SWT melalui sastera supaya dapat membantu mempertingkatkan sikap, sifat ketakwaan

dalam diri seseorang insan kepada-Nya. Dengan adanya pengkaedahan keagamaan ini dapat membantu mempertingkatkan hasil karya yang berunsurkan keagamaan untuk kalangan pembaca.

3.5.1.1 Pendekatan Dakwah

Pendekatan dakwah dikatakan sebagai satu hasil sastera yang menekankan aspek-aspek yang menyentuh segala persoalan yang berkaitan dengan pengutaraan kebesaran dan sifat-sifat keagungan Allah SWT dalam hasil kesusasteraan Islam. Pendekatan dakwah juga salah satu pendekatan yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Sastera juga dilihat sebagai satu wadah untuk meningkatkan nilai ketakwaan seseorang insan kepada Allah SWT.

Pendekatan ini lebih membincangkan kepada perihal seseorang individu yang taat dan melakukan perintah-Nya. Dengan menerapkan pendekatan ini dalam pemikiran sesebuah karya dapat membantu melahirkan insan yang bersifat kaya dengan sopan santun dan beradab dalam melakukan dan menyampaikan sesuatu perkara melalui perbuatan atau pertuturan. Menurut Hashim Awang (1989) melalui pendekatan dakwah sastera ini dapat dilihat sebagai wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan atau ketaatan seseorang insan kepada Allah. Pendekatan ini berfungsi ke arah memperkembangkan keunggulan Islam melalui nilai kemurnian dan keistimewaan Islam yang boleh menimbulkan daya tarikan.

Menurut Hashim Awang (2002) menyatakan berkaitan dengan pendekatan dakwah yang mempunyai persoalan tentang kemurnian dan kelebihan agama Islam yang dapat menimbulkan kesan daya tarikan yang besar dan mendalam terhadap kesucian agama Islam. Namun begitu, sastera juga dikatakan sebagai alat pengembangan Islam dalam konteks penghayatan keunggulan dan keagungan Allah SWT manakala menurut Hashim Awang (1994) juga menegaskan sastera dalam tanggapan kudus sewajarnya


mengandung persoalan-persoalan yang memaparkan sifat-sifat keindahan, kemuliaan dan ketinggian Allah SWT.



UNIVERSITI




MALAYSIA



KELANTAN

3.6 Kerangka Konseptual



Rajah 3.6: Kerangka Konseptual

3.7 Penutup

Secara keseluruhannya, pada bahagian ini akan membincangkan berkaitan kaedah yang digunakan bagi membantu menyiapkan kajian ini. Penetapan kaedah kajian dan juga pengaplikasian unsur kesopanan dalam kajian ini adalah penting. Hal ini dikatakan demikian kerana, ia bertujuan untuk memastikan kajian yang dihasilkan ini mengikut prosedur yang telah ditetapkan iaitu perlu tersusun, teratur dan sistematik. Penetapan kaedah ini amat penting bagi memastikan segala maklumat yang dicari, diguna pakai, dikumpulkan sesuai dengan tajuk kajian yang ingin dihasilkan. Malah penggunaan unsur kesopanan sebagai rujukan dalam membentuk hujah atau analisis yang mantap, kukuh dan diterima. Penggunaan kaedah kualitatif dalam kajian ini ialah kaedah perpustakaan dan analisis teks serta penggunaan unsur kesopanan berdasarkan prinsip-prinsip kesopanan yang digunakan dalam menghasilkan satu kajian yang baik.

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Hasil daripada proses menganalisis data-data yang terdapat dalam novel *Maghfirah* karya Rehan Makhtar dapat dikumpul dan diperolehi oleh pengkaji maka dengan adanya data-data yang diperolehi tersebut akan dibincangkan dengan lebih terperinci pada bahagian ini. Pengkaji akan membahas dan menghuraikan berkaitan dengan data-data yang diperolehi dalam novel *Maghfirah* yang merupakan sebuah karya Rehan Makhtar. Seterusnya, setiap data-data yang diperolehi akan dianalisis dengan menggunakan satu prinsip yang sesuai dan telah dipilih iaitu pengkaji akan mengaplikasikan data-data tersebut dengan menggunakan satu teori yang berkaitan. Teori yang digunakan ialah Teori Pengkaedahan Melayu iaitu dari segi Pengkaedahan Keagamaan iaitu Pendekatan Dakwah. Bab ini, pengkaji akan memfokuskan kepada unsur kesopanan yang terdapat dalam novel ini.

4.2 Unsur Kesopanan yang terdapat dalam novel Maghfirah karya Rehan Makhtar.

Antara unsur kesopanan yang akan diperjelaskan secara terperinci dalam kajian ini adalah dari segi unsur kesopanan yang terdiri daripada Tutur kata, Penggunaan Bahasa, Keperibadian, Komunikasi secara lisan (verbal) dan Komunikasi secara bukan lisan (nonverbal).

4.2.1 Tutur Kata

Kesantunan tutur kata adalah perkara asas dalam sesebuah komunikasi yang menggambarkan aturan sosial dalam sesebuah masyarakat dalam kehidupan seharian. Tutur kata juga merujuk kepada penggunaan kata yang tertib dan halus yang mempunyai nilai hormat kepada seseorang, nilai kerendahan hati dan mempunyai integriti dalam berinteraksi antara satu sama lain . Menurut Lakoff (1975) menyatakan bahawa tutur kata dibangunkan oleh sesebuah masyarakat dalam usaha untuk mengurangkan pergeseran dalam berinteraksi secara peribadi sekali gus dapat dijadikan sebagai salah satu strategi untuk mengelakkan sebarang konflik timbul dalam tutur kata. Tutur kata yang sopan dapat memberikan kesan yang positif kerana tutur kata yang disampaikan dengan menggunakan bahasa yang halus dan mendalam agar tidak mengguriskan hati dengan penggunaan tutur kata yang tidak sopan. Hal ini dikatakan demikian kerana, unsur kesopanan dari segi tutur kata ini sangat memainkan peranan dalam komunikasi antara satu sama lain.

Menurut Kamus Bahasa Melayu (2017), tutur kata membawa maksud kepada percakapan atau pandangan seseorang individu berdasarkan sesuatu pendapat dan fikiran dalam hati. Disini dapat dilihat juga, bahawa tutur kata merupakan lambang dan cerminan diri seseorang individu. Kesan daripada ini dapat memberikan penekanan kepada seseorang untuk bersikap positif dan difokuskan pada apa yang dimilikinya berbanding dengan apa yang dia tidak ada dalam dirinya. Oleh itu, tutur kata sangat

memainkan peranan dan mempunyai pengaruh dalam diri seseorang individu. Biasanya, penggunaan tutur kata seseorang itu berdasarkan hatinya . Namun kadang kala, tutur kata juga menggambarkan bagaimana emosi kita. Tutur kata seseorang itu boleh berubah, disebabkan perasaan, keadaan ataupun apa-apa sahaja.

Selain itu, tutur kata seseorang individu dikaitkan dengan sikap dan pemikiran yang positif dapat memberikan impak yang baik dalam percakapan seseorang individu tersebut. Menurut Asmah Haji Omar (1987), Tutur kata ialah melambangkan kepada satu inspirasi malahan manifestasi interaksi sosial dan cerminan kehidupan bagi sesuatu kumpulan untuk membina identiti dirinya yang serba tersendiri dalam Masyarakat. Sehubungan dengan itu, tutur kata, bahasa dan masyarakat juga sememangnya tidak dapat dipisahkan apabila berlakunya interaksi sosial sebegini. Oleh itu, dengan berbahasa juga masyarakat dapat mengekspresikan sesuatu maklumat, buah fikiran, pandangan, pendapat dan hujahan bagi membentuk permuafakatan dalam sekelompok individu yang berbeza etnik, budaya mahupun agama.

Seterusnya, dapat dilihat bahawa unsur kesopanan juga turut diterapkan dalam penceritaan novel ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, terdapat beberapa teks yang ditemui dalam novel maghfirah ini yang berkaitan dengan unsur kesopanan yang dapat diambil dan dilihat kerana mengangkat unsur-unsur kesopanan dalam sebuah cerita yang dihasilkan tersebut. Walaupun unsur kesopanan kurang diambil berat dalam kalangan pembaca tetapi ia dapat memberikan impak yang positif dan mahupun negatif mengikut pandangan individu masing-masing kerana ia tidak dapat memuaskan kesemuanya kerana mengikut pandangan individu terhadap sesuatu perkara.

Unsur kesopanan ini dapat dilihat dalam teks novel yang berjudul Maghfirah sebuah karya Rehan Makhtar. Keratan daripada teks novel yang memperlihatkan unsur kesopanan dapat dilihat dibawah.

Petikan 1

'Err..... saya rasa saya boleh tidur mana-mana aje malam ini. Pak cik jangan risaulah. Ini pun, saya jalanlah keluar jalan besar tu sikit, tahan mana-mana kenderaan nak ke bandar.....' Lambat-lambat lan bersuara.

Disusun satu persatu perkataan. Takut lukakan hati dan niat baik orang. Dia yang kerut wajah. Pak cik Mansor hanya tenang.

(Rehan Makhtar, 2022: 14)

Menerusi contoh petikan daripada novel Maghfirah ini, menjelaskan berkaitan dengan unsur kesopanan yang menunjukkan perbualan, tutur kata atau percakapan antara watak yang terdapat dalam novel ini iaitu perbualan antara watak lan dan Pak cik Mansor. Pada permulaan cerita ini, ia menunjukkan bahawa watak lan yang seorang yang kaya dengan budi pekerti dan penuh kesopanan dalam diri kerana setiap tutur kata yang diperlihatkan tersebut mempunyai penyusunan kata yang sesuai agar tidak melukakan hati seseorang individu yang baru dikenali. Disini dapat dilihat, bahawa unsur kesopanan sangat mempengaruhi dalam unsur kesopanan.

Kisah jalan penceritaan novel ini adalah kaya dengan sikap yang diterapkan dalam sesebuah watak dengan unsur kesopanan dan mampu memberi impak yang positif dan mengangkat unsur kesopanan dalam kalangan pembaca. Hal ini dikatakan demikian kerana, kisah ini boleh dikatakan, boleh mengangkat isu yang berkaitan dengan unsur kesopanan kerana ia menerapkan beberapa unsur kesopanan dalam novel ini dalam bentuk yang boleh menarik kalangan pembaca dan boleh dijadikan sebagai iktibar. Di samping itu, unsur kesopanan ini sangat memainkan peranan yang utama dalam membantu meningkatkan dan menerapkan unsur kesopanan dari segi tutur kata kepada kalangan masyarakat. Tutur kata yang ditonjolkan dalam novel ini dapat memberikan satu kesan yang positif kepada kalangan masyarakat dan menjadikan satu pengaruh yang dapat mempengaruhi setiap tutur kata yang disampaikan. Di sini dapat dilihat bahawa, watak lan dapat menunjukkan seorang yang kaya dengan unsur kesopanan

kerana setiap tingkah laku dengan tutur kata seiring dengan sikap yang ditunjukkan dalam watak tersebut.

Unsur kesopanan yang seterusnya dapat dilihat dalam novel ini ialah berkaitan dengan unsur kesopanan melalui tutur kata lagi. Petikan di bawah menunjukkan tutur kata antara watak Ian dan Pak cik Mansor.

Petikan 2

'Errr....pak cik, jangan salah faham.' Ian meningkah. Mahu kecik hati pula Pak cik Mansor dengan aku!

"Saya suka pak cik ajak saya bermalam dekat rumah pak cik tapi saya rasa macam menyusahkan. Itu aje. Dan kalau pak cik hantar saya, saya rasa bersalah. Pak cik rehatlah.

(Rehan Makhtar, 2022: 14)

Menerusi petikan ini juga membincangkan berkaitan dengan unsur kesopanan dari segi tutur kata lagi. Contoh petikan ini, menunjukkan bahawa setiap penggunaan perkataan yang digunakan disusun terlebih dahulu mengikut kesesuaian untuk menimbulkan unsur kesopanan dalam setiap percakapan atau tutur kata yang ingin ditunjukkan oleh pengarang kepada pembaca mahupun dalam kalangan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, petikan ini menceritakan berkaitan watak Ian yang mempunyai sikap yang berfikiran jauh sebelum menyampaikan sesuatu perkara agar tidak menimbulkan rasa salah faham dan lebih menjaga hati orang tua.

Di samping itu, dapat dilihat bahawa jalan cerita yang diterapkan dalam novel ini, penulis sangat mementingkan dan menerapkan beberapa unsur kesopanan yang berkaitan ditemui dalam novel Maghfirah karya Rehan Makhtar. Setiap penulisan dalam karya novel ini banyak menunjukkan perkara-perkara yang baik dan boleh dijadikan iktibar yang positif kerana penulis menerapkan beberapa unsur yang baik seperti tolong-menolong sesama manusia walaupun tidak sama sekali kenali tetapi tetap melayan tetamu dengan sikap yang penuh kesopanan maka dengan itulah, diharapkan setiap

perkara yang baik terdapat dalam novel ini dapat ditonjolkan lagi kepada golongan remaja dan kalangan masyarakat melalui watak-watak yang dihidupkan dalam novel ini.

Kedua-dua petikan ini boleh dikaitkan dengan Teori Pengkaedahan Melayu melalui pengkaedahan keagamaan dari segi pendekatan dakwah kerana contoh petikan ini menunjukkan ke arah sikap seseorang individu yang kaya dengan budi bahasa kerana setiap tutur kata yang digunakan sangat kaya dengan unsur kesopanan kerana setiap penggunaan bahasa yang digunakan sangat lembut dan tersusun sekali. Hal ini dikatakan demikian kerana, pendekatan dakwah ini sangat berkait rapat dengan sikap seseorang individu yang bersikap sopan dan beradab dalam sesuatu perkara agar tidak mudah melukakan hati seseorang dengan tutur kata yang disampaikan agar lebih menjaga hati dan tidak mengguriskan hati sesiapa. Dengan ini, juga diharapkan dapat melahirkan insan yang lebih sopan dan beradab dimasa yang akan datang kerana sikap merupakan cerminan seseorang individu. Penulisan novel ini sangat mengetengahkan penulisan yang berkaitan dengan sikap, kesopanan, santun dan sebagainya.

Diharapkan penulisan novel ini, dapat memberikan kesan yang baik dan boleh diterima baik dalam kalangan pembaca dan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, pendekatan dakwah berkait rapat dengan sikap yang menerapkan dalam pemikiran sesebuah karya dan dapat membantu melahirkan insan yang bersifat kaya dengan sopan santun dan beradab dalam melakukan dan menyampaikan sesuatu perkara melalui perbuatan atau pertuturan. Selain itu, penulis novel ini cuba untuk mengetengahkan dengan unsur-unsur kesopanan yang perlu ada pada seseorang individu walaupun dengan orang yang dikenali mahupun tidak dikenali tetapi perlu menunjukkan sikap yang baik dan sopan dalam setiap perkara. Dengan pada itu juga, ini dapat menambahkan pengetahuan kepada pembaca mahupun kalangan masyarakat berkaitan dengan unsur kesopanan agar dapat dijadikan sebagai contoh ataupun iktibar yang positif dalam kalangan masyarakat namun dalam pada itu juga secara tidak langsung dapat

memberikan satu iktibar kepada kalangan masyarakat untuk menerapkan unsur ini dalam kehidupan seharian.

4.2.2 Penggunaan bahasa

Penggunaan bahasa bukan semata-mata untuk menyatakan berkaitan dengan fikiran dan perasaan tetapi bahasa turut mempunyai hubungan yang erat dengan aspek kesopanan. Penggunaan bahasa sangat mempengaruhi dalam kehidupan seharian. Menurut Asmah Haji Omar (1996), ia menyatakan bahawa penggunaan bahasa berkaitan dengan peraturan-peraturan aspek kesopanan dalam hubungan sesama manusia dilihat dari segi tingkah laku bukan sahaja daripada bahasa gerak geri dan bahasa tutur kata. Dalam peristiwa bahasa ia melibatkan tentang pertemuan bersemuka seperti perbincangan, kesopanan dalam tutur kata dan tingkah laku yang diterapkan pada watak-watak yang terdapat dalam karya yang ingin disampaikan dan dapat dilihat dengan jelas.

Selain itu, dari segi aspek sosiobudaya melayu ia, menyatakan berkaitan dengan kesantunan dalam kalangan masyarakat Melayu yang berkait rapat dengan sifat rendah hati apabila menggunakan bahasa dalam percakapan atau tutur kata. Penutur Melayu yang ingin menunjukkan kesantunan di dalam sesuatu percakapan haruslah menggunakan perkataan-perkataan yang sesuai dengan keadaan semasa. Kesantunan dalam penggunaan bahasa bergantung kepada bentuk-bentuk bahasa yang tertentu digunakan, iaitu semakin banyak penggunaan bahasa yang halus, kiasan dan sebagainya semakin bertambah tingkat kesopanan atau kesantunan seseorang tersebut. Menurut Asmah Haji Omar (1996), berpandangan bahawa penggunaan bahasa yang tidak menimbulkan kemarahan, kekusaran atau kecil hati dari pihak yang lain boleh dikatakan sebagai mewakili penggunaan bahasa yang sopan. Terdapat juga bahasa yang lebih halus iaitu lebih sopan daripada penggunaan bahasa yang digunakan sehari-hari.

Menurut Asmah Haji Omar (1996), turut menyatakan bahawa kesopanan mempunyai dua jenis iaitu terdiri daripada kesopanan asas dan berkendala. Kesopanan asas adalah merujuk kepada kesopanan yang sedia ada dalam diri seseorang individu tersebut manakala kesopanan berkedala pula merujuk atau lebih kepada menggambarkan usaha yang dilakukan oleh kalangan masyarakat dalam hubungan satu sama lain dengan memberi perhatian dengan lebih kendala seperti taraf dan peranan orang yang bercakap dengan kita.

Kajian ini menunjukkan bahawa aspek kesopanan merupakan sesuatu yang menarik untuk dilihat walaupun unsur kesopanan dititik beratkan, namun dalam situasi tertentu kesopanan gagal dipertahankan. Kadang kala ada juga yang berlaku ketidaksopanan tetapi tidaklah terlalu melampau atau tidak dapat dikawal langsung oleh pihak yang tertentu atau pihak yang mempunyai kedudukan. Unsur kesopanan haruslah diterapkan dan ditanam dalam diri seseorang individu kerana kesopanan sangat mementingkan penggunaan bahasa dalam kehidupan seharian. Penggunaan bahasa dalam kehidupan seharian haruslah dijaga agar tidak menimbulkan sebarang masalah atau menimbulkan perkara-perkara yang tidak diinginkan dalam hidup bersosial. Bahasa yang digunakan dalam percakapan dan tutur kata haruslah dijaga dengan baik walaupun kadang kala ada segelintir individu yang suka bercakap dan menggunakan bahasa yang kasar. Disebabkan itulah, dapat menunjukkan sikap seseorang individu tersebut.

Pengarang novel ini turut menerapkan unsur kesopanan dalam jalan cerita yang dihasilkan dalam novel ini. penulis sangat mementingkan penggunaan unsur ini melalui dengan hasil penulisannya dalam novel ini untuk memberikan atau menimbulkan kesan pembacaan kepada pembaca dan kalangan masyarakat. Novel ini boleh dikatakan boleh mengangkat unsur kesopanan dalam sesebuah karya yang dihasilkan. Setiap unsur kesopanan yang ditemui dalam novel ini dapat memberikan kesan yang positif tetapi ada kalanya yang negatif namun bergantung kepada pemikiran masing-masing kerana setiap pandangan individu berbeza-beza dan tidak sama. Hal ini dikatakan demikian

kerana, setiap individu sememangnya mempunyai pendirian, pendapat dan pemikiran yang berbeza kerana ia dipengaruhi oleh sikap individu tersebut.

Unsur kesopanan ini dari segi penggunaan bahasa ini boleh dilihat dalam teks novel ini.

Petikan ini dibawah menunjukkan unsur kesopanan yang berkaitan.

Petikan 1

“Tak susahlah, lan. Kamu datang bawa rezeki...”

Itulah ayat yang diucapkan Pak Mansor sejak semalam. Apa rezeki yang dia bawa pun dia tak tahu. Dahlah datang bawa diri dengan beg aje. Mana ada buah tangan sikit pun.

(Rehan Makhtar, 2022: 72)

Contoh petikan ini menunjukkan berkaitan dengan kesopanan yang merujuk kepada penggunaan bahasa. Penggunaan bahasa yang digunakan dalam teks ini melambangkan seseorang itu kaya dengan sikap kesopanan apabila melayan tetamu dengan baik dan penuh tatatertib. Namun setiap orang mempunyai sikap dan pandangan yang berbeza-beza apabila melayan tetamu. Disini dapat dilihat bahawa penulis menitikberatkan berkaitan dengan kesopanan menerima tetamu. Watak Pak cik Mansor dalam novel ini menunjukkan seorang manusia yang kaya dengan sikap yang baik dalam segala hal dan menerima dengan hati yang terbuka.

Penggunaan bahasa yang diterapkan dalam teks novel ini dapat menunjukkan bahawa bahasa yang digunakan tersebut dapat melambangkan kepada bahasa yang membawa kepada maksud yang mendalam seperti penggunaan bahasa ‘kamu datang bawa rezeki’. Disini ia digunakan untuk menunjukkan supaya dapat menenangkan dan mengurangkan rasa tidak selesa kerana terlalu memikirkan tentang hal tersebut tetapi itu tidak menimbulkan sebarang masalah.

Unsur kesopanan ini dapat diaplikasikan dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan dakwah kerana kesopanan yang ditunjukkan ini dapat dikaitkan dengan pendekatan dakwah. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan

bahasa yang digunakan melambangkan kepada satu sikap yang baik dan perlu dicontohi dalam semua kalangan individu. Watak yang ditunjukkan oleh penulis dalam novel ini adalah untuk menimbulkan kesan yang positif dalam kalangan pembaca dan masyarakat agar memberi kesedaran dalam diri untuk menjadi lebih baik dalam membantu orang lain yang memerlukan bantuan atau pertolongan. Sikap haruslah selari dengan penggunaan bahasa yang digunakan kerana ia mencerminkan keperibadian dalam diri seseorang individu. Disebabkan itulah, unsur kesopanan seperti ini perlu ada dalam diri masing-masing kerana kesopanan yang tinggi dapat menjadikan seorang yang disenangi ramai.

4.2.3 Keperibadian

Personaliti atau keperibadian merupakan satu cabang psikologi yang mengkaji keperibadian dan proses individu lain yang menjadikan kita sebagai manusia yang kaya dengan sikap masing-masing. Peribadi merupakan sahsiah seseorang yang sudah sehati dengan dirinya dan membentuk wataknya. Setiap individu sememangnya mempunyai personaliti atau keperibadian yang tidak sama kerana setiap personaliti yang berbeza-beza. Antara definisi yang lain merujuk kepada sesuatu kualiti atau keadaan yang terdapat atau sedia wujud di dalam seseorang individu untuk individu tersebut ialah menggelarkan dirinya sebagai seorang insan. Menurut Calvin S Hall & Gardner Lindzey (1978), dalam bukunya *Theories of Personality* (Psikologi Keperibadian), personaliti disebutkan sebagai pengertian keperibadian kepada sesuatu perkara yang memberi tata tertib dan keharmonisan terhadap segala macam tingkah laku yang berbeza-beza oleh individu tersebut. Personaliti juga merangkumi kepada beberapa penyusunan yang dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti biologi, psikologi dan sosiologi. Bagi proses pergaulan (sosialisasi) berlaku, seseorang individu itu perlu mempunyai personaliti.

Menurut M.V.C Jeffreys (1966), menyatakan peribadi adalah berdasarkan daripada tiga konsep yang saling berkaitan antara satu sama lain iaitu keindividualan, pergaulan dan masyarakat umum. Konsep ini adalah untuk mengaitkan individu dengan identitinya yang tersendiri iaitu seperti suatu ciri yang dikongsinya dengan manusia yang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana, ia bertanggungjawab terhadap perlakuan dan tutur katanya berdasarkan daripada rasional dan moral. Peribadi juga merupakan keadaan jiwa yang mantap kerana dapat melahirkan perbuatan dengan mudah tanpa memerlukan pertimbangan fikiran terlebih dahulu.

Menurut Kamus Bahasa Melayu (2017) keperibadian merujuk kepada perihal peribadi, sifat yang ada pada seseorang individu yang meliputi dari segi watak, ciri-ciri dan sebagainya yang khusus terdapat dalam diri seseorang. Personaliti dan keperibadian juga dikatakan sebagai satu cabang psikologi yang mengkaji tentang keperibadian dan proses individu yang menjadikan kita manusia. Keperibadian didefinisikan kepada satu kualiti atau keadaan yang terdapat atau sedia wujud dalam diri seseorang individu. Keperibadian ini merangkumi satu penyusunan di antara faktor-faktor seperti biologi, psikologi dan sosiologi dalam pergaulan perlulah mempunyai personaliti yang tersendiri.

Selain itu, personaliti ini sememangnya akan mempengaruhi kepada keperibadian seseorang individu tersebut kerana dengan adanya personaliti pada diri ia akan menggambarkan kepada keperibadian seseorang individu tersebut. Keperibadian merupakan salah satu cerminan yang terdapat pada seseorang individu. Setiap keperibadian yang ada pada seseorang sememangnya tidak sama kerana setiap orang mempunyai personaliti yang berbeza-beza. Budaya masyarakat juga memainkan peranan yang penting dalam proses pembentukan keperibadian seseorang. Keperibadian dalam diri seseorang individu tersebut boleh dikatakan bergantung kepada kenyataan-kenyataan sosial yang dilihat dan mempengaruhinya. Disini juga boleh dikatakan, keunggulan keperibadian seseorang bergantung kepada keupayaannya

untuk berinteraksi sesama manusia serta kesesuaiannya dengan pemikiran atau idealisme yang diterapkan dalam dirinya mahupun dalam hidup bermasyarakat.

Hal ini dikatakan demikian kerana, unsur kesopanan dari segi keperibadian ini dapat dilihat dalam novel ini kerana ia ada menerapkan beberapa unsur kesopanan yang dapat ditemui dalam novel. Penulis menerapkan unsur kesopanan dalam novel ini adalah untuk memberikan pencerahan kepada kalangan pembaca dan masyarakat agar dapat menerapkan unsur ini dalam kehidupan seharian. Unsur kesopanan ini sangat memberikan impak yang positif kepada pembaca namun mengikut kepada pandangan dan pendapat masing-masing kerana setiap pandangan sememangnya mempunyai kefahaman yang berbeza-beza.

Unsur kesopanan yang berkaitan dengan keperibadian dapat dilihat dalam novel ini yang merupakan sebuah karya daripada Rehan Makhtar. Petikan dibawah menunjukkan contoh teks yang boleh dikaitkan dengan unsur kesopanan.

Petikan 1

“Tak apa. Pak cik suka orang datang. Tetamu datang bawa rezeki. Lebih-lebih bagi tetamu yang tiba-tiba. Musafir. Pahala bila kita bantu musafir ni. Itu yang pak cik tahu. Tunggu kejap, nanti kita solat sama-sama..” Pak cik Mansor berpaling nak ke dapur.

(Rehan Makhtar, 2022: 16)

Petikan ini boleh dikaitkan dengan unsur kesopanan dari segi keperibadian. Petikan ini menunjukkan sikap dan keperibadian seseorang individu yang suka membantu sesama manusia tidak kira siapa walaupun orang tersebut baru dikenali. Disini dapat dilihat bahawa penggunaan kata yang digunakan tersebut dapat menunjukkan bahawa watak tersebut kaya dengan peribadi yang baik dan sopan apabila melayan tetamu. Unsur seperti inilah boleh dikatakan dapat memberikan kesan yang baik kepada pembaca dan kalangan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, petikan ini menceritakan berkaitan dengan watak Pak cik Mansor yang mempunyai keperibadian yang baik

kerana sudi membantu sesama manusia. Pembentukan peribadi berkait rapat dengan persekitaran yang mempengaruhinya. Sekiranya seseorang itu berada dalam keadaan atau suasana yang tidak baik mungkin ia akan mendorong ke arah yang tidak baik, namun disini dapat dilihat bahawa watak Pak cik Mansor ini dikelilingi oleh orang yang baik dan mendorongnya untuk melakukan kebaikan.

Penceritaan novel ini dapat dilihat, ia berkisahkan seorang warga emas yang berlatar belakangkan kemiskinan tetapi tidak menghalang dia untuk membantu seseorang individu yang memerlukan bantuannya. Disini dapat dilihat bahawa dia seorang yang mempunyai keperibadian yang tinggi dalam diri kerana tidak menganggap itu sebagai satu beban yang besar kepadanya kerana telah membantu seseorang individu yang baru sahaja dikenalnya. Watak utama tersebut ialah bernama lan yang merupakan seorang musafir yang datang daripada jauh. Dengan keperibadian yang terdapat dalam diri Pak cik Mansor ini telah menunjukkan bahawa unsur kesopanan dapat mempengaruhi sikap seseorang individu tidak kira siapa, namun bergantung juga kepada pandangan masing-masing kerana setiap pandangan mempunyai perbezaan kerana cara pola pemikiran yang tidak sama. Tetapi unsur kesopanan dari segi keperibadian ini dapat membuka mata kalangan masyarakat dan pembaca untuk menjadikan tetamu sebagai rezeki dan perlu memberikan layanan yang baik tanpa membeza-bezakan.

Keratan petikan daripada novel tersebut, boleh dikaitkan dengan Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan dakwah kerana petikan ini menyentuh berkaitan dengan sifat, sikap, keperibadian yang termasuk dalam pendekatan ini. hal ini dikatakan demikian kerana, ia menunjukkan berkaitan dengan unsur-unsur yang positif dan menyentuh berkaitan dengan pahala dan rezeki. Disini, ia menunjukkan bahawa seseorang individu itu perlu kaya dengan sikap yang baik agar dapat menjadikan seorang individu yang disanjung tinggi kerana hormat dengan keperibadian yang dimiliki

kerana setiap individu mempunyai peribadi yang berbeza-beza. Dengan adanya, keperibadian yang tinggi akan disanjung oleh kalangan masyarakat dan diterima baik.

Unsur kesopanan yang seterusnya dapat dilihat dalam novel ini iaitu masih lagi berkaitan dengan keperibadian. Petikan ini menunjukkan berkaitan dengan unsur kesopanan melalui keperibadian.

Petikan 2

Hari ni dah hari ketiga dia ada di rumah ni kerana kaki yang cedera. Selama tiga hari ini, Maghfirah dan Pak cik Mansor menyantuni sebaik yang mungkin.....

(Rehan Makhtar, 2022: 92)

Petikan di atas ini, menunjukkan berkaitan dengan unsur kesopanan yang diperlihatkan dalam novel ini iaitu berkaitan dengan keperibadian. Kesopanan yang diterapkan kepada watak yang terdapat dalam novel dapat menjadikan ia sebagai suatu kesan yang baik kerana dapat mempengaruhi orang lain untuk menjadi seorang yang mempunyai keperibadian yang baik agar mudah untuk membantu seseorang yang memerlukan pertolongan. Dengan adanya, keperibadian yang baik dalam diri sememangnya itu merupakan sebagai satu ganjaran kerana tidak semua mempunyai keperibadian seperti itu dan setiap orang mempunyai pandangan, pendapat dan pemikiran yang berbeza-beza. Keperibadian dalam diri perlu ditanam agar dapat menjadikan seorang insan yang kaya dengan kesopanan dalam diri.

Di samping itu, dapat dilihat bahawa novel ini mengisahkan dan menerapkan sikap yang boleh dikaitkan dengan unsur kesopanan. Walaupun unsur kesopanan kurang mendapat perhatian dalam penulisan karya tetapi dalam novel Maghfirah karya Rehan Makhtar banyak menyentuh berkaitan dengan unsur-unsur kesopanan termasuklah dari segi keperibadian. Keperibadian boleh dikatakan boleh berkait rapat dengan kesopanan kerana dengan adanya keperibadian dalam diri dapat menjadikan seseorang itu lebih sopan, bermoral, berpandangan jauh dan sebagainya dalam melakukan sesuatu

perkara. Hal ini dikatakan demikian kerana, petikan ini menunjukkan bahawa seseorang yang mempunyai peribadi yang baik kerana membantu sesama manusia tetapi tidak mengharapkan balasan kerana dia yakin bahawa dengan membantu sesama manusia akan mendapat ganjaran pahala.

Unsur kesopanan ini boleh diaplikasikan dengan Teori Pengkaedahan Melayu melalui pengkaedahan keagamaan iaitu pendekatan dakwah. Hal ini dikatakan demikian kerana, unsur kesopanan ini menunjukkan kepada satu sikap atau keperibadian watak Pak cik Mansor tersebut dalam melayani tetamu dengan penuh adab dan sopan. Sikap keperibadian yang ditunjukkan ini dapat dikaitkan dengan pendekatan dakwah kerana ia merujuk kepada satu sikap yang baik dan sopan santun agar tidak mengguris perasaan seseorang individu tersebut. Dengan adanya, unsur kesopanan seperti ini, diharapkan dapat memberikan iktibar atau tauladan yang baik kepada golongan masyarakat agar dapat menerapkan sikap seperti ini pada masa yang akan datang. Sikap seperti ini perlu ada dalam diri seseorang individu kerana dapat melahirkan insan yang penuh dengan kesopanan. Kesopanan merujuk kepada pelbagai perkara namun sikap dan keperibadian perlu tinggi dan kaya agar dapat dihormati oleh orang lain kerana sikap yang ditunjukkan.

4.2.4 Komunikasi secara lisan (verbal)

Komunikasi ialah merupakan sebuah bentuk atau proses yang berkaitan dengan penyampaian maklumat daripada satu pihak ke satu pihak yang lain. Menurut Verdeber (2004), menyatakan bahawa komunikasi sebagai proses membentuk dan berkongsi makna, perasaan dan idea dalam percakapan atau ucapan awam. Proses komunikasi biasanya melibatkan individu dan interaksi mereka dengan membicarakan beberapa konteks yang tertentu sebelum memulakan tutur kata dan percakapan antara satu sama yang lain. Komunikasi terbahagi kepada dua bahagian iaitu komunikasi secara lisan (verbal) dan komunikasi secara bukan lisan (nonverbal). Komunikasi secara lisan ialah

seperti merupakan proses komunikasi yang menggunakan percakapan untuk menyampaikan maklumat kepada penerima. Disini dapat dilihat, bahawa komunikasi lisan perlu mempunyai maklum balas yang diterima di mana komunikasi harus dijalankan dua hala antara penyampai dan penerima, sebagai contoh seperti watak pertama dengan watak sampingan yang ditonjolkan dalam novel. Penyampaian yang ditulis atau ingin disampaikan perlulah jelas agar apa yang disampaikan itu dapat difahami dengan betul.

Menurut Byrnes (1975), komunikasi merupakan satu proses di mana manusia menghantar dan menerima mesej antara satu sama lain. Komunikasi boleh dikatakan sebagai satu proses di mana manusia berkongsi pendapat, maklumat mahu pun perasaan. Komunikasi adalah satu proses interaksi antara manusia yang melibatkan pertuturan dan pertukaran pendapat, gerak isyarat atau simbol. Proses interaksi ini berlaku untuk mencapai objektif dalam komunikasi secara lisan iaitu dari segi bertukar-tukar maklumat, mempengaruhi tingkah laku, memujuk mahupun menukar keadaan fizikal dan mental manusia.

Seterusnya, Hybels & weaver (1992) mentakrifkan komunikasi sebagai satu proses komunikasi antara satu sama lain untuk menyampaikan pandangan, pendapat dan sebagainya. Komunikasi merupakan satu perkara yang penting dalam kehidupan seharian kerana ia, dikatakan sebagai keperluan bagi penutur dan penerima.

Menerusi novel ini dilihat bahawa, komunikasi secara lisan ini dapat menjelaskan terdapat beberapa makna yang diberikan dan mesej yang ingin disampaikan oleh dua individu yang berinteraksi dalam komunikasi yang telah berlaku. Mesej yang disampaikan boleh dilihat dalam pelbagai keadaan. Komunikasi secara lisan juga boleh berlaku dalam bentuk pertuturan dan penulisan. Walau bagaimanapun, kedua-duanya perlu dilihat dari perspektif yang berbeza-beza. Ini dapat menunjukkan komunikasi berlaku antara kedua-dua belah pihak. Dalam komunikasi lisan berbentuk tulisan, penerimaan mesej mungkin agar sukar untuk dipastikan. Ini menyukarkan lagi penulis

untuk memilih perkataan atau ayat yang bersesuaian dengan menggunakan tatabahasa dan nahu yang tepat untuk difahami dengan mudah oleh pembacanya.

Komunikasi lisan ini dapat dilihat dari segi simbol dan makna. Komunikasi ini berlaku antara individu yang memberikan penekanan kepada penggunaan bahasa sama ada menerusi penulisan atau pertuturan dalam memberi pendapat atau memberi pandangan dan berkongsi makna dengan yang lain. Komunikasi secara lisan dianggap sebagai satu komunikasi yang terbaik dalam usaha untuk menyampaikan mesej kepada orang lain. Komunikasi ini dapat dilihat, terdapat simbol atau kod yang tertentu untuk menerangkan situasi, individu atau suatu peristiwa yang berlaku. Biasanya penggunaan simbol atau huruf akan dirujuk untuk menjadikan suatu bahasa.

Disini dapat dilihat bahawa, dalam novel ini juga ada menerapkan berkaitan unsur kesopanan dari segi ini. Penulis novel menerapkan unsur kesopanan ini adalah untuk menunjukkan bahawa unsur kesopanan boleh disampaikan dalam beberapa segi tetapi perlu difahami oleh pembaca. Setiap unsur kesopanan yang ditemui dalam novel ini dapat menunjukkan kesopanan yang menggunakan komunikasi secara lisan iaitu verbal. Komunikasi secara lisan ini boleh dilihat dalam novel ini dari segi komunikasi antara watak utama dengan watak sampingan yang sering menjadi perbincangan dalam topik ini. Komunikasi antara mereka dapat dilihat bahasa yang digunakan untuk menerangkan emosi atau perasaan. Setiap perkataan yang digunakan sememangnya mempunyai makna yang khusus dan berlaku dalam situasi yang tertentu.

Sebagai contoh, dapat dilihat dalam petikan dibawah yang menunjukkan bahawa terdapat unsur kesopanan dari segi komunikasi secara lisan (verbal).

Petikan 1

“Maaf Pak cik. Dahlah menumpang. Susahkan pak cik pulak”. Nada lan kesal.

Tapi, Pak cik Mansor hanya senyum.

(Rehan Makhtar, 2022: 71)

Petikan diatas menunjukkan berkaitan dengan komunikasi secara lisan yang merujuk kepada bahasa yang digunakan yang mempunyai makna yang khusus. Disini dapat dilihat penggunaan bahasa yang mempunyai makna yang mendalam iaitu 'menumpang' yang boleh dikatakan, ia menunjuk kepada satu perasaan bersalah dan tidak selesa kerana baginya itu merupakan sebagai satu perkara yang menyusahkan kerana mengharapkan orang. Hal ini dikatakan demikian kerana, perkataan tersebut menerangkan tentang emosi atau perasaan yang dirasakannya berdasarkan situasi yang diperlihatkan. Unsur kesopanan seperti ini dapat membantu seseorang untuk memahami, menginterpretasikan makna atau melabel sesuatu yang dilihat, didengar atau dibaca. Antara salah satu sebab yang lain ialah, seseorang mungkin mempunyai peluang untuk membuat penilaian atau andaian dalam proses komunikasi.

Di samping itu dapat dilihat bahawa, penulis sangat menitik beratkan ke arah unsur kesopanan dalam penghasilan sesebuah karyanya walaupun unsur kesopanan kurang diambil berat dalam penulisan tetapi dalam novel ini ditemui terdapat beberapa unsur kesopanan yang boleh diambil. Jalan penceritaan cerita ini adalah sangat menarik kerana ia menerapkan berkaitan dengan sikap atau kesopanan seseorang individu dan watak yang ditunjukkan dalam novel ini dapat menimbulkan dan menghidupkan watak tersebut dan ini membantu pembaca untuk memahami apa yang ingin disampaikan oleh penulis. Jalan cerita yang diterapkan dalam novel ini sangat menarik dan mempunyai keunikan yang tersendiri.

Teori Pengkaedahan Melayu boleh diaplikasikan terhadap unsur kesopanan ini melalui pengkaedahan keagamaan iaitu dari segi pendekatan dakwah. Hal ini dikatakan demikian kerana ia menunjukkan salah satu sikap dan bahasa yang digunakan bersesuaian dengan pendekatan dakwah. Pendekatan dakwah merujuk kepada satu sikap yang baik dan boleh dijadikan sebagai tauladan kepada orang lain kerana ia boleh membantu melahirkan insan yang bersifat kaya dengan sopan santun dalam diri dan

sentiasa kaya dengan peribadi dalam segala hal termasuklah pertuturan atau perbuatan. Dalam novel ini, dapat dilihat bahawa penulis menyetengahkan berkaitan dengan kesopanan agar dapat memperlihatkan kesopanan bukan sahaja dari segi pertuturan tetapi melalui daripada keperibadian, cara penggunaan bahasa, komunikasi yang digunakan dan sebagainya. Diharapkan agar unsur kesopanan ini dapat dijadikan dan digunakan dalam kehidupan seharian.

4.2.5 Komunikasi secara bukan lisan (nonverbal)

Komunikasi merujuk kepada percakapan antara satu sama lain dalam menjalankan kehidupan seharian. Menurut Samsuddin A Rahim (1993) dalam bukunya yang bertajuk Komunikasi Asas, komunikasi ialah istilah pinjaman daripada bahasa Inggeris yang disebut dengan 'communication'. Istilah ini merupakan telah berasal daripada perkataan Latin *communicare* yang membawa maksud to make common atau mewujudkan persamaan. Terdapat berbagai-bagai takrifan mengenai komunikasi. Komunikasi juga merupakan satu medium untuk penyampaian maklumat melalui satu perutusan yang mempunyai pelbagai atau sedikit makna melalui simbol-simbol yang dialirkan daripada satu individu kepada individu yang lain, daripada seorang anggota kumpulan atau kumpulan kepada anggota kumpulan atau kumpulan yang lain. Komunikasi terbahagi kepada dua bahagian iaitu komunikasi secara lisan (verbal) dan komunikasi secara bukan lisan manakala menurut Byrnes (1975) menyatakan bahawa komunikasi adalah satu proses interaksi antara manusia yang melibatkan pertuturan dan pertukaran pendapat, gerak isyarat atau simbol.

Menurut S. Bernard Rosenblatt (1983) komunikasi bukan lisan adalah komunikasi yang berlaku tanpa kata-kata yang berterusan seperti dengan menerapkan bahasa tubuh yang terlibat dalam sebarang komunikasi. Komunikasi bukan lisan merujuk kepada bukan apa yang dikatakan dengan kata-kata tetapi bagaimana ia, dikatakan dan dinyatakan. Terdapat banyak jenis komunikasi bukan lisan antaranya seperti pandangan

atau gerakan mata, gerakan tangan, ekspresi wajah, gerak isyarat dan sebagainya. Beliau juga menyatakan komunikasi sebagai satu pertukaran idea, pendapat dan lain-lain yang bertujuan untuk dipersembahkan secara peribadi atau tidak peribadi melalui simbol atau isyarat yang bertujuan digunakan untuk mencapai matlamat komunikasi yang berkesan.

Berkenaan dengan komunikasi bukan lisan pula, terdapat pelbagai petua atau tips yang perlu diketahui dan dilihat untuk memahami dengan apa yang disampaikan oleh orang lain dalam pelbagai keadaan serta dapat menyampaikan sesuatu mesej dengan menggunakan cara bukan lisan dengan lebih efektif. Perkara ini amat penting bagi mengelakkan salah faham serta merapatkan lagi hubungan sesama subjek yang kita berkomunikasi. Komunikasi secara bukan lisan ini juga dikenali sebagai (nonverbal) yang membawa maksud tidak menggunakan percakapan tetapi ia hanya menunjukkan dengan riak muka, mata, pergerakan dan posisi tubuh badan, serta nada suara yang ditunjukkan dalam bentuk penyampaian melalui penulisan mahupun percakapan. Komunikasi secara bukan lisan ini tidak menggunakan kata-kata tetapi dengan menunjukkan dan menggunakan bahasa tubuh iaitu dari mimik muka dan gerakan badan, bahkan intonasi suara dan kecepatan berbicara.

Selain itu, komunikasi secara bukan lisan (nonverbal) ini, terdiri daripada beberapa jenis, antara lain gerakan tubuh, mimik wajah, gerakan mata, komunikasi ruang, sentuhan, parabahasa, dan komunikasi waktu. Unsur ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu tingkah laku dan unsur fizikal. Kedua-dua ini sangat mempengaruhi komunikasi secara bukan lisan. Penggunaan unsur ini sering diterapkan dalam sesebuah karya untuk menghasilkan sebuah karya yang mempunyai kelainan untuk menarik minat pembaca memahami apa yang ingin disampaikan oleh penulis kepada pembaca. Penggunaan bahasa gerakan tubuh ini dapat menunjukkan kesopanan itu untuk menyampaikan sesuatu perkara dengan penuh sopan walaupun tidak menyampaikan secara lisan. Kebaikan yang komunikasi bukan lisan ini dapat dilihat dari segi mesej

yang boleh disesuaikan dengan pembaca. Sebagai contoh, dapat dilihat dalam sesebuah buku ataupun novel.

Menerusi novel ini, penulis mengetengahkan berkaitan dengan unsur kesopanan yang boleh dikaitkan dengan komunikasi secara bukan lisan. Penulis telah menerapkan unsur kesopanan ini kepada watak yang dikemukakan dalam novel ini untuk menimbulkan kesan kepada pembaca. Unsur seperti ini kurang ditemui dalam sesebuah karya yang dihasilkan. Terdapat contoh teks yang berkaitan dengan unsur kesopanan ditemui dalam novel Maghfirah karya Rehan Makhtar.

Selanjutnya, unsur kesopanan yang berkaitan dengan komunikasi secara bukan lisan (nonverbal) dapat ditemui iaitu,

Petikan 1

“Tak apalah. Tetamu tak jadi nak bermalam dekat sini...” jawab Pak cik Mansor.

Gadis itu angguk tanda faham. Tak berkata apa. Jauh sekali nak menyoal. Akur tanpa sebarang bantahan.

(Rehan Makhtar, 2022: 15)

Rentetan daripada keratan petikan novel di atas, ia menunjukkan berkaitan dengan unsur kesopanan berdasarkan daripada komunikasi secara bukan lisan. Petikan ini memperlihatkan watak Maghfirah yang dikaitkan dengan komunikasi secara bukan lisan iaitu menggunakan bahasa gerak badan untuk menunjukkan tanda faham. Penulis telah menerapkan unsur ini dengan menggunakan bahasa gerak badan iaitu ‘angguk’. Angguk merupakan perbuatan yang sering dilakukan untuk menunjukkan tanda faham sekiranya apabila ditanya. Penulis menerapkan unsur ini untuk memperlihatkan sikap watak tersebut mempunyai kesopanan apabila bercakap dengan individu.

Di samping itu, dapat dilihat bahawa dalam karya novel ini penulis sangat menitik beratkan unsur kesopanan melalui komunikasi secara bukan lisan. Hal ini dikatakan demikian kerana, penulis ingin menunjukkan bahawa menggunakan komunikasi tanpa

lisan, pembaca boleh memahami dengan apa yang ingin disampaikan walaupun dengan menerapkan unsur penggunaan bahasa gerak badan iaitu melalui perbuatan, pandangan mata dan sebagainya. Penerapan unsur ini dalam karya ini merupakan sebagai satu kelainan untuk meningkatkan dan memperluaskan lagi dalam penghasilan sesebuah karya.

Unsur kesopanan yang seterusnya dapat dilihat dalam novel Maghfirah berkaitan dengan komunikasi secara bukan lisan (nonverbal) ialah,

Petikan 2

lan tunduk. Bila dia angkat mata, wajah yang cuba dipandang tadi jelas kelihatan. Rahang diketap. Jika tidak boleh tertanggal. Matanya tertancap tak lepas pada wajah itu yang juga sedang memandangi dia. Perlahan-lahan dia angguk. Tapi dibalas dengan pandangan daripada sepasang mata redup yang kosong semata.

(Rehan Makhtar, 2022: 15)

Petikan daripada teks novel Maghfirah ini menggambarkan berkaitan dengan unsur kesopanan melalui komunikasi secara bukan lisan. Contoh daripada petikan ini menunjukkan bahawa komunikasi secara bukan lisan ditemui dalam teks novel iaitu antara watak lan dan watak Pak cik Mansor. lan menunduk dan mengangkat mata adalah untuk menunjukkan bahawa dia tidak dapat mengeluarkan kata-kata kerana dia terkesima dengan apa yang disampaikan oleh Pak cik Mansor untuk membantunya dalam kesusahan. lan tidak dapat berkata-kata kerana ia sangat menghormati Pak cik Mansor dan tidak terdaya untuk menolak pelawaan tersebut untuk dia menumpang dirumah Pak cik Mansor.

Kisah penceritaan yang disampaikan oleh penulis ini, ia menggambarkan berkaitan dengan komunikasi secara bukan lisan dengan memperlihatkan contoh petikan di atas dengan hanya menunjukkan ekspresi wajah dan pergerakan badan dalam berkomunikasi, disini ia menunjukkan satu kelainan untuk menimbulkan kesan kepada

pembaca walaupun hanya menggunakan komunikasi seperti ini tetapi pembaca dapat memahami apa yang ingin disampaikan oleh penulis.

Rentetan daripada itu, contoh daripada teks novel ini yang ditemui berkenaan dengan unsur kesopanan boleh diaplikasikan dengan Teori Pengkaedahan melalui pengkaedahan keagamaan dari sudut pendekatan dakwah kerana disini dalam petikan tersebut menunjukkan salah satu sikap yang baik dan berkomunikasi walaupun hanya menggunakan komunikasi secara bukan lisan iaitu meliputi dari segi fizikal seperti bahasa gerak tubuh, riak wajah dan beberapa lagi. . Sikap yang ditunjukkan tersebut adalah menunjukkan seorang yang penuh dengan adab dan sopan apabila berkomunikasi dengan orang yang lebih tua, dengan itu juga boleh dikaitkan dengan menghormati antara satu sama lain. Melalui pendekatan ini ia boleh menjadikan seseorang itu untuk menjadi seorang yang lebih baik supaya dapat melahirkan insan yang kaya dengan kesopanan dalam segala perkara, dalam pada itu juga dapat dilihat bahawa penulis bukan sahaja menerapkan unsur kesopanan melalui pertuturan, sikap tetapi ia juga menerapkan komunikasi secara bukan lisan iaitu melalui perbuatan dari segi bahasa gerak badan, pandangan mata dan sebagainya. Hal ini dikatakan demikian kerana, walaupun menggunakan bahasa gerak tubuh tetapi masih mempunyai unsur kesopanan kerana setiap pergerakan yang ditunjukkan masih lagi menunjukkan sikap yang sopan untuk menghormati antara satu sama lain dalam komunikasi tersebut. Pendekatan ini boleh dikaitkan dengan unsur kesopanan kerana dalam watak yang ditunjukkan mempunyai yang sikap atau tingkah laku yang terdapat dalam pendekatan ini dan dengan ini dapat menggambarkan komunikasi secara bukan lisan (nonverbal) merupakan satu bentuk komunikasi yang boleh digunakan dalam komunikasi antara satu sama lain.

4.3 Penutup

Secara keseluruhan dalam bab ini merupakan hasil perbincangan yang diperolehi berdasarkan unsur kesopanan yang terdapat dalam novel Maghfirah karya Rehan Makhtar oleh pengkaji untuk menghasilkan sebuah analisis dan dapatan kajian yang lengkap dan padat. Terdapat beberapa unsur kesopanan yang diperolehi dalam teks novel ini iaitu dapat dilihat antaranya terdiri daripada tutur kata, penggunaan bahasa, keperibadian, komunikasi secara lisan (verbal) dan komunikasi secara bukan lisan (nonverbal). Melalui unsur kesopanan ini ia berfungsi untuk memperluaskan cara fikir masyarakat untuk menilai sesebuah karya yang mana tidak hanya tertumpu kepada genre novel sahaja namun karya-karya lain juga boleh dinilai. Manakala dengan ini dapat memberikan atau menimbulkan kesan yang positif dalam kalangan masyarakat kerana dapat didedahkan dengan unsur kesopanan. Unsur kesopanan ini memaparkan dari sudut yang positif kerana ia berkaitan dengan tutur kata, penggunaan bahasa, tingkah laku dan cara komunikasi dengan ini dapat mendorong masyarakat untuk menerapkan unsur kesopanan dalam diri mereka dan dapat menjadi manusia yang kaya dengan kesopanan dengan ini secara tidak langsung dapat dijadikan sebagai bahan didikan dan kesedaran kepada masyarakat tidak kira lapisan umur.

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bahagian yang akhir dalam kajian ini iaitu penutup kepada kajian penyelidikan ini. Pada bahagian ini pengkaji akan merumuskan berkaitan dengan kajian ini dengan satu rumusan keseluruhan dengan ringkas dan padat berkenaan bab-bab yang telah dibincangkan dalam kajian ini. Pengkaji juga akan menerangkan balik berkenaan bab 4 iaitu analisis dan dapatan kajian. Rumusan yang ini akan meliputi berkaitan dengan kefahaman novel, pengaplikasian teori dan unsur kesopanan yang terdapat dalam novel Maghfirah karya Rehan Makhtar ini. Selain itu, pengkaji juga akan mengemukakan beberapa cadangan agar dapat memberikan manfaat kepada orang ramai untuk menjana fikiran mereka ke arah yang lebih kritis dalam menghasilkan kajian berkaitan dengan unsur kesopanan yang terdapat dalam teks novel.

5.2 Rumusan

Berdasarkan daripada kajian yang telah dihasilkan, pengkaji dapat merumuskan bahawa kajian yang dijalankan ini oleh pengkaji adalah tidak secara meluas kerana kajian ini hanya diberi fokus utama kepada satu genre novel sahaja. Pengkaji memilih untuk menggunakan teks novel ini kerana pengkaji mendapati bahawa teks novel ini sangat sesuai untuk digunakan, mempunyai jalan cerita yang menarik, tersusun dari bab demi bab dan terdapat beberapa unsur kesopanan yang dapat diperolehi daripada teks novel ini.

Selain itu, dalam kajian ini hanya membincangkan berkaitan dengan unsur kesopanan yang terdapat dalam teks novel Maghfirah karya Rehan Makhtar dan mengaplikasikan unsur-unsur tersebut dengan menggunakan satu teori tempatan yang digagaskan oleh Hashim Awang (1997). Setiap unsur kesopanan yang diperolehi dalam teks novel tersebut akan dikaitkan dengan Teori Pengkaedahan Melayu melalui pengkaedahan keagamaan dari segi pendekatan moral. Unsur kesopanan yang diperolehi daripada kaedah analisis teks ialah terdiri daripada tutur kata, penggunaan bahasa, keperibadian, komunikasi secara lisan (verbal) dan komunikasi secara bukan lisan (nonverbal).

Melalui proses penelitian pengkaji mendapati bahawa semua unsur yang diterapkan dan ditonjolkan dalam setiap watak-watak yang terdapat dalam novel tersebut boleh dikatakan kesemuanya positif. Setiap unsur kesopanan yang diperolehi ini dapat dijadikan sebagai analisis dan dapatan kajian. Setiap analisis kajian yang dihasilkan akan diterangkan secara lebih terperinci dengan apa yang dimaksudkan dengan unsur kesopanan tersebut dan dapat dikaitkan dengan lebih lanjut dengan Teori Pengkaedahan Melayu untuk memantapkan lagi analisis dan dapat memenuhi objektif yang telah ditetapkan. Di samping itu, juga secara tidak langsung mereka dapat memperoleh atau menemui-memenuhi unsur kesopanan yang terdapat dalam novel ini dan dikaitkan dengan nilai-nilai moral yang ingin disampaikan. Aspek moral ini merupakan satu perkara yang bagus untuk diterapkan dalam diri setiap kalangan

masyarakat kerana nilai ini merupakan sesuatu perkara yang baik dan dituntut dalam agama untuk menjadikan seseorang individu kaya dengan sikap yang sopan maka dengan ini boleh dikatakan bahawa analisis kajian yang berkaitan dengan unsur kesopanan sangat bersesuaian dengan pengaplikasian prinsip keagamaan melalui pendekatan moral dari Teori Pengkaedahan Melayu.

Secara rumusnya, dapat disimpulkan bahawa melalui analisis yang telah dijalankan dan diperolehi pada bahagian bab 4, pengkaji berpendapat bahawa ke semua unsur kesopanan tersebut adalah sebagai satu paparan atau gambaran yang positif yang ditonjolkan oleh watak-watak yang terdapat dalam teks novel tersebut. Di samping itu, pengkaji juga mendapati unsur kesopanan ini mempunyai peranan dan potensi yang tersendiri dalam menimbulkan kesan kepada fikiran masyarakat untuk menilai sesuatu yang disampaikan dalam penceritaan.

Unsur kesopanan yang dipaparkan dalam novel Maghfirah ini merupakan sebagai satu keunikan yang tersendiri oleh pengarang untuk menimbulkan kelainan daripada karya-karya yang lain. Kebijaksanaan dan kepandaian pengarang dalam menerapkan unsur kesopanan dan diolah mengikut kesesuaian dapat memberikan kesan positif dan membuka minda kepada kalangan masyarakat atau pembaca untuk menilai hal-hal yang ingin disampaikan oleh pengarang dan ingin melihat sejauhmana pemikiran masyarakat dalam menilai sesuatu perkara yang tersirat yang cuba disampaikan oleh pengarang. Ini membuktikan bahawa unsur kesopanan ini dapat membuka minda dan mata masyarakat untuk melatih menjadi seseorang individu yang kaya dengan kesopanan dari segi segala hal untuk mengamalkan nilai-nilai yang baik dalam memperbaiki kekurangan yang terdapat diri untuk menjadikan seseorang individu yang penuh dengan kesopanan.

Natijahnya , kajian berkaitan dengan tentang unsur kesopanan ini sangat penting untuk diketengahkan atau diperluaskan lagi untuk dijadikan sebagai paparan atau gambaran yang berkenaan unsur kesopanan yang boleh dikaitkan dengan nilai moral buat

masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, ini merupakan satu ilmu yang boleh yang boleh diterapkan dalam kehidupan seharian dan juga dengan harapan agar dapat membuka fikiran mereka, dengan ini dapat menjadikan pemikiran mereka terbuka terhadap sesuatu perkara yang mereka pandang dalam sesebuah karya yang dibaca dari sudut yang positif. Oleh itu, pengkaji menghasilkan kajian ini untuk menjadikan sebagai input yang berguna kepada orang ramai.



5.3 Cadangan

Bahagian ini, pengkaji akan mengutarakan beberapa cadangan atau pendapat yang berkaitan dapat diambil dan dilakukan oleh pihak yang terlibat dalam bidang kesusasteraan. Setiap cadangan yang diutarakan sememangnya penting untuk dijadikan sebagai usul yang dapat mereka ambil dan jalankan supaya dapat menambah penambahbaikan yang lebih berkualiti daripada sebelumnya. Cadangan yang diusulkan ini adalah untuk memperkenalkan lagi berkaitan dengan topik yang dibincangkan iaitu berkenaan dengan unsur kesopanan.

Penyelidikan ini dapat meneruskan dengan cadangan yang boleh diambil untuk membantu meningkatkan dan memperluaskan kajian ini dalam kalangan pengkaji lain adalah dengan mengambil langkah untuk bekerjasama dengan beberapa pihak yang terlibat untuk menarik pengkaji-pengkaji yang lain untuk mengkaji berkaitan dengan unsur kesopanan. Hal ini dikatakan demikian kerana, cadangan ini adalah penting untuk membolehkan sesuatu perkara yang diusulkan ini dapat mereka ambil dan jalankan supaya dapat menghasilkan sebuah kajian lebih kemas dan dapat ditambahbaik agar dapat menghasilkan sebuah kajian yang lebih berkualiti daripada pengkaji yang sebelumnya kerana setiap kajian yang dihasilkan sememangnya mempunyai kelebihan dan kekurangan. Sekiranya, terdapat kekurangan dalam kajian tersebut dapat dijadikan sebagai rujukan untuk menambak sesebuah kajian bagi menghasilkan sebuah kajian yang lengkap dan padat daripada sebelumnya. Di samping itu, juga pihak tersebut boleh memperkenalkan lagi unsur kesopanan dalam komuniti yang terdiri daripada pelbagai lapisan umur, mahasiswa dan sebagainya sama ada secara langsung atau tidak langsung untuk memberi pengetahuan kepada mereka berkaitan dengan unsur kesopanan.

Cadangan pertama yang boleh diambil ialah pengkaji berharap agar kajian berkaitan dengan unsur kesopanan dapat dijalankan secara meluas oleh pengkaji-pengkaji yang akan datang dan dapat mengembangkan lagi kajian berdasarkan unsur kesopanan.

Cadangan ini diharapkan dapat membantu meningkatkan pengkaji-pengkaji yang lain untuk menghasilkan sebuah kajian yang berkaitan dengan unsur kesopanan yang terdapat dalam karya yang dihasilkan dari segi novel, cerita rakyat dan sebagainya untuk membantu meningkatkan dan memperluaskan lagi kajian berkaitan dengan unsur kesopanan untuk memudahkan dijadikan sebagai rujukan kepada pengkaji-pengkaji yang lain dan dapat menghasilkan sebuah kajian yang padat dan mantap. Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian yang berkaitan dengan unsur kesopanan ini kurang dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini hanya terdapat beberapa sahaja kajian yang berkaitan dengan unsur kesopanan yang terdapat dalam novel dan ini menyebabkan sumber rujukan terhad. Kajian unsur kesopanan ini kurang mendapat perhatian daripada pengkaji-pengkaji. Diharapkan dengan adanya, cadangan seperti ini dapat menyuntik semangat pengkaji-pengkaji yang akan datang untuk menghasilkan satu kajian berdasarkan unsur kesopanan kerana kajian berkaitan dengan unsur ini kurang mendapat perhatian mereka.

Sekiranya pengkaji-pengkaji yang berminat atau berhasrat untuk menghasilkan kajian berkaitan dengan topik ini disarankan agar dapat mempelbagaikan dan meningkatkan jumlah penggunaan karya yang sesuai. Penggunaan karya yang digunakan tersebut dapat membantu menghasilkan sebuah analisis dan dapatan kajian yang lebih jelas dan padat. Penggunaan cerita atau karya boleh dipilih oleh pengkaji tidak hanya tertumpu kepada teks novel sahaja tetapi seperti cerita rakyat dan sebagainya boleh digunakan untuk dijadikan sebagai bahan rujukan yang utama. Di samping itu, pengkaji juga menyaran agar kajian berkaitan dengan unsur kesopanan boleh diaplikasikan dengan teori-teori yang sesuai untuk mempelbagaikan lagi dari sudut pemahaman kerana dapat dikaitkan dengan prinsip-prinsip yang sesuai untuk diterapkan dalam kajian tersebut. Cadangan ini diharapkan agar dapat ditambahbaik dari kajian-kajian yang sebelum ini oleh pengkaji-pengkaji yang akan datang dan dapat melontarkan idea yang lebih bernas, hujahan yang lebih mantap, padat, lengkap dan kefahaman yang lebih jelas melalui

penulisan yang dihasilkan oleh mereka. Penulisan yang dihasilkan tersebut dapat menyumbang kepada pengkaji yang lain untuk kemudahan dijadikan sebagai bahan rujukan.

Selain itu, cadangan yang kedua ialah diharapkan agar pihak pengurusan penerbitan karya dapat mengambil langkah untuk membantu memperluaskan dan mengembangkan karya yang diterapkan dengan unsur kesopanan. Hal ini dikatakan demikian kerana, karya-karya yang berkaitan dengan unsur kesopana agak terhad dan perlu diteliti terlebih dahulu untuk mengenal pasti sesebuah karya tersebut mempunyai unsur kesopanan atau tidak ini menyebabkan kurang mendapat perhatian dalam kalangan lapisan masyarakat. Cadangan yang dikemukakan ini adalah untuk mengesyorkan pihak yang berkaitan iaitu pihak penerbitan buku untuk mengambil langkah yang dapat membantu meningkatkan khususnya penulisan karya sastera yang berkaitan dengan unsur kesopanan. Buku yang diterbitkan tersebut bukan hanya memfokuskan kepada aspek kesopanan sahaja tetapi diterapkan juga dengan nilai, pengajaran untuk dipelbagaikan. Setiap unsur kesopanan yang diterapkan dalam buku tersebut perlu disertakan dengan pengolahan yang sesuai untuk bertujuan memudahkan pembaca untuk memahami dan dikaitkan dengan kesopanan. Sekiranya buku yang berkaitan dengan unsur ini dapat dihasilkan dan diterbitkan, ia boleh dipasarkan pada pasaran untuk membantu pengkaji yang ingin berkaitan dengan unsur ini.

Oleh itu, diharapkan cadangan-cadangan yang diusulkan ini mendapat perhatian pihak yang berkaitan dan terlibat untuk mempertimbangkan cadangan tersebut untuk meningkatkan kajian-kajian mengenai unsur kesopanan dalam kalangan pengkaji yang akan datang. Diharapkan juga agar cadangan ini berupaya dalam memperkenalkan kefahaman tentang unsur kesopanan kepada masyarakat agar dapat menerapkan daam kehidupan seharian.

5.4 Penutup

Akhir sekali, sebagai penutup bagi kajian ini, pengkaji mendapati bahawa setiap kajian yang dilaksanakan oleh mana-mana pengkaji yang lain tidak kira apa jua konteks utama penyelidikan yang dihasilkan sekalipun ia tetap mempunyai satu nilai yang berharga kepada pengkaji kerana berhasil menyiapkan satu penyelidikan. Hal ini dikatakan demikian kerana, nilai yang terdapat pada kajian tersebut tidak ternilai kerana kajian ini dapat dikongsikan ilmunya kepada orang lain dan ini menunjukkan bahawa kajian ini tidak hanya memberikan kebaikan kepada pengkaji sahaja tetapi juga untuk orang lain untuk dijadikan sebagai bahan rujukan bagi menghasilkan sebuah kajian yang lebih lengkap dan padat. Di samping itu, pengkaji mengharapkan kajian yang disediakan ini dapat menambahkan ilmu pengetahuan secara lebih jelas dalam lebih mendalam lagi terhadap bidang kesusasteraan Melayu. Pengkaji juga berharap agar kajian ini dapat membantu sedikit sebanyak kepada pengkaji-pengkaji yang akan datang. Diharapkan juga unsur kesopanan ini mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji-pengkaji yang akan datang agar kajian berkaitan dengan unsur kesopanan ini dapat diperluas dan dikembangkan kerana kajian berdasarkan unsur kesopanan kurang mendapat perhatian.

BIBLIOGRAFI

- Arumugam, B. A., Abd. Mutalib, M., & Md Yusoff, M. F. (2020). Unsur Eufemisme dalam Novel Ranggau: Euphemism Elements in Ranggau Novel. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 10(1), 8–16.
- Asmah Haji Omar (1987). *Bahasa Malaysia Saintifik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (1996). *Wacana perbincangan, perbahasan dan perundingan*. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Arba'ie Sujud, Salihahs Razak & Siti Rabiatul Adawiah Jaffar (2015). Pemikiran Politik: Pemimpin dan Kepemimpinan dalam Novel Shahnnon Ahmad. *International Journal of the Malay World and Civilisation Arba'ie Sujud, Salihahs Razak & Siti Rabiatul Ad.*
- Ani Omar. 2008. *Kritikan Novel Cinta Madinah karya Abu Hassan Morad*. Kertas kerja Seminar Kesusasteraan Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, pada 14 dan 15 Januari.
- binti Mohamad, M. F., Karim, A. N. B. M., binti Marajah, N. S., Ismail, W. N. A. W., & Apandi, S. N. A. M. (2022). *Unsur Estetika Bahasa Yang Terdapat Dalam Novel Magis Karya Ramlee Awang Murshid*.
- binti Sayuti, S. M. (2023). *Unsur islam dalam cerpen Antologi Sejadah Ibadah Karya Radzemah Bolhassan satu pengaplikasian teori pengkaedahan melayu (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaysia Kelantan)*.
- Baharuddin, A. Z., & Omar, A. (2018). Pemikiran Mana Sikana dalam Drama: Thought in Mana Sikana's Drama. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*.
- Baha Zain (1991). *Mendekati Kesusteraan (Cetakan Ke)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Calvin S Hall & Gardner Lindzey (1978). *Theories of Personality*. Wiley.
- Balakrishnan A/L Arumugam, Mashetoh Abd Mutalib & Melor Fauzita Md. Yusof (2021). *Unsur Eufemisme Dalam Novel Satu Janji*. Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah Universiti Utara Malaysia (UUM).
- Che Abdullah Che Ya (2018). *Bedar Sukma Bisu daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu*. Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Creswell, J.W. 2005. *Research design: Qualitative and quantitative approach*. Thousand Oaks, CA: Sage Publication.
- Che Wan Muhammad Othman Bin Che Wan Md Azam, Nur Ameliya Binti Roslan, Nur Hanis Athirah Binti Rosazlan, Nur Hanis Binti Mohd Ramlee, Nurul Syazwani Farhana Binti Mohd Isa & Siti Nur Anis Binti Muhammad Apandi (2022). *Aspek Moral Dalam Novel Di Sebalik Dinara Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu*. Webinar Pelestarian Warisan Budaya Di Persada Dunia.
- Danziger dan Jahnsen (1983). *Pengenalan Kritikan Sastera*. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Derak, R. (2020). *Pemikiran Dalam Novel-Drama Bila Tuhan Berbicara Karya Faisal Tehrani: Faisal Tehrani's Thoughts in Novel-Drama Bila Tuhan Berbicara*. *PENDETA*, 11(2), 44–54.

- Ezzah'afifah dan Che Ibrahim (2015). *Pemikiran melayu dalam cerita lipur lara / Ezzah'afifah Nasrudin dan Che Ibrahim*. Journal of Business and Social Development.
- Eizah, H., Tengku, A., & Zahir A. (2021). Analisis Nilai Murni dalam Manuskrip 'Hikayat Saerah Dengan Suami'. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 9(2), 15-23.
- Fauzi Hasan, Tengku Intan Marliana Tengku Mohd Ali & Madiawati Mamat (2019). *Pemikiran Faisal Tehrani berdasarkan Novel-novel Pilihan*. JMS Vol. 2 Issue 1 (2019): 193 – 233.
- Ghazali, M. F. M., & Azmi, N. A. S. B. (2018). *Novel Mencari Cahaya: Penelitian Pemikiran Islam Dalam Lensa Teori Takmilah*. Organised By: Centre For Language Studies And Generic Development, 395.
- Hashim Ismail. 2003. *Pemikiran kaum muda di dalam novel-novel Melayu sebelum Perang Dunia Kedua*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Hamzah Hamdani (1993). "Pemikiran Dalam Novel Juara". Kertas kerja yang dimuatkan dalam buku Novel-Novel Malaysia dalam Kritikan yang diselenggarakan oleh Hamzah Hamdani. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hussein (1998). Pejuang bahasa yang tidak mengenal kalah. *Jurnal Magazine Malay*.
- Johari, H., Shaker, N. S. M., & Mohd, F. H. (2020). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 2(4), 1-11.
- Jumali Hj Selamat (2009). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Menjaras Ribut Menerusi Pendekatan Dakwah. *Jurnal Personalia Pelajar Bil. 12 Jun/June 2009* (19 - 37).
- Jumali S. (2012). *Analisis nilai murni dalam seteguh karang*. Pusat Akreditasi Pembelajaran Universiti Kebangsaan Malaysia, 197-208.
- Kartini Anwar (2017). *Pemikiran dan Gaya mengarang Raja Ali Haji*. Jendela Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarudin, S. A., & Sujud, A. (2017). Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 7.
- Koh Young Hun (1993). *Pemikiran Pramoedya Ananta Toer dalam Novel-novel Mutakhirnya*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.
- Kamus Bahasa Melayu (2007). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Md. Noor, Asmah Bee (2005) *Citra pemikiran politik wanita melalui novel "Perempuan politikus Melayu"*. Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan International Institute for Asian Studies, Tanjung Malim, pp. 1-16.
- Mat Dehan, A. A., & Yaakob, H. N. A. (2015). Teknik Retorik dalam Novel Salina Karya A. Samad Said. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 2.


- Mohd Khalidi, Siti Norashikin and Atan, Ernawita (2017) Unsur eufemisme dalam novel Jalan Retak karya A. Samad Said. *Journal of Business and Social Development*.
- Mazlina Mansor (2016). *Pemikiran dalam Novel Yamashita dan Percival*. International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, Universiti Utara Malaysia, Malaysia.
- Masrizayu Mustafa (2006). Pemikiran pengarang dalam Novel Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid bersama Mohd Izhwan. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature Jilid 11 No.2, 2020 / ISSN 1823-6812 (44-54)*.
- Mohd Haniff, M. Y., Siti Hamira, H., & Rohaya, M. A. (2018). Fenomena kesantunan bahasa dalam novel lentera mustika/Mohd Haniff Mohammad Yusoff, Siti Hamira Hamzani dan Rohaya Md. Ali. *Ideology Journal*, 3(2), 100-109.
- Mohd Faradi Mohamed Ghazali & Nur Aina Syahirah Azmi (2018) *Novel Mencari Cahaya: Penelitian Pemikiran Islam dalam Lensa Teori Takmilah*. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) Nilai-nilai murni dalam naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: satu penelitian pengkaedahan Melayu. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Analisis aspek kemasyarakatan melalui pemikiran A. Samad Said dalam novel Daerah Zeni dan Hujan Pagi. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2016). Penerapan nilai murni dalam Cerita Rakyat Melayu suatu aplikasi teori pengkaedahan Melayu: Analisis nilai kasih sayang dan nilai keadilan dalam masyarakat Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*. 5(2).
- Mat Dehan, A. A., & Yaakob, H. N. A. (2017). Keanekaragaman Retorik Gaya Trope dalam Penulisan Novel Salina. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*,
- Mohd Daud Ibrahim & Rohaidah Kamruddin (2015) Mesej Pengarang: Satu Penelitian Terhadap Novel Anak Titiwangsa Karya Sasterawan Negara Keris Mas. *International Journal of the Malay World and Civilisation*.
- Melayu, J. P., & Musa, J. D. M. Pengkaedahan Melayu: Manifestasinya Dalam Kumpulan Cerpen Perempuan Kerudung Hitam.
- Norazilah Buhari, Nor Azlili Hassan, Nik Norazira Abd Aziz dan Mohd Syuja Saedin (2022). Manifestasi Budaya Peradaban Melayu Dalam Novel Kasyaf Ain: Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal Of Law, Government And Communication (Ijlgc)*.
- Noor Hazwany Haji Arifin & Noryamisma Ismail (2014). Pemikiran Marzuki Ali Dalam 'Khazanah Segala Rimbun' Dari Aspek Teori Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*.
- Noraini Ibrahim & Ani Omar (2017). Analisis Pengarang Dalam Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa Karya Abdul Latip Bin Talib. *Sains Humanika*, 9(3).
- Naizalaila Mustapha (2019) *Analisis Cerpen Terpilih Karya Zurinah Hassan Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Projek Tahun Akhir, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

- Nur Haifa Rosle (2021). Penenun cinta: Analisis sisi Pengkaedahan melayu. Prosiding Kolokium Bahasa, Sastera Dan Budaya Melayu.
- Nurhamizah Hashim (2020). Pemikiran dalam Novel Semanis Khuyo. *Jurnal Pengajian Melayu – JOMAS, jilid 31, 2020: 151-168.*
- Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019). Aspek dakwah dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu. *Open Jurnal Systems.*
- Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. (2016). Pengurusan konflik dalam Cerita Rakyat Nusantara abad ke-19. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman), 4(2), 37-43.*
- NorFaiszah Binti Arbain & Sa'adiyah Ma'alip (2017) Fenomena Berbahasa Generasi Y: Satu Kajian dalam Novel Awek Chuck Taylor. *Jurnal Wacana Sarjana.*
- Nur Aisyah Shahira (2021). Gapura Iman: Citra Keagamaan Teori Pengkaedahan Melayu. Prosiding Kolokium Bahasa, Sastera Dan Budaya Melayu.
- Neeshanti A/P Rhamaroo (2018). *Novel Sungai Mengalir Lesu: Satu Kajian Strukturalisme Genetik.* Tesis Projek Tahun Akhir, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Siyanti, H. W. (2011). Analisis Nilai-nilai Moral dalam Hikayat Kalilah dan Dimnah Karya Baidaba. Tesis PhD. Malang: University of Muhammadiyah Malang.
- Nur Farhana, Zulkernin (2018) Gaya Retorik Skema Dalam Novel Gantung Karya Nadia Khan. Tesis Sarjana, Universiti Malaysia Sarawak.
- Nur Azimah Abdul Aziz, Halis Azhan Mohd Hanafiah & Roslina Abu Bakar (2018) *Unsur Eufemisme Dalam Dialog Novel Songket Berbenang Emas.* Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Nur Safiah, M. Z. (2020). *Nilai-Nilai Keislaman Menerusi Cerpen-Cerpen Terpilih dalam Seuntai Rindu Firdaus Karya Ana Balqis: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)).
- Noorhazwany & Noryamisma Ismail (2014). Pemikiran Marzuki Ali dalam Khazanah Segala Rimbun dari Aspek Teori Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu.*
- Nurulain Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh (2016) Retorik Naratif dalam Novel Orang Kota Bharu. *International Journal of the Malay World and Civilisation.*
- Nurathirah (2014). Pemikiran dalam Novel Pelangi Jingga. Bloggers buzz.
- Nor Hazwany dan Salmah Jan (2019). Pemikiran dalam Novel Siber Kasih Darmia dari Aspek Teori Estetika Bersepadu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 4, Issue 4.*
- Noor Amira Samsudin (2001). Transkripsi Analisis Pemikiran Shahnnon Ahmad Dalam Novel Sampah Dengan Mengaplikasikan Teori Spb4k. Tesis Projek Tahun Akhir, Universiti Malaysia Kelantan.
- Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019). *Novel Ayahanda karya Azizi Haji Abdullah: Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu melalui Pendekatan Kemasyarakatan.* Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia 43400, Serdang, Selangor.

- Othman, Mastura (2022). *Nilai - Nilai Kemanusiaan Dalam Novel Srengenge Karya Shahnnon Ahmad: Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Projek Tahun Akhir, Universiti Malaysia Kelantan.
- Othman, N. S. (2020). Akal Budi Orang Melayu Dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu (Disertasi Kedoktoran, Universiti Malaysia Kelantan).
- Rehan Makhtar (2022). *Maghfirah*. Precious Print Sdn. Bhd.
- Rahman Shaari (2001). Bimbingan istilah sastera. Utusan Publications.
- Rashid Masrii (2020). Pemikiran dan Nilai Murni dalam Karya Ranjau Sepanjang Jalan. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosazlan, N. H. A. (2023). Sajak Sebagai Medium Mendidik Masyarakat: Satu Penelitian Terhadap Puisi Terpilih Zurinah Hassan Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu (Disertasi Kedoktoran, Universiti Malaysia Kelantan).
- Rosmah Derak (2020). Pemikiran Dalam Novel 1515 Karya Faisal Tehrani. Fakulti Bahasa dan Komunikasi (UPSI).
- Ramlee Wahab (2016) *Keluhuran Bahasa dan Makna dalam Novel Hatimu Aisyah karya Zurinah Hassan*. Jurnal Dewan Sastera.
- Rohayati Junaidi (2022). *Pemikiran Dalam Novel Bimasakti Menari Berdasarkan Teori Spb4k*. Webinar Pelestarian Warisan Budaya Di Persada Dunia.
- Ratna Ayuningtiyas (2019). *Relasi Kuasa dalam Novel Anak Rantau karya Ahmad Fuadi: Kajian Teori Michel Foucault*. Jurnal Ilmiah Sarasvati Bahasa Sastra dan Pengajarannya.
- Syed Ali Asyraf (1989). Sastera Melayu Suatu Pengantar. Kuala Lumpur: Tinta Press Sdn Bhd.
- Selamat Jumali (2001). Cerminan Sosial dan Nilai Murni Dalam Novel-Novel Remaja. Tesis PHD, Universiti Putra Malaysia.
- Shahnnon Ahmad (1999). Alee, Isma-ae. "Ahmad, Shahnnon (1999) Shit. Kubang Kerian, Kelantan: Pustaka Reka.
- S.M Zakir (2014). Karya dan Kekuasaan Pengarang: Pemikiran dan Gaya Naratif Mukhtahir Anwar Ridhwan. *Jurnal Melayu Jilid 12(1)*.
- Sew, J. W. (2016). Analisis kajian sastera: Semiotik dalam novel Anwar Ridhwan. *Akademika*, 86(2), 53-63.
- Siti Khariah Zubir (2015). Pemikiran Khadijah Hashim dalam Novel Badai Semalam dan Laila Azwa Gadisku untuk Membangun Sahsiah Belia. *Jurnal Pendeta Vol.5 Siti Khariah 8.indd*.
- Shangkari a/p Rajan dan Siti Khariah Zubir (2011). Pemikiran Pengarang dalam novel Jeriji Kasih. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa, Universiti Malaysia Sabah*.
- Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud (2017). Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*.

- Sara Beden dan Indirawati Zahid (2015). Analisis Kesopanan Bahasa Leech (1983) & Grice (1975): Manifestasi Pola & Struktur Kesopanan Bahasa Dalam Novel Melunas Rindu. *Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 26*.
- Sara Beden & Radna Wismawati (2022). Novel Arus Benua : Perspektif Pengkaedahan Melayu. International Conference On Malay, Arabic & English Literature 2022 (Icmael 2022)At: Unisza Terengganu.
- Samsuddin A Rahim (1993). Komunikasi Asas. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Verdeber (2004). Communicate. Wadsworth.
- Wan Khairul Faiz, W. K. A. (2019). Analisis Cerpen-Cerpen Terpilih Di Dalam Kumpulan Cerpen Bidadari Burung Dengan Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu (Disertasi Kedoktoran, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)).
- Yaacob, M. F. C., & Abdillah, N. (2017). Penerapan nilai murni dalam Cerita Rakyat Melayu suatu aplikasi teori pengkaedahan Melayu: Analisis nilai kasih sayang dan nilai keadilan dalam masyarakat Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT), 5(2), 94-107*.
- Zawawi, N. E. A. (2022). Analisis Nilai Dan Pengajaran Dalam Buku 'Pantun Berkait: Peri Loka Tanah Melaka' Karya Azimin Daud (Disertasi Kedoktoran, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)).
- Zabidin Haji Ismail (2010). Pemikiran Politik dalam Novel Ahmad Boestamam. Ilham Books.

BIODATA PENULIS



Nama diberi Nur Suhada Binti Sahari. Nombor matrik C20A1276. Penulis berusia 23 tahun. Berasal dari Pasir Mas, Kelantan dan menetap di Kampung To dap To Uban. Dilahirkan pada 14 September 2000 di Hospital Pasir Mas, Kelantan. Penulis merupakan anak keempat daripada enam orang adik beradik. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan To Uban, selepas itu bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan To Uban dan seterusnya saya merupakan pelajar STPM di Sekolah Menengah Kebangsaan Kangkong. Sekarang saya menyambung pelajaran di Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian dalam elektif Kesusasteraan Warisan. Akhir Sekali, matlamat hidup penulis untuk menjadi seorang yang berjaya dan bekerja agar dapat memberi manfaat kepada keluarga dan orang lain.

MALAYSIA

KELANTAN